


کتاب  
التخمين الرقائبة في الالوار والهلرنية

EDISI RUMI



مقندوغي ورد ۲ سلفس سمبهغ يغ دنماكن  
الاوراد المدنية اتو الاوراد القشاشية  
بسرت دغن ترجمة دان شرحن  
التوق فارا فقمبارا دجالن  
اخرة.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين والصلوة والسلام على  
خاتم النبيين والمرسلين سيدنا محمد الامين وعلى اله  
الطيبين الطاهرين ومن تبعهم باحسان الي يوم الدين صلوة  
وسلاما دائمين بعدد الخلائق اجمعين ولا حول ولا قوة الا بالله  
العلي العظيم

Amma ba'du. Inilah kitab **النفحات الربانية في الاوراد**

**المدنية**. Ertinya: “Hembusan Rahmat Ketuhanan,  
Pada Menyatakan Wirid-Wirid Ahli Al-Madaniyah”.

Di dalam kitab-kitab karangan para ulama ahli sunnah wal jamaah, khususnya para ulama Syafiah, terdapat pelbagai wirid yang maksurah, yang diatur menurut susunan yang berbeza-beza, ada yang ringkas, ada yang panjang. Kesemuanya adalah muktabar dan boleh diamal, akan tetapi yang kita peturunkan di dalam kitab ini ialah wirid-wirid yang telah lazim diamal oleh

kebanyakan kaum muslimin di Tanah Jawi kita sejak zaman berzaman, untuk memelihara keseragaman dan memberi kemudahan bagi orang-orang awam. Wirid-wirid ini boleh diamal dengan tiada ijazah daripada masyeikh dan insya-

Allah, apabila berpengkal tolak dari عقائد yang sahih atas pegangan ahli al-hak, iaitu ahli sunnah wal jamaah, dibaca dengan betul tajwidnya dan diamal dengan niat yang ikhlas, semata-mata kerana mengharapkan wajah Allah Ta'ala – bukan kerana hendak kebal, atau hendak memagar tubuh atau hendakkan khadam atau hendak bersilat dan lain-lain tujuan keduniaan – ia tiada akan menghasilkan kehadiran roh-roh yang cemar atau roh-roh daripada alam yang rendah atau apa-apa perdayaan rohaniah, dan tiada akan mendatangkan apa-apa bahaya atau malapetaka dari segi rohaniah dan jasmaniah. Ia adalah wirid-wirid yang muktabar, yang ada nas-nas atau sandaran-sandaran yang sahih, dipenuhi berkat dan semerbak harum roh junjungan ﷺ.

Tujuan kitab ini disusun ialah untuk memenuhi permintaan beberapa orang saudara yang hendak mempelajari bacaan-bacaan selepas sembahyang fardu. Maka al-fakir yang serba daif ini telah menyahut permintaan ini, meskipun sungguh terasa ia bahawa dirinya bukanlah ahli di dalam

pekerjaan ini. Maka memohon ia pertolongan dari Allah 'Azza wa Jalla serta beriktihad atas-Nya.

ولا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم

Mudah-mudahan tiadalah sia-sia kiranya masa dan tenaga yang dicurahkan buat mengarang kitab ini. Semoga Allah Ta'ala akan memaaf dan mengampuni kelalaian al-fakir dan kecacatannya dan mengasihani akan dia di negeri dunia dan akhirat, amin.

Wirid-wirid ini telah disertai dengan terjemahannya, diberi pengenalan ringkas dan dicatatkan syarahnya sekadar terdaya, agar dapat disusur kembali kepada sumber-sumbernya. Dikenal fadilat-fadilatnya dan khasiat-khasiatnya.

Mereka yang berminat untuk mempelajari wirid sahaja dan tiada berkelapangan untuk menatap pengenalan serta syarahnya, bolehlah menumpukan perhatian kepada wirid sahaja.

Ada dua rangkaian aurad yang terdapat di dalam kitab ini, suatu yang pendek, yang untuk pengenalan maka diberi nama **الاوراد المدنية** atau

**الاوراد القشاشية** dan suatu lagi yang agak panjang,

yang berasaskan **الاوراد المدنية**.

Mudah-mudahan aurad yang muktabar yang tersebut di dalam kitab ini dapat kiranya memberi manfaat bagi kaum muslimin dan muslimat di dalam usaha-usaha mengabdikan diri ke hadrat Allah Rabbil'alamin dan mendatangkan berkat yang berkekalan kepada kita semua di dunia dan akhirat dan menyakin kita daripada bergantung atau beramal dengan wirid-wirid yang dijaja dan diijazahkan oleh syeikh-syeikh palsu atau khalifah-khalifah mereka atau dajal-dajal seumpama mereka yang banyak terdapat memasang perangkat dan mencari pengaruh pada akhir zaman ini, yang mana ada di antara mereka itu yang mendakwa bahawa kononnya tarekat mereka ialah "khatam dari segala tarekat" ( خاتم

الطرق!

Penulis ini memohon sekali lagi berbanyak maaf dan ampun kepada Allah Ta'ala atas setiap taksir dan dosa-dosanya dan setiap yang terbetik di dalam hatinya sewaktu menyusun Kitab ini dan memohon sudilah kiranya Rabb Ta'ala menerima persembahan kecil yang tiada sepertinya ini sebagai petaruhan untuk hari ma'ad, bagi melihat wajah-Nya Yang Maha Mulia.

رَبِّ آغْفِرْ وَأَرْحَمْ وَأَعْفُ وَتَكَرَّمْ وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ إِنَّكَ أَنْتَ

الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ

وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ

الْوَكِيلُ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

الفقير العاصي

الراجي رحمة ربه الغني

محمد بن علي بن احمد الابراهيمي

القطاني ثم الترنقاني ثم الكلنتاني

غفر الله له ولوالديه وللمسلمين و المسلمات

الاحياء منهم والاموات. أمين

Jumaat, 17 Jumadilakhir 1400

2 Mei 1980

## KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Kata Pengantar	1
Al-Aurad Al-Madaniyah: Pengenalan	8
Aurad Yang Lebih Panjang Berasaskan Al-Aurad Al-Madaniyah	33
Syarah Al-Aurad Atau Keterangan Ringkas Tentang Aurad	46
Beberapa Adab Zikir Bagi Mereka Yang Menyertai Majlis Zikir (Khususnya Majlis Tahlil)	161
Masalah: Apakah Berzikir Dengan Jahar Itu Makruh Atau Bida'ah	165
Beberapa Ayat Quran Yang Juga Boleh Dibawa Sebagai Wirid Selepas Tiap Sembahyang Fardu	167
Sepuluh Kalimat Selepas Tiap-Tiap Sembahyang Fardu	170
Beberapa Faedah	172
Khatimah	175
Lampiran	182
Daftar Sumber-Sumber Pilihan	192
Daftar Kesilapan Cetak	



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يَذَّكَّرَ أَوْ

أَرَادَ شُكُورًا وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ

وَصَحْبِهِ بَعْدَ كُلِّ مَنْ آمَنَ وَاتَّقَى وَبَعْدَ الْوَرَى وَالْثَرَى

## AL-AURAD AL-MADANIYAH

### PENGENALAN

Di dalam risalah ini kita peturunkan untuk manfaat kaum muslimin dan muslimat wirid-wirid selepas sembahyang yang lazim diamalkan zaman berzaman di Tanah Jawi kita. Kalimat wirid (jamaknya aurad) pada loghat maknanya mendatangi air atau berjalan menuju ke tempat yang ada air. Pada istilah ia digunakan dengan erti kata ayat Quran, istighfar dan zikir-zikir yang diamalkan dengan tetap pada waktu-waktu yang tertentu, seumpama selepas sembahyang lima

waktu atau pada waktu dinihari, yakni waktu sahur.

Berkata Al-'Arif Billahi Ahmad bin 'Ajibatulhusni di dalam kitabnya,

<sup>1</sup> ايقاظ الهمم في شرح الحكم الورد في اللغة هو الشرب،

قال تعالي:

بِسِّ الْوَرْدِ الْمَوْرُودُ

وفي الاصطلاح ما يرنبه العبد على نفسه او الشيخ على تلميذه  
من الاذكار والعبادات. اه.

Ertinya: Wirid itu pada bahasa ertinya: *meminum*.  
Firman Allah Ta'ala:

بِسِّ الْوَرْدِ الْمَوْرُودُ

---

<sup>1</sup> Lihat شركة مكتبه ومطبعة 'Ajibat: ايقاظ الهمم oleh Ibni 'Ajibat:

مصطفى البابي الحبي وأولاده بمصر . ms 208 1961m/1381h.

Surah Hud (Ayat 98) Maksudnya lebih kurang, *'Neraka itu seburuk-buruk tempat yang didatangi untuk minum'*.

Pada istilah, wirid ialah barang yang diaturkan oleh seseorang hamba Allah atas dirinya atau oleh seseorang syeikh atas muridnya daripada pelbagai zikir dan ibadat. Di dalam Kitab *Al-Ihya* oleh Al-Imam Al-Ghazali dan *Quatulqulub* oleh Abu Talib Al-Makki, ada disebut tentang wirid-wirid siang dan wirid-wirid malam dan disebut bahawa zikir, doa, sembahyang dan puasa adalah termasuk wirid-wirid dan bahawa tiap-tiap waktu itu ada wiridnya yang termaklum.

Orang yang mengamalkan wirid-wirid ini boleh diibaratkan sebagai pengembara-pengembara yang berjalan menuju sebuah *hauz* atau kolam yang ada air yang jernih lagi bersih. Air itu boleh diminumnya buat menghilangkan dahaganya, boleh digunakan buat bersuci dan membersihkan daripada najis dan kotoran dan boleh pula buat mendinginkan badan daripada kehangatan dan kepanasan. Maka demikianlah wirid-wirid ini, insya-Allah, apabila diamalkan dengan tetap, dengan istiqamah dan dengan niat yang ikhlas, maka ia akan menghilangkan dahaga rohaniah, ia menyucikan batin kita daripada najis dan kotoran yang maknawi, iaitu najis syirik dan pelbagai maksiat hati dan anggota dan menyejukkan hati kita daripada kepanasan perhampiran dengan

syaitan dan hangat api neraka yang menjulang ke hati.

Elok juga diperhatikan, bahawa perkataan *syarak*, *syir'at* dan *syariat* juga mengandungi makna: 'Jalan yang membawa ke air'. Maka syariat Muhammadiyah atau agama kita itu membawa kita menuju ke telaga kauthar Nabi ﷺ, menuju kepada air maknawi yang menghilangkan haus dan dahaga rohani kita, membersihkan kita daripada najis dan kotoran zahir dan batin mendinginkan kita serta memadamkan api neraka, dengan izin Allah Ta'ala. Ia membawa kita, insya-Allah, ke syurga.

Wirid biasa juga dinamakan *وظيفة* (jamaknya

*وظائف*), yang bererti *kerja* atau *pekerjaan*.

Memang, mengamalkan wirid-wirid adalah suatu kerja atau pekerjaan yang sungguh-sungguh bermakna, yang buahnya dapat dikecap, insya-Allah, di dunia dan di akhirat, dan ia memerlukan sifat sabar dan ketekunan dan istiqamah.

Ada pun wirid-wirid yang hendak dipeturunkan di sini ialah wirid-wirid yang disebut oleh As-Syeikh Abdul Rauf Fansuri di dalam kitabnya yang

bernama *عمدة المحتاجين*. Ia mengambilnya daripada gurunya, As-Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi Rahmatullah, yang mengambil pula daripada kebanyakan orang Madinah Ar-Rasul yang semasa dengannya.

As-Syeikh Abdul Rauf Fansuri ialah penterjemah kitab tafsir Al-Quran yang tertua di dalam Bahasa Melayu, iaitu *Tafsir Al-Bithawi* yang masyhur itu. Nama penuhnya ialah As-Syeikh Abdul Rauf bin Ali, terkenal dengan nama '*Syeikh Abdul Rauf dari Singkil*' atau '*Syeikh Abdul Rauf As-Sanaqli*' tetapi Syeikh Abdul Rauf suka menyamakan nisbahnya dengan ahli tasawuf yang ulung, Syeikh Hamzah Fansuri, dengan dinamakan dirinya juga dengan nama 'Abdul Rauf Fansuri'. Singkil dan Fansuri (atau Barus) adalah nama tempat di Sumatra. Adalah dianggarkan bahawa Syeikh Abdul Rauf lahir kira-kira pada tahun 1621m/1030h dan wafat kira-kira pada tahun 1693m/1105h. Di antara karangan-karangannya yang lain ialah,

1. Sebuah kitab tasawuf bernama *دقائق الحروف*
2. *مرءاة الطلاب*
3. Risalah Adab Murid Akan Syeikh

4. رسالة في بيان شروط الشيخ والمريد
5. كيفية ذكر لاله الاالله
6. سكرات الموت
7. المواعظ البديعة

Syeikh Abdul Rauf menganggap Syeikh Hamzah Fansuri sebagai seorang yang sah iktikhadnya dan amalannya dan bukan seorang yang kafir atau zindik.

Syeikh Abdul Rauf sendirinya adalah seorang ahli dalam tasawuf, yang mengamalkan *Tarekat Syathariah* dengan mengambil ijazah daripada Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi Rahmatullah.

As-Syed As-Syarif Ahmad bin Muhammad Yunus Al-Badri, yang lebih terkenal dengan '*Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi Al-Medani*' adalah daripada keturunan As-Syed Badr, wali yang masyhur yang dikebumikan di dalam zauwiahnya di Wadi An-Nur Zahir Al-Qudus As-Syarif dan Syeikh Ahmad ini adalah dari kalangan para imam aulia yang arifin dan di antara *أعيان العلماء العاملين*. Ia mengambil tarek daripada syeikh yang unggul

pada zamannya, iaitu As-Syeikh Ahmad As-Syanawi Al-Medani dan lain-lain lagi. Di antara murid-murid yang masyhur, yang mengambil tarek daripadanya, selain daripada As-Syeikh Abdul Rauf Al-Jawi Al-Fansuri dari Sumatra Utara, ialah As-Syeikh Ibrahim Al-Kurani, yang hidup antara tahun 1616-1690m/1025-1101h yang juga terkenal dengan nama '*Mala Ibrahim Al-Kurdi Al-Kurani*' orang Kurdi, suatu suku daripada suku-suku Bangsa Turki. Berkata As-Syeikh

Yusuf bin Ismail An-Nabhani di dalam جامع

كرامات الاولياء<sup>2</sup> berkata Al-Muhbi: '*Bahawasanya para aulia yang sewaktu dengannya naik saksi bahawasanya Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi ialah امام*

الفرد.' Al-Syeikh Ayub Al-Damasyqi pernah menulis di dalam sepucuk di antara beberapa pucuk suratnya kepada Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi bahawa: '*Tiap waktu itu ada 'صمد'nya yakni 'sandaran'nya dan bahawasanya Tuan hamba, demi Allah, ialah صمد waktu ini*'.

Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi menghasilkan kira-kira lima puluh buah karangan, di antara karangan-

---

<sup>2</sup> جزء 1، بلا تاريخ. بيروت، دارصادر، ms 336-337

karangan yang paling banyak memberi manfaat. Menurut Al-Muhbi, bahawasanya Syeikh Ahmad telah sampai kepada 'مقام الختم' pada zamannya.

Terdapat keterangan pada pinggir risalah Al-'Arif Billah Salam bin Ahmad bin Sheikhan Baghlui yang berjudul *شق الجيب في معرفة رجال الغيب*

bahawa 'الختم' itu ialah seorang daripada setiap zaman yang dengannya terkhatam wilayah yang khasat, yakni merenbat kulian yang khusus, dan ialah As-Syeikhul-Akbar, yakni syeikh yang terbesar.

Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi wafat pada Tahun 1660m/1071h di Al-Madinah Al-Munawarah, dikebumikan di perkuburan Al-Baqi, di sebelah timur quba As-Saidah Halimah As-Sa'adiah Radhiallahu anhu wa anha.

Wirid-wirid Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi yang dinukil daripada Kitab *عمدة المحتاجين* keterangan Syeikh Abdul Rauf Fansuri itu boleh didapati di dalam Kitab *هداية السالكين* oleh Syeikh Abdul Samad Al-Pelambani, *وشاح الافراح واصباح الفلاح*



oleh Muhammad bin Ismail Daud Al-Petani<sup>3</sup> dan التحففة المرضية oleh Syeikh Hassan bin Muhammad Nur Al-Petani<sup>4</sup>.

Wirid yang berasal dari amalan ahli Madinah Ar-Rasul ini dapat disusur kembali kepada Al-Quran dan Al-Hadis. Diamalkan dia sesudah selesai tiap-tiap sembahyang fardu yang lima waktu. Faedahnya amat banyak, maka di antaranya ialah untuk memelihara iman dan menjaga mati di dalam سوء الخاتمة yakni kesudahan yang buruk.

Di dalam mengamalkannya, hendaklah dihadirkan niat tulus ikhlas mengharapkan wajah Allah Ta'ala jua semata-mata, jangan hendaknya bercampur aduk dengan sebarang niat yang lain. Inilah Al-Aurad Al-Qisyasyiyah atau Al-Aurad Al-Madaniyah yang mubarakah itu dipeturunkan sebagaimana yang dinukil daripada yang asalnya, tanpa pindaan dan tokok tambah disertakan dengan maknanya.

---

<sup>3</sup> Syeikh Wan Muhammad Saghbir bin Wan Ismail Daud Al-Petani, terkenal dengan nama Tok Syeikh Nik Mat Kecil, lahir di Pulau Duyung, Kuala Terengganu. Pengarang Kitab مطلع

البدارين .

<sup>4</sup> Syeikh Wan Hasan bin Wan Muhammad Nur Al-Petani, iaitu cucu Tok Syeikh Nik Mat Kecil

## الاوراد المدنية

Selepas memberi salam dan selesai sembahyang dan sebelum mengubah cara duduk seperti di dalam tahayat akhir dibaca:

١ - أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ (3 kali) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ الَّذِي لَا إِلَهَ

إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ<sup>5</sup>

(Hamba memohon ampun dari Allah Yang Maha Besar (3 kali) yang tiada Tuhan yang layak disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Dia, Tuhan Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri Sendiri dan hamba bertaubat kepada-Nya).

٢ - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي

وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ<sup>6</sup> (10 kali)

---

<sup>5</sup> Di dalam وشاح الافراح tiada terdapat kalimah العلي. Di dalam

لااله الا هو الحي القيوم واتوب اليه (3 kali) أستغفر الله: التحفة المرضية

(Tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah, Esa Ia, tiada bersekutu bagi-Nya. Kepunyaan-Nyalah kerajaan, dan bagi-Nyalah puji-pujian, Ia menghidupkan dan mematikan dan Ia amat berkuasa atas segala sesuatu). (10 kali)

Kemudian bolehlah mengubah cara duduk seraya membaca:

۳ - اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ  
فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا  
وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

(Ya Allah Tuan hambalah As-Salam, yakni Tuhan yang memberi selamat sejahtera, dari Tuan hambalah salam, dan kepada Tuan hambalah kembali salam atau kesejahteraan maka hidupakanlah kami, Ya Tuhan kami, dengan salam, dan masukkanlah kami ke dalam Syurga Darussalam. Maha Berkat Tuan hamba Ya Tuhan kami dan Maha Tinggi Tuan hamba, Wahai Tuhan yang memiliki keAgungan dan keMuliaan.

---

<sup>6</sup> Tidak terdapat di dalam هداية السالكين dan وشاح الافراح.

Hanya terdapat di dalam التحفة المرضية .

٤ - أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ❁ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

(Hamba berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam) (Dengan nama Allah Tuhan Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ❁ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(Segala puji-pujian tertentu bagi Allah. Penjaga atau Pemelihara sekalian alam)

(Yang Amat Pemurah kepada sekalian makhluk-Nya di dunia ini, tak kira mukmin atau kafir, taat atau 'asi lagi Amat Mengasihani hamba-hambanya yang mukmin di negeri akhirat)

مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ❁ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

(Yang empunya hari agama atau hari pertimbangan)

(Tuan hamba jualah yang kami sembah dan kepada Tuan hamba jualah kami mohon pertolongan)

اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ

(Tunjukkanlah kami ke jalan yang lurus)

(Jalan mereka yang Tuan hamba beri nikmat atas mereka itu)

غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ ﴿٦٧﴾

وَلَا الضَّالِّينَ

(Bukan jalan mereka yang dimurkai – iaitu seperti Yahudi)

(Dan bukan pula jalan mereka yang sesat – iaitu seperti Nasrani)

آمِينَ

(Perkenanlah Ya Allah)

٥ - وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ<sup>7</sup>

(Dan Tuhanmu ialah Tuhan yang satu, tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani)

٦ - اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ

مَا فِي السَّمَاوَاتِ

(Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, lagi Maha Berdiri Sendiri serta terus menerus menguruskan makhluk-Nya, tidak mengantuk dan tidak tidur, kepunyaan-Nyalah barang yang di langit)

وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ

Dan barang yang di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya

---

<sup>7</sup> Surah Al-Baqarah, Ayat 163

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا

بِمَا شَاءَ

(Ia mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan apa-apa di belakang mereka. Sedangkan tiada meliputi – yakni tiada mengetahui – mereka akan sesuatu dari ilmu Allah, melainkan apa yang Allah kehendaki)

وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ

(Kerusi Allah – yakni ilmu-Nya atau kekuasaan-Nya – meliputi langit dan bumi)

وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ<sup>8</sup>

(Dan tiada merasa berat memelihara keduanya dan Ia Maha Tinggi lagi Maha Besar)

٧ - شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا

بِالْقِسْطِ

---

<sup>8</sup> Surah Al-Baqarah, Ayat 255

(Allah bersaksi bahawasanya tiada Tuhan melainkan Dia, yang menegakkan keadilan, dan para malaikat dan orang-orang yang berilmu juga bersaksi akan yang demikian itu)

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ<sup>9</sup>

(Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Mulia lagi berkuasa, lagi Yang Maha Berhikmat)

۸ - إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ<sup>10</sup>

(Sesungguhnya agama - yang diredai - di sisi Allah hanyalah Islam)

۹ - قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكِ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ

مِمَّنْ تَشَاءُ

(Katakanlah: Ya Allah, yang memiliki kerajaan, Tuan hamba memberi kerajaan kepada orang yang Tuan hamba kehendaki dan Tuan hamba mencabut kerajaan dari orang yang Tuan hamba kehendaki)

---

<sup>9</sup> Surah Al-Imran, Ayat 18

<sup>10</sup> Surah Al-Imran, Ayat 19



وَتُعْزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُدِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرِ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ<sup>11</sup>

(Tuan hamba muliakan orang yang Tuan hamba kehendaki dan Tuan hamba hinakan orang yang Tuan hamba kehendaki. Di tangan Tuan hambalah segala kebajikan, sesungguhnya Tuan hamba Maha Kuasa atas segala sesuatu)

١٠ - تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ

مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ

حِسَابٍ<sup>12</sup>

(Tuan hamba masukkan malam ke dalam siang dan Tuan hamba masukkan siang ke dalam malam, Tuan hamba keluarkan yang hidup dari yang mati, dan Tuan hamba keluarkan yang mati dari yang hidup dan Tuan hamba memberi rezeki sesiapa yang Tuan hamba kehendaki tanpa hisab

١١ - سُبْحَانَ اللَّهِ<sup>13</sup> (33 Kali)

---

<sup>11</sup> Surah Al-Imran, Ayat 26

<sup>12</sup> Surah Al-Imran, Ayat 27

(Maha Suci Allah daripada segala kekurangan)

Kemudian diakhirkan dengan:

14 سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

(Maha Suci Allah dan segala puji-pujian hanya tertentu bagi-Nya)

(33 Kali) اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ - ۱۲

(Segala puji-pujian hanya bagi Allah) Dan dibaca pada akhirnya:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلَى كُلِّ حَالٍ

---

<sup>13</sup> Demikianlah di dalam هداية السالكون dan وشاح الافراح . Ada pun di dalam kitab yang muttakhir, iaitu التحفة المرضية sebelum disebut الحمد لله itu disebut الهي ياربي (Ya Tuhanku Ya Rabbku).

<sup>14</sup> Di dalam التحفة المرضية disebut سبحان الله العظيم وبحمده دائما ابدا. (Maha Suci Allah Yang Maha Agung, dan segala puji-pujian hanya tertentu bagi-Nya, kekal selama-lamanya)

(Segala puji-pujian hanya bagi Allah atas setiap hal)

١٣ - اللَّهُ أَكْبَرُ

(Allah Maha Besar)<sup>15</sup>

(33 atau 34 kali supaya genap seratus)

١٤ - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ

وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ<sup>16</sup>

(Tiada Tuhan melainkan Allah, Esa Ia, tiada sekutu bagi-Nya, kepunyaan-Nyalah kerajaan dan bagi-Nyalah segala puji-pujian, dan Maha Kuasa atas segala sesuatu)

---

<sup>15</sup> Di dalam التحفة المرضية digenapkan seratus dengan: اللَّهُ أَكْبَرُ

كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا (Allah Maha Besar dengan segala kebesaran, segala puji-pujian bagi Allah sebanyak-banyaknya, dan Maha Suci Allah, diucapkan pagi-pagi dan petang-petang)

<sup>16</sup> التحفة المرضية terdapat tambahan: يَحْيِي وَيَمِيتُ (Ia menghidupkan dan mematikan)

١٥ - وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dan tiada daya pada menjauhi maksiat dan tiada kekuatan pada berbuat taat melainkan dengan Allah jua, Tuhan Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung)

١٦ - اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا اَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا

رَادًّا لِمَا قَضَيْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

(Ya Allah, tiadalah yang dapat menegah barang yang Tuan hamba kurniakan, dan tiadalah yang dapat memberi barang yang Tuan hamba tegahkan, dan tiadalah yang dapat menolak barang yang Tuan hamba qadakan, dan tiada dapat memberi manfaat kekayaan atau kebesaran orang yang empunya kekayaan atau kebesaran terhadap kepada Tuan hamba – yakni orang yang kaya dengan harta dunia atau orang yang besar berpangkat tinggi atau dianggap bertuah dari segi dunia, tiadalah sekali-kali harta dunianya atau kebesarannya atau tuahnya dapat menjadi tebusan daripada azab Allah pada hari kiamat ketika ia dihadapkan di hadapan Rabb Subhanahu wa Ta’ala)

١٧ - اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ

الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ

عَنْ ذِكْرِكَ الْعَافِلُونَ وَرَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى<sup>17</sup> عَنْ سَادَاتِنَا أَصْحَابِ

سَيِّدِنَا<sup>18</sup> رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ

(Ya Allah, berilah rahmat atas penghulu kami Muhammad, hamba Tuan dan rasul Tuan, nabi yang tiada tahu membaca dan menulis lagi tiada pernah belajar kepada sesiapa, melainkan Tuan hamba jua yang mengajarnya Al-Kitab dan al-hikmah dan berilah rahmat atas keluarganya dan para sahabatnya dan berilah mereka itu selamat sejahtera, bilamana orang-orang yang berzikir menyebut dan mengingat Tuan hamba dan bilamana orang-orang yang lalai, lalai daripada menyebut dan mengingat Tuan hamba. Dan mudah-mudahan Allah Ta'ala redalah dengan penghulu-penghulu kita para sahabat Saidina Rasulullah semuanya)

---

<sup>17</sup> Di dalam التحفة المرضية tiada kalimah تعالى

<sup>18</sup> سيدنا dan وشاح الافراح التحفة المرضية

١٨ - وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Dan cukuplah Allah bagi kami sebagai penjaga dan pelindung, dan lalah sebaik-baik tempat bertawakal, yakni tempat berserah dalam segala urusan)

١٩ - وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

٢٠ - أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ<sup>19</sup> (3 Kali)

٢١ - يَا طَيْفُ، يَا كَافِي، يَا حَفِيظُ، يَا شَافِي

(Ya Tuhan yang halus lagi lemah lembut, Ya Tuhan yang mencukupi bagi hamba-Nya, Ya Tuhan yang amat memelihara, Ya Tuhan yang menyembuh – segala penyakit zahir dan batin).

يَا طَيْفُ، يَا كَافِي، يَا حَفِيظُ، يَا شَافِي

---

<sup>19</sup> Di dalam التحفة المرضية : استغفر الله العلي العظيم (dibaca sekali sahaja)

(Hamba memohon ampun kepada Allah, Tuhan Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung)

يَا لَطِيفُ يَا وَافِي يَا كَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ<sup>20</sup>

(Tuhan yang halus lagi lemah lembut, Ya Tuhan yang menyempurnakan janji, Ya Tuhan Yang Amat Mulia lagi Amat Pemurah, Tuan hambalah Allah, yakni Tuhan yang sebenar-benarnya yang layak disembah, dipuji, dipuja, diagung-agungkan, Tuhan yang empunya segala sifat jalal dan jamal dan kamal, yang tiada berhajat kepada sesiapa pun dan kepada sesuatu apa pun, bahkan segala sesuatu berhajat kepada-Nya dan ialah yang mengqaimkan, yakni menjadikan dan memelihara segala sesuatu)

۲۲ – لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (10 Kali)

(Tiada Tuhan melainkan Allah)

---

<sup>20</sup> Dalam setengah-setengah kitab seperti Kitab هداية العوام karangan Syeikh Jalalludin anak Al-'Arif Billah Syeikh Jalalludin anak Baginda Khatib, dari kalangan ulama Aceh yang dahulu-dahulu, disebut: يَا لَطِيفُ يَا وَافِي يَا كَرِيمُ يَا اللَّهُ

**Ertinya:** Ya Tuhan yang halus lagi lemah lembut, Ya Tuhan yang menyempurnakan janji, Ya Tuhan Yang Amat Mengasihani akan hamba-hamba-Nya yang mukmin, Ya Allah.

Kemudian disudahi dengan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللَّهِ ﷺ كَلِمَةٌ حَقٌّ<sup>21</sup> عَلَيْهَا نَحْيًا  
وَعَلَيْهَا نَمُوْتُ وَعَلَيْهَا وَبِهَا تُبْعَثُ أَنْشَاءُ اللَّهِ<sup>22</sup> مِنَ الْآمِنِينَ  
بِرَحْمَةِ اللَّهِ وَكَرَمِهِ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللَّهِ) itulah kalimat yang benar, atasnya kita hidup dan atasnyalah kita mati dan atasnya dan dengannyalah kita bangkit – pada Padang Mahsyar kelak – Insyaa-Allah, ke dalam kalangan orang-orang yang aman daripada terkejut dan sebarang ketakutan, dengan rahmat Allah dan kemurahan-Nya jua semata-mata, yakni bukan dengan kekuatan kita sendiri, dan bukan pula dengan jasa amal kita).

---

<sup>21</sup> Di dalam التحفة المرضية tiada terdapat كلمة حق

<sup>22</sup> Di dalam وشاح الافراح ada tambah kalimat تعالى

Maka di antara 3 sumber yang digunakan itu adalah Kitab هداية السالكين terlebih hampir kepada zaman Syeikh Abdul Rauf Fansuri dan Syeikh Ahmad Al-Qisyasyi Al-Medani Radhiallahu anhuma



Setelah itu maka bacalah barang mana doa yang anda kehendaki, yang afdalnya doa dari Quran dan hadis dan kemudian doa dari orang-orang yang soleh.

Demikianlah **Al-Aurad Al-Madaniyah** atau **Al-Aurad Al-Qisyasyiyah** yang asal, dinukil daripada As-Syeikh Khutub Al-Wadud Saidi Ahmad Al-Qisyasyi ﷺ daripada amalan ahli Madinah Ar-Rasul pada zamannya, yang berasal pula daripada Quran dan hadis, dan telah masyhur diamalkan orang di Tanah Jawi zaman berzaman lamanya, dan telah didapati amat banyak khasiatnya zahir dan batin, lagi amat Mubarak. Wallahu'alam.

## **AURAD YANG LEBIH PANJANG BERASASKAN AL-AURAD AL-MADANIYAH**

Inilah aurad yang lebih panjang, berasaskan **Al-Aurad Al-Madaniyah** atau **Al-Aurad Al-Qisyasyiyah** dengan bacaan-bacaan yang juga daripada Al-Quran dan daripada hadis-hadis yang makthurah, maka selesai daripada sembahyang fardu maka dibaca:

١ - آمَنْتُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الْأَحَدِ الْحَقِّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ

وَكَفَرْتُ بِمَا سِوَاهُ

(Hamba beriman dengan Allah yang Satu, Maha Esa lagi Maha Benar, Esa Ia, tiada sekutu bagi-Nya dan hamba kufur terhadap barang yang lain daripada-Nya)

٢ - تَوَكَّلْتُ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ

(Hamba bertawakal atas Tuhan Yang Maha Hidup yang tiada mati-mati)

٣ - الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي

الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذُّلِّ وَكَبْرَهُ تَكْبِيرًا<sup>23</sup>

(Segala puji bagi Allah yang tidak mempunyai anak dan tidak mempunyai sekutu dalam kerajaan dan tidak mempunyai penolong – untuk menjaga-Nya – dari kehinaan, dan agungkanlah Dia dengan pengagungan yang sebenar-benarnya)

٤ - أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ (3 kali) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ الَّذِي لَا إِلَهَ

إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Dinamakan Ayat ini Ayat العز , iaitu Ayat Kemuliaan atau Kekuasaan, iaitu Ayat 111 di dalam Surah Al-Israa'

<sup>24</sup> Boleh juga dibaca Istighfar untuk sekalian muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, seperti dibaca استغفر الله

العظيم لى ولوالدي ولأصحاب الحقوة علينا ولجميع المسلمين والمسلمات

(Hamba memohon ampun kepada Allah yang Maha Agung, bagi diriku dan kedua ibu baku dan orang-orang yang mempunyai hak atas kami dan bagi semua orang yang beriman lelaki perempuan, yang masih hidup dan yang telah mati). Selepas sembahyang Maghrib, dibaca istighfar yang dinukil daripada

٥ - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي

وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (10 Kali)

Terutamanya selepas sembahyang 'Asar, Maghrib dan Subuh, dan sekurang-kurangnya 1 kali atau 3 kali selepas 'Isya dan Zohor

٦ - اللَّهُمَّ أَجْرَنِي مِنَ النَّارِ<sup>25</sup>

(Ya Allah, lindungilah hamba daripada neraka)

---

Al-'Arif Billah As-Syed Al-Syarif Abdullah bin 'Alawi Al-Hadad, sebanyak 4 kali, iaitu استغفر الله العظيم الذى لا اله الا هو الرحمن الرحيم

الحي العيوم الذى لا يموت واتوب ايه. رب اغفر لى ولوالدى.

(Hamba memohon ampun dari Allah Yang Maha Agung yang tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani, Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri Sendiri, yang tiada mati-mati dan hamba bertaubat kepada-Nya. Ya Rabbi ampunilah hamba dan kedua ibu bapa hamba)

[Istighfar ini adalah di antara amalan-amalan untuk memelihara iman dan mewajibkan حسن الخاتمة ]

<sup>25</sup> Boleh juga dibaca dengan *dhamir mutasil* untuk jamak

أجرنا (lindungilah kami) jika menjadi imam di dalam Jumaat atau jika dikhasadkan untuk orang-orang lain yang sama. Didoakan untuk mereka dan boleh juga doa ini dibaca selepas Sembahyang 'Isya, Zohor dan 'Asar – biasanya dibaca sebanyak 3 kali.

(Dibaca terutama selepas sembahyang Maghrib dan Subuh sebanyak 7 kali)

٧ - اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ (Sampai akhir)

٨ - أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

(Kemudian baca Al-Fatihah 1 kali)

٩ - وَاللَّهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ

(هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ (1 kali sampai

١٠ - آيَةُ الْكُرْسِيِّ (Baca 1 kali)

١١ - آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ

آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ

رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ<sup>26</sup>

---

<sup>26</sup> Surah Al-Baqarah, Ayat 285

(Rasul telah beriman dengan apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya. Demikian pula orang-orang mukmin. Semuanya beriman kepada Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. “Kami tidak membeza-bezakan antara seorang pun dari rasul-rasul-Nya”. Dan mereka mengatakan: “Kami dengar dan kami taat, ampunlah kami, Ya Tuhan kami dan kepada Tuan hambalah tempat kembali”).

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا  
اَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تَأْخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا  
تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِضْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا  
تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا  
أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ<sup>27</sup>

(Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala dari kebajikan yang diusahakannya dan ia

---

<sup>27</sup> Surah Baqarah, Ayat 286.

Kedua-dua ayat pada akhir Surah Al-Baqarah ini dinamakan

خواتيم سورة البقرة

mendapat seksa dari kejahatan yang dikerjakannya. “Tuhan kami, janganlah Tuan hamba hukumkan kami jika kami lupa atau kami tersalah. Tuhan kami, janganlah Tuan hamba bebankan atas kami beban yang berat sebagaimana Tuan hamba bebankan atas orang-orang yang sebelum kami. Tuhan kami, janganlah Tuan hamba pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami, ampunilah kami dan rahmatilah kami. Tuan hamba penolong atau pelindung kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir”).

١٢ - شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ

قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

١٣ - إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

١٤ - قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكِ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ

مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

١٥ - تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ

الْحَيِّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ

بِغَيْرِ حِسَابٍ

١٦ - بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (٣) وَلَمْ

يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (٤)

(Dengan menyebut nama Allah, Tuhan Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani. Katakanlah “Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang tiada berhajat kepada sesuatu yang lain daripada-Nya akan tetapi segala sesuatu itu semuanya bergantung kepada-Nya.<sup>28</sup> Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan. Dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia”.)

---

<sup>28</sup> **فجل** Di antara maknanya juga ialah: **فجل** ‘tiada berongga’, maka bagi Allah Ta’ala maknanya ‘yang tiada makan minum’. Juga maknanya yang *safi* ‘makna yang murni, tanpa sebarang ‘aib’. Juga maknanya ‘yang kekal’ **الكافي** demikian **الباقي** ‘yang baqa’ , **الدائم** menurut Ibnu Abas



١٧ - بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ (١) مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (٢) وَمِنْ شَرِّ

غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ (٣) وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ (٤) وَمِنْ

شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ (٥)

(Dengan menyebut nama Allah Tuhan Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani. Katakanlah “Hamba berlindung dengan Tuhan yang menguasai Subuh.<sup>29</sup> Dari kejahatan apa yang Ia ciptakan (yakni dari kejahatan makhluk-Nya). Dan dari kejahatan malam apabila telah gelap gelita. Dan dari kejahatan perempuan-perempuan tukang sihir yang menghembus pada simpulan-simpulan tali. Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia dengki’.)

١٨ - بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

---

<sup>29</sup> Dikatakan bahawa *بِرَبِّ الْفَلَقِ* itu maknanya *بِرَبِّ الْخَلْقِ* yakni “Dengan Tuhan yang menguasai makhluk”. Dikatakan bahawa *الفلق* itu ialah ‘lubang yang dalam di dalam neraka’ dan ada yang mengatakan bahawa maknanya ialah ‘lembah di dalam neraka’.

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ (١) مَلِكِ النَّاسِ (٢) إِلَهِ النَّاسِ (٣) مِنْ  
 شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ (٤) الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ  
 (٥) مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ (٦)

(Dengan menyebut nama Allah Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani. Katakanlah 'Hamba berlindung dengan Tuhan yang memiliki, mengasuh lagi mendidik manusia. Raja manusia. Tuhan sembahkan manusia. Dari kejahatan *al-waswas* yakni syaitan yang berbisik-bisik - *al-khanas* - yakni yang apabila kita mengingat Allah, ia pun undur bersembunyikan dirinya, dan apabila kita tiada berzikir ia datang kembali. Yang membisikkan kejahatan di dalam dada manusia. Dari kalangan jin dan manusia.)

Kemudian bacalah Surah Al-Fatihah sekali — ١٩  
 lagi.

— ٢٠ — سبحان الله (33Kali)

Diakhiri dengan zikir yang jamak iaitu,

سبحان الله العظيم وبحمده دائما ابدا

٢١ - الحمد لله (33)

Diakhiri dengan zikir yang jamak iaitu,

الحمد لله رب العالمين على كل حال<sup>30</sup>

٢٢ - الله اكبر (33 atau 34 kali)

Kalau 33 kali, maka digenapkan bilangan seratus kesemuanya tasbih, tasmid dan takbir ini dengan zikir yang jamak, iaitu,

الله اكبر كبيراً وَاكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

٢٣ - لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد

يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

٢٤ - وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

---

<sup>30</sup> Istilah حال di sisi sudah melengkapi makna bala dan nikmat, susah dan senang, gembira dan duka. 'Perhampiran' dan 'jauh' dengan Allah Ta'ala dan pelbagai pengalaman atau keadaan zahir dan batin dan peringkat-peringkat rohaniah yang dilalui.

٢٥ - اللَّهُمَّ لِمَا مَنَعَ لِمَا أُعْطِيَتْ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعَتْ وَلَا رَادًّا لِمَا قَضَيْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

٢٦ - اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَن ذِكْرِكَ الْغَافِلُونَ وَرَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَن سَادَاتِنَا أَصْحَابِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ

٢٧ - وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

٢٨ - وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

٢٩ - أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ atau أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3 Kali)

٣٠ - يَا طَيْفُ، يَا كَافِي، يَا حَفِيظُ، يَا شَافِي يَا طَيْفُ،

يَا كَافِي، يَا حَفِيظُ، يَا شَافِي يَا طَيْفُ يَا وَافِي يَا كَرِيمُ أَنْتَ اللَّهُ

(10 kali) atau sebanyak-banyaknya.<sup>31</sup> Kemudian disudahi dengan,

---

<sup>31</sup> Terutama selepas Sembahyang 'Isya dan Subuh, dan jikalau dikehendaki, boleh juga diperbanyakkan tahlil selepas Sembahyang 'Asar kerana itu adalah penghujung hari. Para malaikat yang menjaga pada waktu siang hari hampir akan naik ke langit membawa amalan hamba Allah, dan para malaikat yang menjaga pada malam hari hampir turun ke bumi. Eloklah mereka semua menjadi saksi atas amalan ini.

Jika hendak bertahlil panjang, boleh ditinggalkan يَا طَيْفٌ،

يا كَافِيٌ sampai أَنْتَ اللَّهُ itu dan imam Jumaat boleh membaca:

افضل الذكر فاعلم لا اله الا الله

لا اله الا الله dengan مد yakni dengan melanjutkan

بunyi لا beberapa kali dan berzikir menurut kelaziman yang diamalkan oleh para masyeikh. Boleh juga ia memulakan

tahlil dengan mengucapkan قال لا اله الا الله . Bertahlil itu dengan jahar, yakni mengeraskan suara – bagi lelaki – dalam Jumaat.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ كَلِمَةٌ حَقٌّ عَلَيْهَا نَحْيًا وَعَلَيْهَا  
نَمُوتُ وَعَلَيْهَا وَبِهَا نُبْعَثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنْ الْآمِنِينَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ  
وَكَرَمِهِ

Doa: Bacalah mana-mana doa yang makthurah atau doa daripada aulia dan solihin, dan yang afdalnya doa daripada Quran dan hadis. Setelah selesai berdoa, maka ditutup segala aurad ini dengan kalimat-kalimat ini,

۳۲ – اشهد أن اله الأله وحده لا شريك له الها واحدا وربا

شاهدا لا معبود سواه ونحن له مسلمون (3 Kali)

(Hamba bersaksi bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah, Esa-Nya, tiada sekutu bagi-Nya, Tuhan yang satu, dan Rabb yang maha menyaksikan, tiada sembahan selain daripada-Nya, dan kami tunduk patuh kepada-Nya dalam Islam).

**INILAH SYARAH AL-AURAD ATAU  
KETERANGAN TENTANG AURAD DI ATAS ITU  
SECARA RINGKAS**

آمَنْتُ بِاللَّهِ الْوَاحِدِ الْأَحَدِ الْحَقِّ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَكَفَرْتُ بِمَا  
سِوَاهُ

- (1) Dinukil daripada al-alamat Al-Imam As-Syeikh Borhan Al-Islam Al-Zernuji, Tilmiz Sahib Al-Hidayah di dalam kitabnya تعليم

المتعلم طريق التعلم. Katanya, bahawa barang siapa mengekalkan membacanya selepas tiap-tiap sembahyang maka ia menjadi di antara sebab-sebab bagi hafaz, yakni bagi menguatkan ingatan. Bacaan ini merupakan pernyataan iman terhadap Allah dengan menepikan syirik bagi-Nya.

- (2) Bersabda Nabi ﷺ, maksudnya: 'Tiada mendukacitakan daku sesuatu pekerjaan melainkan merupa bagiku Jibrail dan berkata ia. Ya Muhammad, kata olehmu,

تَوَكَّلْتُ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ  
يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ  
مِنَ الدُّلِّ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا

'Maka bahawasanya tiada mengatakan dia seseorang hamba sekali-kali melainkan dihilangkan Allah daripadanya dukacita dunia dan akhirat'.<sup>32</sup>

- (3) Diriwayatkan daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Nabi ﷺ bersabda: 'Barang siapa membaca selepas tiap-tiap kali sembahyang,

'الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي  
الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الدُّلِّ وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا'

---

<sup>32</sup> Lihat Kitab نزهة المجالس oleh As-Syeikh Abdul Rahman Al-Safuri As-Syafie: Mathba'ah Abdul Hamid Ahmad Hanafi, Mesir, 1379h ms 375. الاتقان في علوم القرآن oleh As-Sayuthi: شركة مكتبته ومطبعه مسطفي الباي الحلبي واولاده بمشر 1951m/1370h ms 164, البهجة المرضية في الفوائد الاخروية, oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud Al-Petani, Darul Tab'aah Al-Masriyah, Singapura, tiada tarikh, halaman 88-89



‘Adalah baginya daripada pahala seumpama tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dan barang yang di dalamnya dan barang yang di bawahnya.’<sup>33</sup>

- (4) Di dalam Hadis Muslim, riwayat daripada Thauban, dinyatakan bahawasanya Rasulullah ﷺ apabila selesai daripada sembahyangnya sering *beristighfar* 3 kali. Kita memohon ampun kepada Allah sesudah sembahyang, atas apa-apa kecacatan dan kekurangan kita di dalam sembahyang dan atas segala dosa-dosa kita yang besar dan yang kecil, yang kita ketahui dan tiada ketahui, dan kita bertaubat kepada Allah. Boleh juga kita beristighfar sampai sepuluh kali, jika dikehendaki. Bersabda Rasulullah ﷺ: *‘Mana-mana hamba Allah yang mengerjakan sembahyang fardu, lantas ia beristighfar kepada Allah 10 kali, tiadalah bangun ia daripada tempatnya, sehingga Allah mengampuni dosa-dosanya walaupun*

---

<sup>33</sup> Disebut di dalam *نزهة المجالس* oleh Syeikh Abdul Rahman Al-Safuri As-Syafie, Juzu 21 ms 157, juga disebut di dalam *التحفة المرضية* oleh Syeikh Husin bin Muhammad Nur Al-Petani, halaman 44-45.

*sebanyak buih di lautan dan sebesar Bukit Tahamat*.<sup>34</sup>

Telah warid di dalam hadis bahawasanya barang siapa yang berkehendakkan badan yang sabar, lidah yang berzikir dan hati yang khusyuk, maka hendaklah ia banyak-banyak beristighfar bagi orang-orang mukminin dan mukminat, muslimin dan muslimat.

Bersabda Nabi ﷺ: *'Barang siapa yang beristighfar bagi mukminin dan mukminat nescaya Allah suratkan baginya suatu kebajikan dengan tiap-tiap seorang mukmin dan mukminat.'* Hadis ini diriwayatkan oleh At-Thabrani daripada Ubadah bin As-Samat, dan di dalam sebuah hadis riwayat At-Thabrani daripada Abi Al-Dardar pula, Nabi

ﷺ bersabda: *'Barang siapa beristighfar bagi orang-orang mukminin dan mukminat tiap-tiap hari dua puluh tujuh kali, adalah ia dari kalangan orang-orang yang dimustajabkan doa mereka dan dengan mereka itu diberi rezeki oleh Allah kepada penduduk-penduduk bumi.'*<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Lihat *نزهة المجالس*, juzu 1, ms 157

<sup>35</sup> Lihat *نصائح العباد*, oleh Al-Alamat As-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Jawi, Mathba'ah Sulaiman Mar'ai Sinqapurat, tiada tarikh, ms 63.

Telah warid juga di dalam hadis bahawasanya orang yang beristighfar untuk kedua ibu bapanya tiap-tiap hari sebanyak 5 kali, maka ia telah menyempurnakan hak mereka. Istighfar untuk Ashabul Al-Huquq (yakni orang-orang yang mempunyai hak atas kita) itu mudah-mudahan akan menolong menyempurnakan hak-hak mereka dan melepaskan kita daripada tuntutan atau dakwaan mereka terhadap kita di hadapan Allah Ta'ala pada hari kiamat.

Syeikh Abdul Rahman Al-Sapuri Rahmatullah meriwayatkan sebuah hadis di dalam kitabnya *نزہة المجالس*<sup>36</sup> yang bermaksud:

‘Allah Ta’ala mewahyukan kepada Musa عليه السلام:  
“Sukakah engkau aman daripada segala huru-hara kiamat”. Jawab Nabi Musa “Ya”.

Firman Allah, “Kata olehmu: *استغفر الله العظيم*

*لى ولوالدى والمؤمنين والمؤمنات والمسلمين*

*” والمسلمات الاحياء منهم والاموات*”

Ertinya: *‘Hamba memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung bagi diri hamba, bagi kedua ibu bapa hamba dan orang-orang mukminin dan mukminat, muslimin dan*

---

<sup>36</sup> Juzu 1, ms 57

muslimat, yang masih hidup dan yang telah mati'. Maka sesungguhnya barang siapa yang beristighfar demikian pada tiap-tiap hari 25 kali, nescaya Allah menyuratkan baginya pahala 70 orang siddiq.

Maka jikalau anda tiada mahu beristighfar sekali gus 25 kali, bolehlah anda beristighfar 5 kali pada tiap-tiap lepas sembahyang fardu yang 5 waktu, maka genaplah jumlah 25.

- (5) لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Dinamakan *Kalimah Tauhid*, yakni kalimah untuk mengEsakan Allah Ta'ala. Ia adalah kalimah tauhid dengan lebih terhurai. Dan ia menafikan segala sekutu bagi Allah Ta'ala pada af'al-Nya, pada sifat-Nya dan pada zat-Nya. Ada beberapa hadis yang sahih yang meriwayatkan zikir ini. Setengahnya dengan

tambahan lafaz *يُحْيِي وَيُمِيتُ* sesudah *وَلَهُ الْحَمْدُ*

dan sebelum *وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ* manakala

setengahnya pula dengan tambahan *يحي*

*ويميت وهو حي لا يموت بيده الخير.*

Pada setengah-setengah riwayat yang sahih, dinyatakan bahawa barang siapa membaca zikir ini selepas Sembahyang Subuh, 'Asar dan Maghrib akan dituliskan baginya 10 kebajikan, dan dihapuskan baginya 10 kejahatan dan diangkatkan mertabatnya 10 darjat. Dan ia akan terpelihara pada hari itu daripada segala bahaya, dan terpelihara daripada rasukan syaitan.<sup>37</sup>

Di dalam suatu hadis riwayat Abu Kahil رضي الله عنه daripada Nabi ﷺ dikatakan bahawa orang yang membaca dengan hati yang yakin akan maknanya, adalah hak atas Allah mengampunnya bagi tiap-tiap kali ia membaca itu, dosa-dosa setahun.<sup>38</sup> Di dalam setengah riwayat pula dinyatakan juga bahawa pahala membaca sebanyak 10 kali itu menyamai pahala memerdekakan 10 orang hamba mukminat.

- (6) Diriwayatkan oleh Abu Daud di dalam kitab *Sunannya* daripada Muslim bin Al-Haris Al-Tamimi As-Sahabi رضي الله عنه daripada Rasulullah ﷺ bahawa junjungan berbicara kepadanya

---

<sup>37</sup> Lihat misalnya hadis-hadis riwayat Ahmad, Al-Tarmizi dan An-Nasai.

<sup>38</sup> نزهة المجالس oleh As-Safuri, juzu' 1 ms 6

secara persendirian, sabdanya: “Apabila selesai engkau mengerjakan Sembahyang

Maghrib maka katalah olehmu **اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ**

**اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ** 7 kali. Sesungguhnya jika engkau membaca demikian, kemudian engkau mati pada malammu, disuratkan bagimu perlindungan dari neraka. Dan apabila selesai engkau mengerjakan Sembahyang Subuh maka bacalah demikian pula, bahawasanya jika engkau mati pada harimu nescaya disuratkan bagimu perlindungan daripadanya”.

Sebagaimana yang telah diterangkan, boleh diganti lafaz **اللَّهُمَّ أَجِرْنَا** itu kepada bentuk jamak

**اللَّهُمَّ أَجِرْنَا**. Dan Al-Ghaus Al-‘Azam Sultan Al-Aulia Sayiddi Muhyi Ad-Din Abdul Kadir Al-Jilani Qadasallah Sabarah Al-Azizi di dalam

kitabnya **فتوح الغيب** , makalah yang ke-76, mewasiatkan antara lainnya: Dan hendaklah engkau baca berulang-ulang selepas

Sembahyang Subuh dan Maghrib 7 kali **اللَّهُمَّ**

**اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ** .

(7) Di dalam Kitab Sahih Muslim ada diriwayatkan daripada Thauban رضي الله عنه bahawasanya apabila Rasulullah ﷺ selesai daripada sembahyangnya beliau sering beristighfar 3 kali dan berkata,

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ

Ertinya: “Ya Allah, Tuan hambalah As-Salam, dari Tuan hamba salam. Maha berkat Tuan hamba, wahai Tuhan yang empunya kebesaran dan kemuliaan”. Al-Imam Al-Ghazali رحمته الله menyebut doa ini di dalam kitabnya **Al-Ihya**<sup>39</sup> dengan lafaz demikian,

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ وَإِلَيْكَ يُعُودُ السَّلَامُ  
حَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ وَأَدْخِلْنَا دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْتَ  
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

---

<sup>39</sup> Ihya ‘Ulumuddin oleh Al-Ghazali, شركة مكتبه ومطبعه مسطفي

1939m/1358h juzu’ 1 ms 343 البابي الحلبي واولاده بمشر

As-Syed Muhammad bin Salam bin Hafiz Al-  
'Alawi Al-Husini Al-Hasyrimi As-Syafie  
menyebutnya di dalam التذكرة الحضرية  
dengan lafaz,

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ  
وَأَدْخِلْنَا بِرَحْمَتِكَ دَارَ السَّلَامِ تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ

Setelah baharu sahaja selesai kita memberi salam menyudahi sembahyang kita, maka kita pun menyeru Allah Ta'ala Tuhan kita dengan nama-Nya *As-Salam*, iaitu salah suatu daripada Al-Asmaul-Husna atau nama-nama-Nya yang paling elok. Disyariatkan bahawa kita mensifatkan Rabb kita dengan nama *As-Salam* sebagaimana Ia sendiri Tabarak wa Ta'ala menyifatkan diri-Nya. Dimaksudkan dengan *As-Salam* itu: *Yang empunya selamat daripada setiap kekurangan dan kecacatan dan kecelakaan.*

Daripada-Nyalah datang keselamatan untuk sekalian makhluk-Nya yang dikehendaki-Nya selamat, iaitu keselamatan di dunia mau pun di akhirat. Keselamatan zahir mahupun batin, jasmani mahupun rohani. Daripada-Nya sekalian makhluk-Nya datang dan kepada-Nya mereka akan kembali, maka



demikianlah keselamatan itu datang dari hadirat-Nya dan akan kembali ke hadirat-Nya. Maka kita pun berdoa memohon supaya Allah Ta'ala menghidupkan kita zahir batin, dunia dan akhirat di dalam selamat sejahtera daripada segala kecacatan, segala kecelakaan nafsu, segala bala dan malapetaka dan segala azab dan seksa dan kita memohon dimasukkan dengan rahmat-Nya jua ke dalam syurga-Nya *Darussalam* yakni 'Negeri Selamat Sejahtera' yang kekal abadi, Maha Berkat Allah, dan Maha Tinggi Ia, Tuhan yang empunya sifat *Jalal*, yakni sifat kebesaran dan keagungan. Dan yang empunya sifat kemuliaan yang sebenar-benarnya lagi yang mutlak. Demikianlah antara lain puji puja kita terhadap Rabb Ta'ala, Tuhan kita.

- (8) Kita berlindung dengan Tuhan kita daripada syaitan yang direjam atau dikutuk dengan

menyebut nama Allah, iaitu *أَسْمُ الْجَامِعِ* : nama yang melengkapikan segala asma' dan sifat-Nya. Tiadalah yang dapat memberi perlindungan kepada kita daripada kuasa kejahatan yang memeralatkan hawa nafsu kita bagi memusnahkan kita itu melainkan Allah Ta'ala jua semata-mata.

Kemudian kita pun membaca Surah Al-Fatihah yang selalu kita baca pada tiap-tiap rakaat di dalam sembahyang dan menjadi

salah suatu rukun qauli di dalam sembahyang.

Melalui Al-Fatihah Allah Ta'ala mengajar kita apa-apa yang patut kita pinta kepada-Nya, untuk kebaikan kita zahir dan batin, dunia dan akhirat. Surah Al-Fatihah dinamakan

juga سورة الحمد iaitu 'Surah Puji-Pujian' kerana di dalamnya terdapat puji-pujian terhadap Allah, Tuhan yang memiliki, menjaga lagi memelihara sekalian alam. Al-Fatihah juga dinamakan *Surah Al-Syifa'* yakni 'Surah Penawar' atau 'Surah Ubat' kerana ia mengandungi penawar atau ubat bagi segala penyakit, kecuali maut. Hal ini ada dinyatakan oleh Nabi ﷺ sendiri dan disaksikan kebenarannya oleh orang-orang solihin. Ia juga dinamakan *Surah Al-Ruqiyah* yakni 'Surah Jampi' kerana boleh diucapkan sebagai jampi untuk meyembuhkan segala penyakit, iaitu penyakit jahil, pelbagai maksiat dan pelbagai penyakit zahir dan batin. Yang demikian itu, kata Al-Imam Abdul Rauf Al-Munawi, bagi mereka yang mentadburkan dan mentafakurkan maknanya dan mengujinya dengan yakin yang kuat. Dan beberapa banyak orang yang abrar telah mendapati ini mujarab lagi sah. Cukuplah sekadar ini tentang Al-Fatihah.

- (9) Di dalam sebuah hadis riwayat Syahir bin Husyab daripada Asma' binti Yazid bin As-Sakan daripada Rasulullah ﷺ dinyatakan bahawa junjungan telah bersabda bahawasanya: اسم الله الاعظم - yakni nama Allah yang agung - terdapat di dalam dua ayat ini: وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ dan <sup>40</sup> . الله لا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ Di dalam Ayat

وَإِلَهُكُمْ..... itu kita membaca perkhabaran daripada Allah Ta'ala kepada diri kita semua bahawa Ia adalah Tuhan kita yang sebenar-benarnya yang mustahak disembah. Ia tiada berhajat kepada kita dan sekalian yang lain daripada-Nya tetapi kita semua dan sekalian makhluk amat berhajat kepada-Nya dan kita telah dijadikan-Nya hanya sanya untuk meyembah-Nya dan mengenal-Nya. Maha tunggal Allah dengan illahiyah-Nya. Bahawasanya tiada sekutu bagi-Nya pada if'al-Nya, pada sifat-sifat-Nya dan zat-Nya, dan tiada tara dan tiada tandingan dan tiada *kufuwa* bagi-Nya. Tiada Ia beranak dan beristeri. Bahkan sama sekali tiada berhajat Ia kepada segala yang lain. Bahkan ialah Allah, zat mutlak yang wajib Al-Wadud, Yang Maha Satu. Maha Esa. Maha Tunggal.

---

<sup>40</sup> Lihat oleh Ibnu Kathir juzu' 1 Darulfakir, Beirut, 1966m/1385h ms 354

Tempat tumpuan sekalian makhluk. Yang tiadalah lagi Tuhan yang lain melainkan Dia

الاهو. 'Dia' atau هو itu mengisyaratkan kepada zat-Nya yang ghaib daripada segala yang ghaib, yang tiada dapat dinyatakan dengan asma' dan sifat dan ibarat iaitu batin

atau كنه zat-Nya. Ia dengan rahmat-Nya memperkenalkan diri-Nya kepada kita melalui tajali sifat-sifat-Nya *Ar-Rahman* dan *Ar-Rahim* di antara lain-lainnya.

Maka sebagaimana banyak lagi ayat-ayat lain di dalam Quran yang mulia dan sebagaimana *Kalimah At-Tauhid* yang telah kita baca, maka

Ayat وَاللَّهُكُمْ ini bertujuan untuk menanamkan dalam hati dan seluruh diri kita tauhid yang ikhlas akan Allah Ta'ala dan menjauhi serta menyucikan kita daripada meyembah, memuja dan memperbesarkan barang yang lain daripada Allah Ta'ala, samada patung-patung, berhala-berhala, cakerawala, malaikat, jin, syaitan, manusia hawa nafsu dan diri kita sendiri, harta benda dan wang ringgit, malah apa saja makhluk Allah. Kita dikehendaki menjauhi syirik yang nyata dan syirik yang halus-halus dan tersembunyi. Inilah yang kita gemakan ke dalam batin kita dan di luar diri kita di dalam seluruh upacara ibadat kita terhadap Allah Ta'ala. Istimewa pula di dalam aurad selepas sembahyang fardu.

- (10) Kemudian sampailah pula kita kepada ayat yang teragung di dalam seluruh Al-Quran iaitu *Ayat Kursi*, yang mengandungi pernyataan terhadap sifat-sifat Allah Ta'ala untuk kita mengenal-Nya, membezakan di antara Rabb dengan abdi, di antara hak dan batil, di antara wujud yang hakiki dan wujud yang majazi atau wahmi.

Di dalam sebuah hadis riwayat Makhal bin Yasar رضي الله عنه Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda bahawa Ayat Al-Kursi ini dikeluarkan daripada Perbendaharaan di bawah 'arasy. Ibnu An-Najar, di dalam Kitab **تاريخ بغداد** meriwayatkan sebuah hadis daripada Ibnu Abas رضي الله عنه daripada Rasulullah صلى الله عليه وسلم bahawa beliau bersabda, maksudnya: *'Barang siapa membaca Ayat Al-Kursi selepas tiap-tiap sembahyang fardu, nescaya Allah Ta'ala mengurniakan mereka hati orang-orang yang bersyukur, amalan orang-orang sidiqqin, pahala para nabi menghamparkan atasnya rahmat dengan limpah kurnia-Nya dan tiadalah yang menegahnya daripada masuk ke syurga, melainkan ia mati, maka apabila ia mati maka ia akan masuk ke syurga.'*

Ada bererapa riwayat yang lain lagi yang membawa maksud yang lebih kurang sama. Di dalam hadis riwayat Ali bin Abi Talib Karamullah Wajhah dikatakan bahawa

tiadalah yang menetap atas amalan membaca Ayat Al-Kursi selepas tiap-tiap sembahyang fardu itu melainkan orang yang siddiq atau orang yang 'abid. Demikian di dalam **Kitab Ruhulbayan**.

Ibni As-Sina dan Al-Dilmi pula meriwayatkan daripada Abi Umamah رضي الله عنه dari Nabi صلى الله عليه وسلم bahawasanya junjungan bersabda, maksudnya: *'Barang siapa membaca Ayat Al-Kursi selepas tiap-tiap sembahyang fardu, adalah Rabb Ta'ala sendiri yang mengambil nyawanya (iaitu tatkala sampai ajalnya) dengan tangan kudrat-Nya seperti orang yang memerangi daripada para anbiyya Allah sehingga ia mati syahid'*.

Diriwayatkan juga di dalam Kitab **خزينة نزهة**

**الاسرار** oleh As-Syed Muhammad Haqqi Al-Nazili Rahmatullah 'Alaihi dan di dalam Kitab

**نزهة المجالس** oleh As-Syeikh As-Safuri

Rahmatullah 'Alaih bahawasa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda, maksudnya: *'Barang siapa membaca Ayat Al-Kursi selepas tiap-tiap sembahyang fardu, terbelahlah tujuh petala langit. Maka tiada ia bertangkep semula sehingga Allah menilik kepada orang yang membacanya. Lalu Allah mengampunkan*

*dosa-dosanya dan Allah mengutuskan seorang malaikat menyurat akan amalan-amalan kebajikannya dari saat itu sampai besoknya.'*

Al-Baihaqqi meriwayatkan daripada Anas رضي الله عنه bahawasanya: *'Barang siapa membaca Ayat Al-Kursi di belakang tiap-tiap sembahyang fardu, nescaya Allah Ta'ala memeliharanya sampai waktu sembahyang yang lain pula. Dan tiadalah yang memelihara atas amalan ini dan mengekalkan atasnya melainkan seorang nabi atau seorang siddiq atau seorang syahid.'*

Di dalam riwayat At-Thabrani daripada Al-Hasan bin Ali رضي الله عنه dikatakan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda bahawa orang yang membaca Ayat Al-Kursi di belakang tiap-tiap sembahyang fardu itu adalah di dalam **ذمة الله تعالى** , yakni perlindungan Allah Ta'ala sampai kepada waktu sembahyang yang lain pula.

Terlalu banyak riwayat tentang fadilat membaca Ayat Al-Kursi selepas sembahyang fardu itu, dengan janji pahala yang berlipat ganda banyaknya. Semua itu menunjukkan kepada suatu perkara, iaitu: *Allah Ta'ala menghendaki benar supaya kita mengamalkannya dan jangan mengabaikannya.*

Ada setengah-setengah orang mengingkari hadis-hadis tentang fadilat-fadilat amal seumpama ini kerana di dalamnya dijanjikan pahala atau ganjaran yang amat besar, berlipat kali ganda, atas sesuatu amalan yang pada zahirnya ringan dan mudah.

Maka seperti kata pengarang Kitab ذخيرة

العابدين<sup>41</sup> dari segi apakah mereka mengingkari hadis-hadis ini? Adakah terbatas kudrat Allah Ta'ala daripada memberi ganjaran yang banyak atas amalan yang ringan atau sedikit. Atau adakah picik rahmat Allah dengan Dia? Maka apabila adalah kudrat Allah Ta'ala melengkapinya bagi tiap-tiap *makdur* dan rahmat-Nya terlebih luas daripada dakwat air laut dan segala taat itu alamat bagi pahala maka yang demikian itu termasuk ke dalam jumlah perkara-perkara yang harus. Supaya diketahui akan kesempurnaan kudrat-Nya dan kebesarannya dan kemurahan-Nya, seperti terdapat bukti-buktinya di dalam beberapa ayat Quran dan hadis yang sahih, seperti firman Allah Ta'ala,

---

<sup>41</sup> Dinukil oleh Syeikh Wan Ali bin Wan Abdul Rahman di dalam Kitab الجوهر الموهوب ومنبهات القلوب Mathba'at Darul Ma'aruf, Pulau Pinang, halaman 85



42 وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ

Ertinya: ‘Dan rahmat-Ku meluas – yakni meliputi – tiap-tiap sesuatu’ dan di dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawanya Allah Ta’ala memberi kepada hamba-Nya yang mukmin, dengan sebab kebajikan yang satu akan sejuta kebajikan . Kemudian terdapat firman Allah Ta’ala yang berbunyi,

إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكُ حَسَنَةً يُضَاعِفْهَا  
43 وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا

Ertinya: ‘Bahawasanya Allah Ta’ala tiada menzalim akan setimbang zarah, dan jika adalah zarah itu kebajikan digandakan dia dan memberi ia daripada sisinya ganjaran yang besar’

Siapakah yang mengetahui “ganjaran yang amat besar” itu? Di dalam hadis pula dinyatakan bahawa ahli syurga yang sehabis-habis rendah martabatnya diberi nikmat menilik kepada beberapa orang isterinya dan mahligainya dan segala sarirnya dan nikmatnya perjalanan seribu tahun, sedangkan orang-orang muqarabin dapat

---

42 Surah Al-‘Araaf, Ayat 156

43 Surah An-Nisa, Ayat 40

menilik wajah Allah Ta'ala tiap-tiap hari dua kali pagi dan petang, maka janganlah diingkar akan kudrat Allah Ta'ala. Demikianlah khalas perkataan pengarang

Kitab ذخيرة العابدين. Walhamdulillah Rabbil'alamin.

Seyogia diingat bahawa salah suatu nama Allah Ta'ala, di antara nama-nama-Nya yang paling indah ialah *As-Syukur*. Menurut Syekh Abdul Rahman As-Safuri Rahmatullah

'Alaihi di dalam *نزهة المجالس*<sup>44</sup> *As-Syukur* atau 'Yang Amat Mensyukur' maknanya

ialah *يجازي بيسير الطاعة كثير الدرجات* yakni '*Ia membalas akan amal taat yang ringan atau mudah dengan ganjaran beberapa banyak darjat*'. Maka tiadalah sebab bagi kita untuk menyangsikan atau mengingkari janji-janji ganjaran yang banyak atas amal yang ringan atau sedikit, seperti membaca Ayat Al-Kursi selepas tiap-tiap sembahyang fardu itu.


Berkata Al-Imam Jaafar As-Siddiq عليه السلام:  
'*Barang siapa membaca Ayat Al-Kursi sekali baca maka Allah menolakkan daripadanya seribu perkara-perkara yang dibenci di dalam*


---


<sup>44</sup> *نزهة المجالس* Juzu' 1 ms 50

*dunia, yang paling ringan daripadanya ialah kepapaan, dan seribu perkara yang dibenci di dalam akhirat. Yang paling ringan daripadanya ialah azab kubur.*<sup>45</sup>

Tersebut juga di dalam *نزهة المجالس*<sup>46</sup> Nabi

 bersabda, maksudnya: *'Tiadalah dibaca akan Ayat Al-Kursi di tempat yang ada syaitan padanya melainkan keluar syaitan itu daripadanya.'* Ini didapati mujarab, sahih oleh orang-orang yang abrar. Akan tetapi, membaca itu hendaklah dengan niat yang khalas Allah Ta'ala dan dengan hadir hati dan suci pula daripada hadas. Jikalau tidak, maka mungkin tiada berkesan. Malah orang yang membaca itu mungkin akan dipersenda-sendakan oleh jin atau syaitan itu. Wallahu Ta'ala aqlam.

Rasulullah  pernah berwasiat kepada Abu

Hurairah : *'Perbanyak olehmu membaca Ayat Al-Kursi kerana sesungguhnya dengannya disuratkan bagimu dengan tiap-tiap huruf daripadanya empat puluh ribu kebajikan.'*

---

<sup>45</sup> *نزهة المجالس*, Juzu' 1 ms 49

<sup>46</sup> *نزهة المجالس*, Juzu' 1 ms 50

Di dalam wasiatnya kepada Saidina Ali bin Abi Talib عليه السلام pula junjungan عليه السلام bersabda, maksudnya: *‘Hendaklah engkau membaca Ayat Al-Kursi kerana bahawasanya pada tiap-tiap huruf daripadanya terdapat seribu berkat dan seribu rahmat.’* Demikian tersebut di dalam *حزينة الاسرار*<sup>47</sup> yang memetik hadis ini daripada *روضة المتقين* .

Berkata Al-Alamat As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazili Rahmatullah *‘Alaih bahawasanya Ayat Al-Kursi itu dinamakan juga اية السعادة* ,yakni *‘Ayat Kebahagiaan’* kerana mengkali membaca Ayat Al-Kursi di dalam dunia adalah alamat bahagia di dalam akhirat. Orang fasik dan orang munafik tiada mengkali membaca Ayat ini dengan sifat fasik dan jahat yang ada padanya

Sebagaimana sabda Nabi عليه السلام: *‘Dan tiadalah melazimi membaca melainkan seorang nabi atau seorang siddiq atau seorang syahid’* yakni tiadalah ia mengkali membacanya di dalam keadaan ia bersifat munafik dan fasik,

---

<sup>47</sup> *حزينة الاسرار* oleh As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazili, Maktab Sulaiman Mar’ai, Sinqapurah, tiada tarikh, ms 134-135

melainkan Allah mengubah ehwalnya dan akhlaknya kepada akhlak siddiq dan syahid, dengan berkat Ayat Al-Kursi, maka jadilah ia dari kalangan orang-orang solihin. Maka kembalilah atas pembaca Ayat Al-Kursi itu sinar kudrat ilahiat yang amat menewaskan dan sifat-sifat yang cemerlang itu dengan pelbagai anwar yang menghapuskan dhulumat tipu daya syaitan dan segala kecelaannya dan menjadi terang benderanglah baginya pelita keselamatan dalam semua hal keadaannya. Demikianlah Al-Alamat As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazili رحمته الله. **48**

Al-Mahamali meriwayatkan di dalam **فوائدها** nya

daripada Ibnu Mas'ud رحمته الله katanya, berkata seorang lelaki: *'Ya Rasulullah, ajarkan daku sesuatu yang memberi manfaat oleh Allah akan daku dengannya'*. Bersaba junjungan: *'Bacalah olehmu Ayat Al-Kursi, kerana bahawasanya ia memeliharamu dan zuriatmu dan ia memelihara rumahmu hatta beberapa buah rumah sekitar rumahmu.'* Demikian

disebut oleh As-Sayuthi di dalam **الاتقان في**

**علوم القرآن**.<sup>49</sup>

Pendek kata, Ayat Al-Kursi, seperti Al-Fatihah dan ayat-ayat lain di dalam Al-Quranulhakim mengandungi terlalu banyak manfaat dan khasiat bagi mengubati penyakit-penyakit jasmani dan rohani, menjauhkan daripada syaitan, melindungi dari kejahatan syaitan dan sultan, menjaga diri daripada angkara kaum yang zalim, dan lain-lainnya lagi. Sebagai pertunjuk pula, ia membawa kita dari kegelapan nafsu dan dhulumat perdayaan syaitan kepada nur tauhid yang

gilang-gemilang, suci daripada **تشبية**, **اتحاد**

dan **حلول**.<sup>50</sup> Walhamdulillah Rabbil'alamin.

---

<sup>49</sup> **الاتقان في علوم القرآن** Jalaluddin Abdul Rahman As-Sayuthi,

شركة مكتبه ومطبعه مسطفي البابي الحلبي واولاده بمصر، 2،  
juzu 1951m/1370m ms 164

<sup>50</sup> **تشبية**: Menyerupakan Allah Ta'ala dengan makhluknya.

**اتحاد**: Iktikhad bahawa Allah Ta'ala itu zat-Nya bersatu dengan zat alam. Di dalam Bahasa Inggeris disebut **Pantheism**.

(11) Kemudian sampailah kita kepada خواتيم

البقرة, penutup Surah Al-Baqarah, iaitu Ayat

الرَّسُولُ آَمَنَ..... kedua-dua ayat penutup Surah Al-Baqarah ini dinamakan oleh junjungan Rasulullah ﷺ ‘Perbendarahaan Rahmat Dari Bawah ‘Arasy’.

Ad-Daremi meriwayatkan di dalam Kitab **Sunannya**, daripada Ifaq bin Abdul Kala’i

bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, maksudnya:

*‘Tiadalah suatu kebajikan daripada kebajikan-kebajikan dunia dan akhirat melainkan semuanya terkandung di dalam ayat-ayat itu.’* Ad-Daremi juga meriwayatkan

bahawa Rasulullah ﷺ menyuruh umatnya

mempelajari ayat-ayat خواتيم البقرة ini dan mengajarnya kepada kaum wanita kita

kerana ia adalah **صلوة وقربات ودعاء**, yakni ia

adalah *‘Rahmat dari Allah Ta’ala, amalan-amalan untuk menghampirkan diri ke sisi*

---

**حلول:** Iktikhad bahawa Allah Ta’ala itu bertempat pada sesuatu tempat atau menjelma di dalam seorang. Kesemua iktikhad ini batil lagi sesat.

*hadrat Allah Ta'ala, dan doa yang kita hadapkan ke hadrat Rabb Ta'ala'. Memang wajarlah ia dibawa sebagai wirid selepas tiap-tiap sembahyang fardu kita.*

Setengah-setengah hadis meriwayatkan bahawa Ayat-Ayat *آمَنَ الرَّسُولُ*..... diturunkan di Mekah sebelum hijrah. Ia mengandungi firman Allah Ta'ala dan doa junjungan Rasulullah ﷺ bagi pihak umatnya, iaitu umat yang terakhir, umat yang sehabis-habis daif, di Hadrat Al-Qudus pada malam Mighraj. Al-Fatihah dan Ayat-Ayat ini adalah kurniaan khas dari Allah Ta'ala untuk umat Nabi yang paling disayangi, belum pernah lagi umat-umat dahulu kala menerima kurniaan dari *perbendaharaan 'arasy* seumpama ini.

Hadis-hadis yang muttawatir pula meriwayatkan bahawa Ayat-Ayat ini ayat-ayat Madinah, kerana seluruh Surah Al-Baqarah itu diturunkan di Al-Madinah. Walau bagaimanapun tiada dapat diikhtilafkan lagi bahawasanya ia adalah daripada sebenar-benar anugerah Allah yang Rahman dan Rahim untuk umat yang paling daif, paling pendek tempoh untuk beramal dan paling singkat umurnya, berbanding dengan umat-umat yang dahulu kala.

Apabila kita membaca Ayat-Ayat ini, kita membaca pernyataan dari Ar-Rahman bahawa



Rasul telah beriman dengan Al-Quran yang diturunkan kepadanya, demikian pula semua orang mukminin, setiap orang daripada mereka beriman dengan Allah, dengan para malaikat-Nya, dengan kitab-kitab-Nya dan para rasul-Nya – yang bererti secara mafhum bahawa mereka beriman dengan hari kemudian dan dengan qada dan qadar baik dan buruk semuanya datang dari Allah Ta'ala. (Inilah yang kita imani dan kita berusaha memperoleh keyakinan yang teguh dan safi dari hadrat Allah Ta'ala).

Sebagai orang-orang yang beriman, kita tiada membeza-bezakan antara seseorang dari rasul-rasul Allah. Kita mesti memuliakan mereka semuanya, meskipun kita mengetahui bahawa Allah 'Azza wa Jalla dengan hikmah-Nya mengutuskan mereka dengan perutusan yang berbeza-beza tetapi pada intisarilya satu jua. Dan Ia menganugerahkan mereka semua pelbagai martabat yang berbeza pula.

Walaupun titah perintah Allah Ta'ala mungkin terasa berat dan susah atas nafsu kita, namun sebagai hamba-hamba Allah kita

wajib menerimanya dengan **سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا** yakni *'Kami telah mendengar dan kami taat'*, supaya kita tidak menjadi seperti orang-orang dahulu kala yang berkata kepada

Tuhan mereka **سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا** , ‘Kami telah mendengar dan kami menderhaka’. **والعياذبالله**.

Apabila keimanan kita dan tingkah laku kita tiada bercampur dengan nifak dan tiada ditewaskan oleh benih-benih nifak dan kita telah ikhlas atau berusaha bertungkus lumus mengikhlaskan diri kerana Allah, kita pun menyedari bahawa alangkah jauhnya kita daripada kesempurnaan. Maka kita pun berdoa dengan doa yang diajarkan kita oleh

Allah dan Rasul-Nya **غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ** yakni, ‘Keampunan Tuan hambalah yang kami mohonkan, Ya Tuhan kami, dan kepada Tuan hambalah tempat kembali.’ Memohon

**غفران** bererti juga bukan sahaja memohon diampuni dosa-dosa malah memohon supaya dosa-dosa dan keaiban-keaiban kita ditutup oleh Allah Ta’ala daripada khalayak ramai, di dunia mahupun di akhirat.

**واليك المصير** ‘Kepada Tuan hambalah tempat kembali’ – bererti kita mesti senantiasa hidup di dalam beringat-ingat akan mati. Bahawa hidup ini amat sementara dan sebentar, sedangkan ajal kita entahkan bila. Dan tiada boleh kita diperdayakan dengan kilau

kemilau hidup yang zahir dan cara hidup ahli-ahli dunia dan semboyan-semboyan mereka yang palsu dan kosong. Hidup di dunia tiada melainkan persiapan untuk mati. Manakala mati tidak pula bererti tamatnya riwayat kita dan hancurnya diri hakiki kita. Tetapi ia adalah pintu gerbang ke alam yang lebih tinggi. Kekal dan abadi, di mana kita akan dihadapkan di hadapan kadi Rabb Ta'ala. Ya Allah, selamatkan kami! Amin.

Allah Ta'ala Yang Maha Pengasih tiadalah menurunkan syarak untuk menyusah-nyusahkan kita dan menyakitkan kita. Dia lebih mengenal akan diri kita dan qadar kesanggupan kita, kerana Dia adalah lebih daripada ibu bapa kita sendiri di dalam mengenal diri kita dan mengasuh kita, pada hal kita tiada menyedarinya. Betapa tidak, Allah Ta'alalah Rabb kita, yakni Tuhan yang menciptakan kita, memiliki kita dan sekalian alam, mengasuh, memelihara dan mendidik kita dan menunjuk kita jalan menuju ihsan dan kesempurnaan. Tiadalah dibebankannya atas diri kita melainkan sekadar yang dapat kita tanggung, dan oleh itu berbahagialah orang yang mengenal akan kadar dirinya dan mensyukuri Rabbnya dengan menunaikan kewajipan-kewajipan yang dipikulkan oleh Allah atas kita, samada yang zahir maupun yang bersifat batin atau rohaniah.

Hukum taklif yakni hukum syaraknya bukan semata-mata untuk orang-orang awam yang

di peringkat rendah, tetapi untuk nabinya lagi rasulnya, para sidiqqin, syuhadah dan solihinnya semua. Tiada seorang pun yang terlepas daripada hukum taklif atau syariatnya yang muthaharah. Barang siapa mengiktikhadkan dirinya telah bebas daripada hukum taklif atau syariat

Muhammadiyah adalah kafir. نعوذ بالله من ذلك.

Tiap-tiap diri itu mendapat ganjaran dari kebajikan yang diusahakannya dan ia mendapat dosa dan seksa dari kejahatan yang dikerjakannya, iaitu setelah ia menjadi mukalaf. Kemudian Allah Tabarak wa Ta'ala Yang Amat Pengasih lagi Penyayang mengajar

kita melalui Nabi-Nya ﷺ supaya berdoa kepada-Nya pada hal telah menjamin akan memakbulkan doa kita sebagaimana Ia memberi irsyad kepada kita dan mengajar

kita, supaya kita memohon, رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ

نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا

حَمَلْتَهُ عَلَيَّ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا

طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا

فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maka kita pun berdoa kepada Allah Ta'ala pada hadrat rububiyah, yakni dengan menyeru-Nya di dalam sifat-Nya sebagai Rabb kita. Huraian maksud doa kita adalah kira-kira seperti berikut,

*'Rabb kami, janganlah Tuan hamba hukumkan kami jika kami lupa atau kami tersalah',* yakni jika kami meninggalkan barang yang fardu kerana terlupa atau tersilap kami kerana jahil kami dengan kedudukannya dari segi syari'i.

*'Rabb kami, janganlah Tuan hamba bebankan atas kami beban yang berat sebagaimana Tuan hamba bebankan kepada yang sebelum kami',* yakni janganlah Tuan hamba pikulkan atau taklifkan atas kami daripada amal yang berat-berat sebagaimana Tuan hamba telah syariatkan kepada umat-umat dahulu kala,

seumpama umat Nabi Musa عليه السلام, iaitu Bani Israel. Oleh kerana Bani Israel mengkhianati janji mereka dengan Tuan hamba maka Tuan hamba telah haramkan atas mereka beberapa perkara yang baik-baik, seperti daging unta, lemak lembu dan kambing dan beberapa lagi hukum yang berat-berat.

Kita tidak perlu takbur atau berbangga diri, menyangka oleh kerana Allah Ta'ala mengurniakan nikmat-Nya dan rahmat-Nya maka kita tiada perlu berjihad atau bertungkus-lumus pada jalan-Nya atau menyangka bahawa kita adalah jauh lebih

baik daripada mereka yang sebelum kita. Di sebaliknya, dengan menginsafi betapa kebanyakan daripada umat yang dahulu kala telah gagal di dalam ujian atas mereka.

Kita pun diajar oleh Allah Ta'ala supaya berdoa agar beban kita diringankan, dan kita diajar pula supaya mengakui dengan insaf akan perlunya kita kepada kemaafan, keampunan, rahmat dan pertolongan Rabb Ta'ala, lebih daripada umat-umat yang dahulu kala. Maka kita pun mengakhiri doa kita, bukan untuk kepentingan diri kita sendiri atau nafsu kita, tetapi untuk memperjuangkan agama Allah, menentang syirik dan kufur dan segala kemungkaran.

*'Rabb kami, janganlah Tuan hamba pikulkan atas kami apa yang tak sanggup kami memikulnya'*, yakni janganlah Tuan hamba bebankan atas kami apa yang tak terpikulkan oleh kami, daripada pelbagai hukum taklif yang berat-berat, pelbagai musibah dan bala dan nafsu kelamin yang tak mengenal batasnya, dan barang sebagainya yang membawa kepada kegagalan dan kejatuhan.

*'Maafkan kami'* pada barang yang antara kami dan Tuan hamba, daripada segala taksir dan kegelinciran kami yang Tuan hamba lebih mengetahui.

*'Ampunlah kami'* pada barang yang antara kami dan hamba-hamba Tuan. Maka

janganlah zahirkan kepada mereka kejahatan-kejahatan kami, keaibaban-keaibaban kami dan amalan-amalan kami yang jelek *'Dan kasihanilah kami'* pada barang yang akan datang. Maka peliharalah kami, dengan taufik Tuan hamba daripada terjatuh ke dalam dosa yang lain.

Atau *'Maafkan kami'* agar kami tiada ditukar bentuk atau rupa seperti Kaum Nabi Isa. *'Ampunlah kami'* agar kami tiada tenggelam ditelan bumi sebagaimana yang berlaku pada Qarun. *'Dan kasihanilah kami'* agar kami tiada terkena rejam dengan batu daripada langit sebagaimana terkena rejamnya Kaum Lut.


Maka dengan doa inilah kita memohonkan juga Allah Ta'ala memaafkan lintasan-lintasan hati kita dan percakapan nafsu kita



yakni حديث النفس yang di luar kawalan diri kita dan tiada kita sengajakan.

*'Tuan hamba maula kami'* yakni penjaga dan penolong kami. Dan kepada Tuan hambalah kami bertawakal. Tiadalah daya pada menjauhi maksiat dan tiadalah kekuatan pada berbuat taat melainkan dengan Tuan hamba jua semata-mata. Ya Allah. *'Maka tolonglah kami atas kaum yang kafir'*, yakni yang menentang agama Tuan hamba dan mengingkari wahidaniah Tuan hamba dan kerasulan Nabi Tuan hamba dan menyembah

selain Tuan hamba dan mempersekutukan makhluk-makhluk Tuan hamba dengan Tuan hamba. Ya Rabb maka tolonglah kami atas mereka itu dan atas nafsu kami yang umarah, yang cenderung kepada kejahatan dan mengandung benih-benih sifat kaum kafir itu, dan jadilah 'aqibah yang baik itu untuk kami di dunia dan di akhirat. Amin!

An-Nikman bin Basyir  meriwayatkan

bahawa Rasulullah  bersabda, maksudnya: *'Sesungguhnya Allah menulis sebuah kitab sebelum Ia menjadikan langit dan bumi, dua ribu tahun. Ia menurunkan daripadanya dua buah ayat yang menutup Surah Baqarah, dan tiadalah dibaca ayat-ayat itu di dalam sebuah rumah selama tiga malam melainkan syaitan menjauhi rumah itu'*. Hadis ini dikeluarkan oleh At-Tarmizi dan diriwayatkan juga oleh Al-Hakim di dalam Al-Mustadriknya.

Ada beberapa riwayat daripada Ibnu Mas'ud  bahawa Rasulullah  bersabda, maksudnya: *'Barang siapa membaca dua ayat – daripada akhir Surah Al-Baqarah pada suatu malam, nescaya mencukupi ayat-ayat itu baginya'*. Kata setengah-setengah ulama maksudnya ialah *mencukupi ayat-ayat itu baginya daripada terkena bangun sembahyang malam*. Tetapi As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazili berpendapat bahawa maksudnya itu umum. Al-Qurthubi



menyatakan bahawa setengah-setengah ulama berpendapat bahawa *mencukupi ayat-ayat itu baginya daripada kejahatan syaitan.*

Ibnu As-Sani meriwayatkan daripada Qatadah رضي الله عنه daripada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawasanya

Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda, maksudnya: *'Barang siapa membaca Ayat Al-Kursi dan qawatim Surah Al-Baqarah ketika di dalam kesusahan nescaya Allah Ta'ala memberi pertolongan kepadanya'.*

(12) Apabila kita membaca Ayat **شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا**

**هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ**

**الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ** itu maka kita membaca kesaksian Allah sendiri bahawasanya tiadalah Tuhan yang sebenar-benarnya yang mustahak disembah melainkan Dia, yang menegakkan keadilan. Para malaikat-Nya dan ahli-ahli alam yang sebenar juga bersaksi akan yang demikian itu. Daripada Ayat ini juga kita mengenal Allah dengan nama-Nya *Al-Aziz* (Yakni Tuhan Yang Maha Mulia lagi Maha Berkuasa) dan *Al-Hakim* (yakni Tuhan Yang Maha Berhikmah, iaitu Maha Mengetahui akan hakikat segala sesuatu dan fadilat segala sesuatu).

Dikatakan bahawa, dengan keadilanlah berdirinya langit dan bumi. Maka tauhid ialah keadilan. Dan dengan tauhidlah berdirinya langit dan bumi ini. Apabila tiada

lagi orang yang mengucap **لااله الا الله**, yakni mentauhidkan Allah atas muka bumi ini maka akan runtuhlah tujuh petala langit dan hancurlah bumi dan berdirilah kiamat. Demikian diterangkan di dalam beberapa buah hadis.

(13) Apabila kita membaca **إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ**

maka kita membaca pernyataan dari Allah Ta'ala bahawa agama yang diredai di sisi Allah hanyalah Islam – yakni *agama tauhid, agama hanif* yang diturunkan kepada semua para nabi dan rasul-Nya 'alahimu solatu wassalam yang sama pada hakikatnya tetapi berbeza-beza syariatnya. Dan syariat yang terakhir ialah syariat Nabi kita Muhammad ﷺ, memansuhkan syariat-syariat yang dahulu kala.

Dan zahirnya Nabi Muhammad ﷺ maka berakhirlah segala nabi dan rasul dan syariatnya inilah sahaja satu-satunya jalan untuk menuju kepada Haq Ta'ala dengan mendapat berkat dan rahmat dan terpelihara daripada kesesatan.

Barang siapa mengiktikhadkan bahawa agama-agama lain juga betul, masih sah, mengandungi berkat dan boleh membawa kepada Allah Ta'ala, dan di dalam agama-agama seperti Kristian, Yahudi, Hindu, Buddha, Shinto, Sikh dan sebagainya terdapat jalan untuk manusia menuju bahagia dan keselamatan dan boleh zahir para aulia Allah di dalamnya, adalah kafir, نعوذ بالله من ذلك.

(14) Apabila kita membaca Ayat **قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكِ**

**الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ**

**وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَيَّ**

**كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ** maka kita diberitahu oleh Allah Ta'ala bahawasanya Dialah yang sebenar-

benar raja – raja daripada segala raja, **مَالِكِ**

**الْمُلْكِ** atau شاهنشاه – yang sebenar-benarnya

memiliki kerajaan. Kerajaan-Nya ialah meliputi langit dan bumi, dunia dan akhirat, diperintahnya tanpa wazir dan sebarang penolong. Ada pun kerajaan-kerajaan atau pemerintahan-pemerintahan manusia di dalam dunia ini hanya secara kecil-kecilan

sahaja dan secara pinjam-pinjaman, bukan hakiki. Raja-rajanya tiada berkuasa mutlak seperti Allah Ta'ala. Seorang lepas seorang, pergi dan datang, silih berganti, umpama orang yang silih berganti menjaga kedai. Dan kerajaan-kerajaan ini ada kalanya besar ada kalanya berpecah-pecah menjadi kecil, satu demi satu tegak dan runtuh. Maka Allah Ta'alalah yang memberi kerajaan kepada orang yang Ia kehendaki dan Dialah yang menarik balik kerajaan atau kekuasaan dari sesiapa yang Ia kehendaki. Kisri dan Qaisar, Fir'aun dan Haman, Sulaiman dan Zulkarnain, semuanya di dalam tangan kudrat-Nya. Dialah yang memberi kemuliaan dan menghinakan sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Maka di dalam jatuh bangun tamadun, di dalam tegak dan tumbangnya kerajaan, Allah Ta'ala menghendaki kita menyaksikan atau mensyahudkan 'if'al-Nya dan sifat-sifat-Nya supaya dapat kita mentauhidkan-Nya pada if'al dan pada sifat-sifat-Nya dan seterusnya pada zat-Nya.

Demikian juga Allah Ta'alalah yang memberi kepada para aulia-Nya ملك قلوب العباد , iaitu kerajaan atau pemerintahan atas hati manusia yang banyak, yang mana kerajaan ini atau kekuasaan ini mengatasi kerajaan atau kekuasaan raja-raja dan para penguasa di dunia.

Di dalam tangan kudrat Allahlah segala kebaikan. Sesungguhnya Ia amat berkuasa atas segala sesuatu kerana kuasa-Nya adalah mutlak.

- (15) Kemudian kita diajak pula menilik akan beberapa if'al Allah Ta'ala, betapa Ia menjadikan malam dan siang silih berganti. Kita semuanya sedang meniti atas belakang malam dan siang menuju kepada maut dan hari pertimbangan. Kita diajak supaya menilik kepada pergantian dhulumat dengan cahaya, gelap dengan terang, mati dengan hidup, kufur dengan iman dan betapa Allahlah Tuhan yang sebenar-benarnya memberi rezeki kepada sesiapa yang ia kehendaki. Maka usahlah syak kepada-Nya tentang masaalah rezeki kerana itu adalah suatu dosa yang berat.

Diriwayatkan daripada Saidina Ali bin Abi Talib عليه السلام daripada Nabi صلى الله عليه وسلم bahawasanya beliau bersabda, maksudnya: *'Sesungguhnya Ayat Al-Kursi dan Al-Fatihah dan dua ayat daripada Ali-Imran, iaitu*

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا  
بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨٠﴾ إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ  
الإسلام

dan,

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ  
مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعْزِزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُذَلِّلُ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٠﴾ تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ  
فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ  
وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

*Apabila Allah hendak menurunkannya bergantunglah ia di ‘arasy, lalu ia berkata “Adakah Tuan hamba akan menurunkan kami ke bumi Tuan hamba dan kepada mereka yang berbuat maksiat akan Tuan hamba?”*

Maka berfirman Allah Ta’ala: “Demi kemuliaan dan kebesaran-Ku, tiada membaca akan kamu seseorang daripada hamba-hamba-Ku selepas tiap-tiap sembahyang melainkan Ku jadikan syurga tempat kemudiannya dan Ku diamkan dia di Hadziratulquddus, dan Ku tilik akan dia pada tiap-tiap hari tujuh puluh tilik dan Ku tunaikan baginya pada tiap-tiap hari tujuh puluh hajat, yang paling rendah daripadanya ialah Ku berikan dia keampunan”. Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu As-Sani.

Di dalam riwayat As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazili daripada *Al-Mu'alam Tafsir Al-Fatihah* dan *Ruhul Bayan* ada sedikit perbezaan kalimah, dan dihujungnya ada tambahan, “*Melainkan Ku lindunginya daripada setiap seteru dan pendengki, melainkan Ku berikan dia pertolongan*”.<sup>51</sup>

- (16) **Surah Al-Ikhlās** mengandungi pernyataan tentang keEsaan Allah Ta’ala yang mutlak, tentang sifat *samadiyyah-Nya* dan bersalahannya Allah Ta’ala daripada sekalian makhluk pada hal semua makhluk itu berhajat kepada-Nya.
- (17) **Surah Al-Falak** mengandungi doa memohon perlindungan dengan Allah pada hadrat rubbubiyah daripada kejahatan makhluk, daripada kejahatan malam apabila telah gelap gelita, daripada kejahatan perempuan-perempuan tukang sihir dan daripada kejahatan orang yang dengki.
- (18) **Surah An-Nas** pula mengandungi doa memohon perlindungan dengan Allah pada semua hadrat, iaitu hadrat illahiyah, hadrat mulk dan hadrat rubbubiyah, daripada kejahatan syaitan *الوسواس الخناس* yang berbisik di dalam dada manusia, dari jin dan manusia.

---

<sup>51</sup> Khazinatul Al-Asrar ms 113

Ketiga-tiga surah pendek ini dinamakan **المعوذات**, iaitu *Surah-Surah Pelindung*. Surah Al-Ikhlas itu merupakan perlindungan daripada nifak, syirik dan kufur, dan terlalu banyak manfaat dan khasiatnya.

Di dalam Kitab Sunan Abi Daud, At-Tarmizi, An-Nasai dan lain-lain lagi terdapat hadis riwayat Aqabah bin Amir رضي الله عنه yang bermaksud:

Katanya ‘*Rasulullah ﷺ menyuruh akan daku membaca المعوذتين (dua surah pelindung) iaitu Surah Al-Falak dan An-Nas – selepas tiap-tiap sembahyang*’.

Di dalam riwayat Abu Daud disebut **المعوذات** berkata Al-Imam An-Nawawi رحمته الله di dalam kitabnya **الاذكار**, ‘Maka seyogialah membaca



قُلْ أَعُوذُ dan قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ , قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ  
52, رَبِّ النَّاسِ

Ibnu Mas'ud رضي الله عنه meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa beliau bersabda, maksudnya: 'Perbanyakkan olehmu sekalian membaca Surah قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ dan قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ

النَّاسِ, nescaya Allah memberi manfaat kepada kamu dengan keduanya di akhirat. Kedua-dua surah ini menerangi kubur dan menghalau syaitan, menambahkan kebajikan, memberatkan timbangan neraca amalan dan menunjukkan orang yang membacanya ke syurga'. Demikian disebut oleh As-Syeikh

Abdul Rahman As-Safuri di dalam نزهة

53. المجالس

---

52 الاذكار المنتخبة من كلام سيد الابرار صلى الله عليه وسلم، للإمام النووي،

شركة مكتبه ومطبعة مصطفى الباي الحبي وأولاده بمصر  
1955m/1375h ms 69

53 نزهة المجالس ms 413

- (19) Telah dikatakan bahawa Surah Al-Fatihah adalah ubat atau penawar daripada setiap penyakit zahir dan batin. Maka pada firman Allah Ta'ala **إِيَّاكَ نَعْبُدُ** terdapat ubat untuk riyak. Pada firman-Nya **إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ** terdapat ubat daripada kabir, yakni takbur, pada firmanNya **اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ** terdapat pula ubat daripada kesesatan.<sup>54</sup>

Al-Qatabul As-Samadani Al-'Alim Ar-Rabbani Saidi Abdul Wahab As-Sya'rani رحمته الله menyebut di dalam kitabnya yang bernama **الدلالة على الله**

**عز وجل** daripada Abu Al-'Abas As-Khazar رحمته الله, katanya. 'Aku bertanya kepada dua puluh empat ribu nabi, apakah suatu amalan yang dapat memelihara hamba dengan dia daripada tanggal iman? Maka tiada dijawab akan daku oleh seorang pun dari mereka itu, hingga bertemu aku dengan Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم lalu aku pun bertanya kepadanya tentang

---

<sup>54</sup> Dinukil daripada perkataan setengah ulama, oleh As-Syeikh Abdul Rahman As-Safuri di dalam **نزهة المجالس**, ms 44

perkara itu. Maka sabdanya, ‘Tunggulah sehingga aku bertanya kepada Jibrail عليه السلام. Maka bertanya ia kepada Jibrail, maka kata Jibrail, ‘Nanti aku bertanya kepada Tuhan Rabbil’izah’. Maka bertanya ia kepada Rabbil’izah, maka berfirman Allah ‘Azza wa Jalla, ‘Barang siapa mengekalkan membaca Ayat Al-Kursi dan آمَنَ الرَّسُولُ hingga akhir Surah, dan شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكُ \* dan \* إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُدَلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ \* تُوَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُوَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَمِيتِ وَتُخْرِجُ الْمَمِيتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ dan Surah Al-Ikhlās, ... قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ... , النَّاسِ ...

sembahyang, nescaya sentosalah ia daripada tanggal iman'.<sup>55</sup>

(20) سبحا لله, Maksudnya: *Maha Suci Allah* daripada segala kekurangan dan kecacatan, yakni Maha Suci Allah daripada menyerupai makhluk-makhluk-Nya dan daripada apa yang dipersekutukan dengan-Nya, khasiatnya untuk menyucikan hati daripada pengaruh hawa nafsu dan syaitan dan membersihkannya daripada segala bentuk syirik. Ia juga menjadi pelindung daripada syaitan, menolak sifat 'ajab dan sebagainya.

(21) الحمد لله, Maksudnya: *Segala puji-pujian hanya tertentu bagi Allah jua.* Ia merupakan pernyataan syukur kita kepada Allah Ta'ala dan puncak segala doa. Ia menyucikan daripada syirik khafiya dan daripada kufur nikmat.

---

<sup>55</sup> Dinukil oleh pengarang وشاح الافراح, halaman 57, الجوهر

الموهوب halaman 35 dan زهرة المرود فى عقائد التوحيد keterangan As-Syeikh Wan Muhammad Ali bin Abdul Rahman Al-

Kelantani, مطبعة الكمالية Kota Baru Kelantan, 1355h, halaman

28-29. Juga lihat فتح الملك المجيد oleh A-Syeikh Ahmad Ar-Dayarbi As-Safie

(22) **الله أكبر**, Maksudnya: *Allah Maha Besar*.

Tetapi seperti yang diterangkan oleh Al-Imam

Al-Ghazali di dalam kitabnya, **مشكوة الانوار** <sup>56</sup>,

ini tidaklah sekali-kali bermakna bahawa Allah lebih besar daripada makhluk-Nya kerana tidak ada wujud yang lain beserta dengan wujud Allah sehingga Allah menjadi lebih besar daripada barang yang lain itu. Artinya, tidak ada barang yang lain yang menduduki martabat wujud hakiki, beserta dengan wujud Allah. Ada pun wujud sekalian makhluk ini bukanlah wujud yang

hakiki, tetapi hanya wujud **مجازي** atau wujud

**خيالي** atau wujud **وهمي** yang tidak hakiki, tetapi ibarat bayang-bayang sahaja nisbah kepada wujud Allah yang mutlak lagi hakiki itu, dan adalah sekalian makhluk ini wujud kerana Allah Ta'ala mewujudkannya atau menzahirkan dan mengqaimkannya. Kalau tidak ia takkan wujud.

**الله أكبر** bermakna bahawa Allah Maha Besar, sehingga tiap-tiap suatu yang lain daripada-Nya, hatta nabi atau malaikat sekali pun

---

<sup>56</sup> **مشكوة الانوار** لابي حامد الغزالي، تحقيق ابي العلاء عفيفي، مصر، 1969m/1383h ms 56

tiada dapat menangkap atau mengenal akan  
كنه atau hakikat sifat keberiak-Nya. Bahkan  
tiadalah yang dapat mengenal كنه atau  
hakikat zat Allah Ta'ala melainkan Allah  
Ta'ala jua semata-mata.

Hanya Allah Ta'ala sahajalah yang layak  
diperbesar-besarkan dan diagung-agungkan  
dan diberi sanjungan yang setinggi-tingginya,  
bukan diri kita, bukan harta benda dan  
dunia seluruhnya, malah bukan sesuatu  
yang lain daripada Allah.

Hadis-hadis tentang tasbih, tahmid dan  
takbir itu terlalu banyak dan boleh didapati  
di dalam kitab-kitab hadis Al-Bukhari,  
Muslim, At-Tarmizi dan lain-lain lagi.

Pada suatu riwayat yang disebut oleh Al-  
Imam As-Sayuthi di dalam kitabnya **الباب**

**الحديث** dinyatakan bahawa Rasulullah ﷺ

bersabda, maksudnya: سبحان الله itu  
pahalanya separuh neraca timbangan amal,  
الحمد لله memenuhi neraca sepenuh-penuh

neraca itu, الله أكبر memenuhi tujuh petala

langit dan bumi dan لا اله الا الله pula tiadalah di sisinya tabir atau hijab yang menegahkan hingga lepas ia dan sampai kepada Tuhan-nya, iaitu kinayah daripada segera kabulnya dan banyak pahalanya.’

Tasbih, tahmid, takbir dan tahlil dinamakan

zikir الباقيات الصالحات yakni “*amalan-amalan yang soleh yang berkekalan manfaatnya selama-lamanya*”. Keempat-empat kalam ini

disifatkan oleh Rasulullah ﷺ sebagai “أفضل

الكلام” yakni “*Perkataan yang paling utama*”

dan “أحب الكلام الى الله” yakni “*Perkataan yang paling dikasihi oleh Allah*”. Manfaatnya terlalu banyak, di antaranya ialah menyucikan hati daripada syirik dan segala sifat yang tercela seperti hasad, riyak, ‘ajab, takbur, buruk sangka kepada sesama orang Islam, dendam, sifat pemaarah dan lain-lainnya lagi, dan ia menggugurkan dosa-dosa seperti gugurnya daun-daun kayu daripada pohon-nya.

Suruhan daripada junjungan kita Rasulullah ﷺ supaya umatnya membaca tasbih, tahmid, takbir dan tahlil selepas tiap-tiap sembahyang fardu dengan bilangan-bilangan yang telah disebut itu terdapat di dalam hadis-hadis Al-Bukhari dan Muslim, riwayat daripada Abu Hurairah dan Ka'ab bin 'Ujrah dan di dalam hadis-hadis Ahmad, An-Nasai dan Ad-Daremi, riwayat daripada Zaid bin Thabit.

At-Tarmizi meriwayatkan daripada Ibn Mas'ud ﷺ bahawasanya pada Malam Mikraj Rasulullah ﷺ telah berjumpa dengan Nabi Allah Ibrahim عليه السلام. Nabi Allah Ibrahim berpesan kepada Nabi kita ﷺ katanya, 'Ya Muhammad, sampaikan salamku kepada umatmu dan khabarkan kepada mereka bahawa syurga itu tanahnya baik lagi subur dan airnya tawar lagi enak dan ladangnya luas. Maka tanam-tanamannya ialah سبحان الله والحمد لله ولا اله الا الله والله اكبر.'

Ada pun سبحان الله العظيم وبحمده دائبا ابدا yang dibaca selepas genap tiga puluh tiga kali



mengucap **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ عَلٰى كُلِّ حَالٍ** yang dibaca genap tiga puluh tiga kali mengucap **اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَّ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dan **لَحْمَدُ لِلّٰهِ** yang dibaca selepas genap tiga puluh tiga kali mengucap **اَللّٰهُ اَكْبَرُ** itu, dinamakan **الاذكار الجامعة** yakni *zikir-zikir yang jamak* ertinya zikir-zikir yang serba meliputi, yang walau pun telah diucap sekali dan telah binasa langit dan bumi, tetapi seolah-olahnya seperti kita masih lagi terus menurus mengucapnya sedangkan pahalanya tiada terpermenai banyaknya.

Berkata Syeikh Ibnu 'AtaAllah Al-Iskandari di dalam kitabnya **تاج العروس الحاوى لتهذيب**

**النفوس**<sup>57</sup>: 'Barang siapa hampir akan habis umurnya dan ia hendak menampung barang

---

<sup>57</sup> **تاج العروس الحاوى لتهذيب النفوس** Laban 'AtaAllah Al-Iskandari, شركة مكتبه ومطبعه ,التنوير فى اسقاط التدبير ,pada pinggir Kitab **مسطفى البايى الحلبى واولاده بمصر** 1948m/1367h, ms 13. Terjemah Melayunya oleh As-Syeikh Othman Al-Pantiani, diterbitkan oleh Sulaiman Mar'i, Singapura, tiada tarikh, halaman 11.

yang telah luput daripadanya dengan amal-amal yang soleh, maka hendaklah ia mengamalkan **الاذكار الجامعة**, kerana bahawasanya apabila ia memperbuat akan yang demikian itu jadilah umurnya yang pendek, panjang dipenuhi dengan amal-amal yang soleh, seperti ia mengucap **سبحان الله**

**العظيم وبحمده عدد خلقه ورضا نفسه وزنة عرشه**

**ومداد كلماته**<sup>58</sup> ertinya, 'Maha Suci Allah Yang

*Amat Agung dan segala puji-pujian tertentu bagi-Nya sebanyak-banyak bilangan makhluk-Nya serela-rela diri-Nya, seberat 'arasy-Nya dan sebanyak-banyak dakwat yang boleh menyurat akan kalimat-kalimat-Nya ....'.* Banyak lagi lafaz-lafaz zikir yang jamak, istighfar yang jamak dan salawat yang jamak untuk menampung umur yang luput di dalam sia-sia dan kelalaian, yang tiada dapat disebut di sini untuk memendekkan perbicaraan. Maka zikir-zikir yang jamak

---

<sup>58</sup> **الاذكار الجامعة** memang ada nasnya di dalam beberapa buah

hadis, di antaranya hadis Muslim daripada Juwariyah رضي الله عنها dan hadis Abu Daud dan At-Tarmizi daripada Saad Abu Waqas رضي الله عنه .

tadi itu telah jelaslah manfaatnya. والحمد لله  
رب العالمين على فضله وكرمه .

(23) .... لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ (23) Tersebut di dalam beberapa buah hadis, di antaranya hadis Muslim daripada Abu Hurairah رضي الله عنه, dan telah diberikan huraianannya.

(24) Apabila kita mengucap وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

أَلْعَلِيِّ الْعَظِيمِ maka kita membuat pengiktirafan bahawa tiadalah daya apa pun untuk menjauhi maksiat dan tiadalah kekuatan pada berbuat taat melainkan dengan daya upaya dan kekuatan dari Allah jua semata-mata. Ada pun kita makhluk amat fakir terhadap kepada Allah dan amat lemah, kalaulah tiada dengan pemeliharaan Allah maka akan jatuhlah kita ke dalam maksiat dan dosa dan kalaulah dengan kekuatan daripada Allah jua semata-mata maka tiadalah kita boleh berbuat taat kepada-Nya.

Oleh itu tiadalah patut kita menilik pada amal kita dan bersandar pada amal kita untuk mendapat keselamatan kerana amal kita itu pun pada hakikatnya daripada

anugerah Allah Ta'ala kepada kita. Kita hanya akan selamat semata-mata dengan rahmat-Nya jua. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermakna kita tidak perlu lagi beramal. Amal itu tak dapat tidak kita perlu kerjakan kerana telah datang syarak menyuruh kita mengerjakannya. Tetapi di dalam beramal itu hendaklah kita jangan menilik kepada amal dan tercengang dengannya. Atau riak dengannya. Tetapi tiliklah kepada Al-Haq Ta'ala yang mengurniakan daya upaya dan kekuatan untuk berbuat amal itu.

Di antara khasiat **وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ**

**الْعَظِيمِ** ialah menolak sembilan puluh sembilan pintu daripada bala atau menyembuhkan sembilan puluh sembilan penyakit, yang paling rendah daripadanya ialah dukacita. Demikian dinyatakan di dalam beberapa buah hadis. Selain daripada itu khasiatnya ialah untuk mengikiskan sifat-sifat tercela seperti riak, 'ajab, sum'at dan lain-lain lagi dan untuk menghindari perdayaan syaitan dan gangguannya.

Berkata An-Nisaburi di dalam Kitab **النزهة** daripada Tauwas Al-Yemeni **رحمته** : 'Barang

siapa membaca **وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ**

**الْعَظِيمِ** dijadikan oleh Allah seekor burung daripada bacaan itu. Kepalanya daripada permata yakhut dan dua kakinya daripada mutiara dan sayapnya daripada saffron – yakni kamkam – dan ekornya daripada permata zamrud. Tersurat atas dadanya, ‘Burung ini daripada mulut si anu’. Berbuat ibadat burung yang tersebut itu akan Allah Ta’ala beserta para malaikat dan ibadatnya bagi orang yang membaca akan zikir tersebut hingga hari kiamat dan jadi burung itu seperti kuda yang pantas, naik atasnya orang yang empunya sampai ke syurga.<sup>59</sup>

(25) Apabila kita membaca **اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا عَظَمْتَ وَلَا مَعْطَى**

**لَكَ** maka kita cuba mentahkikkan di dalam diri kita bahawa tiadalah seorang jua pun yang boleh menegah atau menghalang Allah Ta’ala daripada memberi sesuatu kurniaan kepada sesiapa yang Ia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya dan tiadalah seorang jua pun yang boleh memberi sebarang anugerah atau

---

<sup>59</sup> Disebut di dalam Kitab **البيهجة المرضية**, halaman 67-68. Juga

lihat **نزهة المجالس**. ms 115

kurnia atau pemberian kepada seseorang yang lain jikalau Allah Ta'ala menegahnyanya atau menghalangnyanya daripada berbuat demikian. Tiadalah sesiapa pun yang boleh menolak barang yang telah diqada oleh Allah Ta'ala. Demikian pula orang yang hartawan atau berkedudukan tinggi di dunia, tiadalah harta bendanya atau tuahnya atau pangkatnya boleh memberi manfaat buat menolongnya di hadapan kadi Rabbil Jalil di akhirat kelak. Yang boleh menolongnya ialah bekal amal solehnya yang disediakan untuk mengadap Tuhannya itu.

Maka di dalam bacaan ini kita dikehendaki mentauhidkan Allah pada sifat-sifat-Nya. Allah Ta'alalah yang mempunyai sifat-sifat

**عطاء** yakni mengurnia dan **منع** yakni menegah atau menghalang dan qada-Nya tak dapat ditolak oleh sesiapa pun jika telah dikehendaki-Nya berlaku. Dan hari akhirat itu ialah,

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ (٨٨) إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ  
سَلِيمٍ (٨٩)

Ertinya: *'(Iaitu) di hari harta benda dan anak lelaki tidak berguna, kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang selamat*

sejahtera'.<sup>60</sup> Maka Allah Ta'ala itu maha sempurna kudrat-Nya tiada sekutu bagi-Nya pada sifat-sifat عطاء -nya, منع -nya dan kudrat-Nya dan segala sifat-Nya yang lain.

Zikir atau doa اللهم لا مانع لما اعطيت ..... dan seterusnya itu sering dibaca oleh Nabi ﷺ selepas tiap-tiap sembahyang fardu dan diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Muslim dan At-Thabrani. Tambahan lafaz ولاراد لما قضيت ..... itu terdapat di dalam riwayat Abid bin Hamid.<sup>61</sup>

- (26) Apabila kita berselawat dan bertaslim atas Nabi ﷺ maka kita menunaikan titah Allah Tabarak wa Ta'ala di dalam firman-Nya yang berbunyi: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>62</sup>

---

<sup>60</sup> Surah Asy-Syu'araa', Ayat 88-89

<sup>61</sup> Juzu' 1, سبل السلام للسيد محمد بين اسمعيل الكحلاني ثم الصنعاني،

مكتبة ومطبعة سليمان مرعي سنقافورة , 1960m/1379h, ms 197.

<sup>62</sup> Surah Al-Ahzab, Ayat 56

ertinya ‘*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat atas Nabi, hai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu atas Nabi dan ucapkanlah salam kesejahteraan atasnya.*’ Berkata ulama bahawasanya selawat daripada Allah Ta’ala atas Nabi-Nya itu rahmat-Nya yang disertakan dengan membesarkan dan atas yang lainnya mutlak rahmat dan maknanya daripada yang lain daripada Allah Ta’ala itu semata-mata doa.

Selawat atas Nabi ﷺ adalah di antara sebesar-besar amal untuk mendampirkan diri hamba kepada Tuhannya dan daripada seelok-elok dan sepatut-patut barang yang dihaluankan ke hadrat Nabi yang mulia ﷺ kerana syukur kepadanya atas hidayahnya bagi kita. Di antara faedah-faedah selawat ialah: menolak sekalian mudarat dan menarik sekalian manfaat di dunia dan di akhirat, mendatangkan rahmat Allah dan reda-Nya, menghuraikan segala simpulan pada hati dan menghilangkan segala dukacita, menunaikan pelbagai hajat di dunia dan di akhirat, mendatangkan cahaya di dalam kubur, menghapuskan atau mengkufaratkan dosa dan rahmat bagi orang mukminin dan mukminat yang hidup dan mati. Demikianlah faedahnya secara ringkas.



Tersebut di dalam hadis bahawa Nabi ﷺ  
bersabda: من صلى على صلاة واحدة صلى الله عليه

بها عشرة ertinya, *'Barang siapa berselawat  
atasku sekali selawat maka Allah memberi  
rahmat atasnya sepuluh kali ganda'*.

Apabila kita membaca كلما ذكر كى الذاكرون

و غفل عن ذكر كى الغافلون maka kita menjadikan  
selawat dan salam kita atas Nabi itu selawat  
dan salam yang jamak, makna yang tiada  
berputusan pahalanya.

Dihikayatkan bahawasanya Muhammad bin  
Abdul Hakim melihat akan imam kita,

Muhammad bin Idris As-Syafie رحمه الله di dalam  
tidurnya. Maka berkata Muhammad bin  
Abdul Hakim kepada Imam As-Syafie: *'Apa  
yang diperbuat Allah dengan dikau, Ya  
Imam.'* Ujarnya: *'Ia merahmatkan daku dan  
mengampunikan daku, diarakkan daku ke  
syurga seperti diarak pengantin.'* Maka  
bertanya Muhammad bin Abdul Hakim:  
*'Dengan apa sampai Tuan hamba kepada hal  
ini?'* Katanya: *'Dengan barang yang di dalam*

*Kitab الرسالة daripada selawat atas Rasulullah*

ﷺ'. Bertanya Muhammad bin Abdul Hakim:  
'Betapa bunyinya selawat itu?' Katanya:  
اللهم صلى على سيدنا محمد عدد ذكرك الذاكرون  
و غفل عن ذكرك الغافلون<sup>63</sup>

Dan berkata setengah-setengah solihin:  
'Melihat aku akan Nabi ﷺ di dalam tidurku,  
maka kataku: 'Ya Rasulullah, apa  
perbalasan Imam Syafie pada Tuan hamba  
kerana berkata pada Kitab الرسالة : وصلى الله  
على سيدنا محمد كلما ذكرك الذاكرون و غفل عن  
ذكرك الغافلون ? Sabdanya: 'Perbalasannya  
daripadaku bahawa tiada didirikan dia bagi  
hisab'.<sup>64</sup>

Selawat dan salam kita yang jamak itu kita iringi  
pula dengan mendoakan salam dan keredaan

---

<sup>63</sup> Disebut di dalam Kitab البهجة المرضية , halaman 107-108,

juga lihat Kitab جمع الفوائد وجواهر القلائد karangan Syeikh Daud  
Al-Petani, diterbitkan oleh Sulaiman Mar'ii, Singapura, tiada  
tarikh, halaman 271

<sup>64</sup> - "Sama seperti di atas" -

Allah Ta'ala bagi penghulu-penghulu kita iaitu para sahabat Rasulullah ﷺ semuanya. Kasih kita kepada mereka di samping kasih kita kepada Allah dan Rasul-Nya ﷺ adalah termasuk ke dalam cabang-cabang iman. Termasuk juga di dalam doa kita ini sahabat-sahabat seperti Saidina Othman, Saidina Mu'awiyah, Saidina 'Amr bin Al-'As dan Al-Mughirah bin Syu'bah ؓ ajma'in yang sering dikritik atau dikecam oleh ahli-ahli tawarikh akhir zaman. Membenci dan mengecam sahabat Nabi adalah daripada sifat-sifat orang-orang munafik. Mereka semuanya adalah para aulia Allah dan mendapat bahagian di dalam doa Rasulullah ﷺ.

Rasulullah ﷺ pernah bersabda, maksudnya: *'Para sahabatku laksana bintang-bintang. Mana-mana di antara mereka yang kamu ikuti, kamu akan mendapat petunjuk'*. Perselisihan di antara mereka hanyalah perbezaan di dalam ijtihad jua, walhal niat mereka semuanya baik dan tidak ada seorang pun di antara kita yang dapat menyamai iman mereka dan pengorbanan mereka pada jalan Allah.

(27) Sesudah itu kita pun membaca *حسيلة* iaitu

*وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ*, yang bermakna: ‘Dan cukuplah Allah bagi kami dan Dialah sebaik-baik tempat bertawakal’. Atau, seperti yang diterangkan oleh Ibnu Abas رضي الله عنه tafsirnya ialah: ‘Kepercayaan kami ialah terhadap Allah, Allahlah yang mencukupi untuk memberi kami pertolongan’.<sup>65</sup>

Lafaz *حسيلة* ini terdapat di dalam Surah Al-

Imran, Ayat 173, yang berbunyi *الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ*

*النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ*

*إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ* Ertinya:

(iaitu) ‘Orang-orang (yang mentaati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang mengatakan “Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu kerana itu takutlah kepada mereka”. (Mereka tidak gentar), bahkan perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka

---

65 تنوير المقباس من تفسير ابن عباس لآبي طاهر الفيروزآبادي، مكتبة

ومطبعة Sulaiman Mar’ii, Singapura, 1951m/1370h. ms 49.

menjawab: “Cukuplah Allah bagi kami dan Dialah sebaik-baik tempat bertawakal”.

Inilah ucapan orang-orang beriman, yang berserah atau bertawakal kepada Tuhan mereka di dalam menghadapi urusan yang besar, kesempitan dan bahaya, dan inilah ucapan Nabi Allah Ibrahim عليه السلام ketika ia dicampak ke dalam api. Demikian diriwayatkan oleh Abdullah bin Amru رضي الله عنه dan disebut oleh Imam At-Thabari di dalam kitab tafsirnya.

Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم pernah bersabda, maksudnya ‘Apabila kamu terjatuh ke dalam suatu urusan yang besar maka katalah olehmu  
*حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ*.<sup>66</sup>

(28) Kemudian sekali lagi kita mengucap *حوالة* ,  
iaitu,

*وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ*.

---

<sup>66</sup> Tafsir القرآن العظيم Juzu 2, ms 162

Ibnu Al-‘Imad menyebut di dalam Kitab *الذريعة* bahawa Nabi ﷺ bersabda, maksudnya: ‘Apabila tibalah hari kiamat datanglah *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* di hadapan orang yang mengucapnya, *سُبْحَانَ اللَّهِ* di belakangnya, *الْحَمْدُ لِلَّهِ* di kanannya *وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ* di kirinya dan *وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ* di atas kepalanya seumpama kubah. Maka tiadalah menyimpannya sesuatu pun daripada kejahatan manusia’.<sup>67</sup>

- (29) Kemudian kita beristighfar pula tiga kali atau sekurang-kurangnya sekali. Berbahagialah orang yang mendapati banyak istighfar tercatat di dalam suratan amalannya pada hari kiamat. Bersabda Rasulullah ﷺ, maksudnya: ‘Istighfar memakan segala dosa sebagaimana api memakan kayu api yang

---

<sup>67</sup> Lihat *نزهة المجالس* ms 59

*kering*’, demikian disebut oleh Al-Imam As-Sayuthi di dalam **الباب الحديث**.

Istighfar menjadi pelindung daripada azab Allah, mendatangkan keampunan Allah, menjadi ubat bagi dosa, mendatangkan rezeki, menutup segala pintu papa, menghilangkan dukacita, membuka jalan keluar dari setiap kepicikan dan mendatangkan rezeki dari jalan-jalan yang tak terduga. Demikian diterangkan di dalam beberapa buah hadis.

- (30) Sesudah itu kita pun menyeru Tuhan kita dengan beberapa nama-Nya yang indah seperti yang dituntutnya di dalam firman-Nya: **68**

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ  
يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Ertinya: *‘Allah mempunyai beberapa nama yang paling indah الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ. Maka bermohon kepadanya dengan menyebut nama-nama-Nya yang paling indah itu. Dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang*

---

**68** Surah Al-Araaf, Ayat 180

dari kebenaran di dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang mereka amalkan’.

Berkata Al-Imam Fakhruddin Ar-Razi رحمته الله:

‘Untuk menyeru atau berdoa dengan Asmaul Husna ada beberapa syarat. Yang paling baik ialah kita menghadirkan hati terhadap sifat rubbubiyah-Nya Allah Ta’ala, yakni sifat-Nya sebagai **Rabb** kita dan menginsafi akan kehinaan kita sebagai hamba-Nya dan mengenal makna Asma’ itu’. Maka di sini kita terangkan secara ringkas makna Asma’

الوافي, الشافي, الحفيظ, الكافي, اللطيف dan  
الكريم.

اللطيف berasal daripada اللطف yang bererti berlemah lembut kepada hamba-hamba. Makna yang diberikan oleh para ulama terhadap Asma’ ini ialah: ‘Tuhan yang berlemah lembut terhadap hamba-hamba-Nya’, ‘Tuhan yang mengetahui urusan yang paling tersembunyi lagi mengetahui segala yang akan berlaku serta sedar akan rahsia segala sesuatu’, ‘Tuhan yang tiada dapat ditangkap oleh pandangan mata dan tiada Ia bertempat, kerana itu tiadalah Ia berubah-ubah oleh pihak dan tempat’, ‘Tuhan yang segera menghilangkan dukacita sewaktu



turun bala’, ‘Tuhan yang menyembunyikan kerpekerjaan di sebalik apa yang zahir’ seperti Allah Ta’ala menyembunyikan kerajaan Nabi Allah Yusuf عليه السلام di sebalik pakaian abdi, sehingga ia berkata:<sup>69</sup>

إِنَّ رَبِّي لَطِيفٌ لِّمَا يَشَاءُ

Maknanya: ‘Sesungguhnya Tuhanku bersifat Latif terhadap apa yang Ia kehendaki’.

Maka kewajipan kita sebagai hamba Allah dalam hubungan dengan sifat ini ialah bahawa hendaklah kita bersifat lemah lembut, berhalus dan tiada kasar, tiada keras menengking terhadap hamba-hamba Allah, lebih-lebih lagi di dalam menyeru mereka kepada jalan Allah.

Kita menyeru Allah dengan **يا لطيف** memohon Ia berlemah lembut terhadap kita yang sungguh banyak taksir dan dosa, memohon bersifat *latif* terhadap kita di dalam memudahkan barang yang sukar seperti di dalam doa Nabi عليه السلام :

---

<sup>69</sup> Surah Yusuf , Ayat 100.

70 **اللَّهُمَّ أَلْطَفَ بِي فِي تَيْسِيرِ كُلِّ عَسِيرٍ**

'Ya Allah, berlemah lembutlah kepadaku dalam memudahkan tiap-tiap yang payah .....'. Kita memohon-Nya dengan Asam' ini agar disampaikan segala kebaikan kepada kita dengan lemah lembut.

**الكافي** bererti: 'Tuhan yang mencukupi bagi hamba-hamba-Nya sebagai saksi dan sebagai wakil atau tempat berserah'. Menurut As-Syeikh Abdul Rahman Al-Fansuri, isim

**الحسيب** itu maknanya **الكافي**, dan menurut Ar-

Razi ..... **نعم الوكيل** bererti **نعم الكافي**, yakni 'Sebaik-baik Tuhan yang mencukupi'.<sup>71</sup>

Apabila kita menyeru **يا كافي** maka kita menyeru: 'Wahai Tuhan yang mencukupi bagi hamba-hamba-Nya sebagai tempat bertawakal atau berserah di dalam segala urusannya'. Maka kewajiban kita di dalam hubungan dengan isim ini ialah mengambil

---

<sup>70</sup> Daripada hadis Abu Hurairah yang dikeluarkan oleh At-Thabrani.

<sup>71</sup> **نزهة المجالس** ms 105-106

Tuhan kita sebagai tempat bertawakal, dan tidak bertawakal kepada makhluk.

*الحفيظ* bererti 'Tuhan yang memelihara sesuatu dari kehilangan dan kerosakan menurut kehendak-Nya', 'Tuhan yang memelihara amalan-amalan hamba-Nya sehingga Ia membalasnya dengan limpah kurnia-Nya dan kelebihan-Nya', 'Tuhan yang memelihara makhluk dari setiap bala dunia dan huru-hara di akhirat', 'Tuhan yang cukup menjaga atau mengawasi sesuatu', 'Tuhan yang menjaga tujuh petala langit dan bumi dengan segala isinya dengan diberi-Nya tempoh yang tertentu', 'Tuhan yang memelihara persesuaian antara sesuatu yang bertentangan dan berkeliaran'.

Sebagai kewajiban hamba terhadap Allah dalam hubungan dengan isim ini ialah: *Hendaklah ia memelihara sekalian anggotanya, hatinya dan agamanya daripada kemarahan yang tiba-tiba, ajakan syahwat, tipu daya nafsu dan godaan syaitan kerana semuanya itu hendak membawanya kepada kebinasaan dan kecelakaan.*

Maka apabila kita menyeru *ياحفيظ*, kita memohon pemeliharaan zahir dan batin daripada segala kecelakaan, mala petaka dan seksa dan kita memohon Allah Ta'ala memelihara iman kita, ahli kita, harta benda

kita dan memberi kita **حفيظ** atau pemeliharaan daripada dosa dan noda.

**الشافى** bererti ‘Tuhan yang menyembuhkan penyakit zahir dan batin’, ‘Tuhan yang menurunkan penawar atau ubat untuk tiap-tiap penyakit’. Firman Allah Ta’ala, menghikayatkan perkataan Nabi Allah

Ibrahim **عليه السلام** **وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ**: ertinya: ‘Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan daku’.<sup>72</sup> Dari Rasulullah **ﷺ** pernah berdoa untuk orang sakit:

**اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أذهبِ البأسَ: وَأشْفِ أنتَ الشَّافِي**

**73 لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا**

Ertinya, ‘Ya Allah, Tuhan sekalian manusia, hilangkan dukacita atau mudarat dan sembuhkanlah, Tuan hambalah Tuhan yang menyembuhkan. Tiadalah penyembuhan melainkan penyembuhan Tuan hamba jua.

---

<sup>72</sup> Surah Al-Syu’ara, Ayat 80.

<sup>73</sup> Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim, lihat Kitab oleh

Ibni Al-Qayyum **الطب النبوي** 1377, ms 126

*Penyembuhan yang menyebabkan penyakit tiada akan berulang lagi!*'.

Kewajiban kita dalam hubungan isim ini ialah bahawa hendaklah kita mengiktikhadkan bahawa Allah Ta'alalah yang menurunkan penyakit dan Dia juga yang menurunkan penawar atau ubat dan menyembuhkan penyakit. Ubat pada zatnya tiada berkuasa menyembuhkan penyakit, demikian pula tabib, melainkan dengan izin Allah Ta'ala. Berubat itu sekadar untuk menjadi sebab. Allahlah pada hakikatnya yang menyembuhkan.

Apabila kita menyeru **يا شافي** maka kita memohon penyembuhan daripada segala penyakit zahir dan batin, jasmani dan rohani.

**الوافي** ertinya 'Tuhan yang menyempurnakan janji', seperti firman-Nya **وَأَوْفُوا بِعَهْدِي أُوفِ**

**74** **بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّايَ فَازْهَبُونَ** Ertinya, 'Dan penuhilah janjimu kepada-Ku, nescaya Aku penuhi janji-Ku kepadamu, dan hanya kepada-Kulah mesti kamu takut (atau tunduk)'. Juga **الوافي** bermakna 'Tuhan yang

---

<sup>74</sup> Surah Al-Baqarah, Ayat 40

mencukupkan pahala orang-orang yang sabar, tanpa terhitung banyaknya'. Seperti firman-Nya,

75 *إِنَّمَا يُؤَفِّي الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ*

Ertinya, 'Hanyasanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa hisab'.

Maka kewajiban kita kepada Allah dalam hubungan dengan nama-Nya ini ialah bahawa: *Hendaklah kita memenuhi janji, jangan mungkir janji pada barang yang tiada maksiat, samada janji dengan Allah atau dengan makhluk, hendaklah kita menyempurnakan nazar apabila kita telah bernazar, hendaklah kita menyempurnakan sukatan dan timbangan, jangan menipu dan mengurangkan hak orang lain dan hendaklah kita berlaku adil, dan hendaklah kita bersabar di dalam nikmat, di dalam bala dan di dalam berbuat taat dan menjauhi segala larangan Allah.*

Apabila kita menyeru *يا وافي* maka kita mengingat akan maknanya sebagai Tuhan yang menyempurnakan janji dan mencukupi ganjaran bagi orang-orang yang sabar itu tanpa hisab.

---

75 Surah Az-Zumar, Ayat 10

الكريم ertinya, 'Tuhan yang banyak pemberian dan kebaikan tanpa dituntut dan dipohon'.

السخي ialah 'Yang memberi apabila diminta'. Oleh sebab itu Allah Ta'ala tidak dinamakan

السخي, tetapi الكريم: 'Tuhan Yang Amat

Pemurah lagi Mulia'. Di antara makna الكريم juga ialah 'Tuhan yang apabila Ia berkuasa Ia mengampun, apabila berjanji Ia tepati, dan apabila memberi Ia tambahkan lebih daripada yang diharapkan – tak terhitung banyaknya pemberian-Nya kepada sesiapa yang Ia kehendaki, dan tidaklah Ia sukai kita meminta sesuatu kepada orang lain selain daripada zat-Nya yang mulia. Jikalau hamba-Nya melakukan kekasaran atau maksiat, Ia hanya mencelakan di dunia dan tiada mengambil tindakan yang keras. Dialah Tuhan yang tiada menyia-nyiakan orang yang meminta naungan-Nya dan perlindungan-Nya, walhal Ia terkaya daripada meminta-minta dan terkaya pula daripada penolong dan pembantu'. Berkata Ibnu 'Atta: الكريم ialah 'Tuhan yang tiada menyia-nyiakan pengharapan'.

Maka kewajiban kita dalam hubungan dengan nama **الكريم** ialah bahawa kita mesti bersifat pemurah dengan tiada payah dituntut atau diminta dan memberi kepada mereka yang layak atau berhak diberi, mengampun kesalahan orang terhadap kita walaupun kita berkuasa membalas. Menepati segala janji dan menolong makhluk-makhluk Allah Ta'ala serta memberi manfaat kepada mereka.

Apabila kita menyeru **يا كريم** maka kita menyeru Allah Ta'ala dengan mengingat akan kemuliaan dan sifat-Nya Yang Amat Pemurah itu sebagaimana yang terhurai di atas.

Apabila kita mengucap **انت الله** maka kita hadirkan di dalam hati kita makna: *'Tuan hambalah Allah',* maksudnya: *'Tuan hambalah Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya yang layak disembah, yang hamba baharu sekejap menyeru-Nya dengan beberapa nama-Nya yang indah'.*

Kalimah **الله** itu dinamakan **لفظ الجلاله**, yakni lafaz kebesaran Tuhan dan nama **الله** ialah nama khas yang dipakai untuk Tuhan yang



sebenarnya, Yang Maha Esa, tiada sekutu, tiada tara dan tidak ada misal bagi-Nya, yang menjadikan segala sesuatu dan menjadi tuan bagi segala sesuatu di dalam ertikata bahwa semua makhluk adalah kepunyaan-Nya. Ia terkaya yakni tiada berhajat kepada segala sesuatu yang daripada-Nya, sedangkan semua yang lain berhajat kepada-Nya. Dialah Tuhan yang memiliki sifat-sifat Keagungan جلال,

Keindahan جمال dan kesempurnaan كمال. Tidak ada suatu kalimah pun di dalam mana-mana bahasa yang boleh menjadi ganti untuk menterjemahkan kalimat اللهُ itu.

- (31) Zikir لا اله الا اللهُ sebanyak 10 kali sesudah selesai tasbeeh dan tahmid sebanyak 33 kali dan takbir sebanyak 34 kali terdapat nasnya di dalam Kitab الحصن الحصين من كلام سيد المرسلين<sup>76</sup>, daripada riwayat At-Tarmizi, Al-

---

<sup>76</sup> للعلامة شمس الدين محمد بن الحصن الحصين من كلام سيد المرسلين

الجزري pada pinggir Kitab Khazanatul Al-Asrar ms 67.

Hakim di dalam **المستدرک**nya dan Al-Imam Ahmad bin Hanbal.

Ada pun nas untuk bertahlil seberapa banyak yang mungkin itu terlalu banyak, di antaranya ialah firman Allah Ta'ala di dalam Surah Al-Ahzab, Ayat 41 dan 42 yang berbunyi,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا  
(٤١) وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا (٤٢)

Ertinya: *'Hai orang-orang yang beriman, berzikirlah (dengan menyebut nama) Allah. Zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya waktu pagi dan petang'*. Maka firman ini merupakan titah yang umum untuk kita orang-orang beriman menyebut dan mengingat Allah Ta'ala sebaik-baiknya dengan mana-mana lafaz zikir

yang diiktiraf oleh syarak. Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda,

77 جَدِّدُوا إِيمَانَكُمْ أَكْثَرُوا مِنْ قَوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Ertinya: 'Perbaharulah imanmu.  
Perbanyakkan mengucap لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ'

### Beberapa Buah Hadis Tentang Fadilat لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Bersabda Nabi ﷺ, ادوا زكاة ابدانكم بقول لا اله الا الله. Ertinya: 'Tunaikan zakat badanmu dengan mengucap لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.' Maka mengucap لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu disifatkan oleh junjungan ﷺ sebagai zakat badan. Hadis ini boleh juga diertikan: 'Tunaikan zakat badanmu dengan sebab berkata لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, yakni dengan sebab Islam kamu'.

---

77 Hadis Al-Iman Ahmad di dalam **Musnad**nya dan Al-Hakim di dalam **المستدرک**nya daripada Abu Hurairah. As-Sayuthi menyebut Hadis ini di dalam **الجامع الصغير** sebagai **sahih**.

Bersabda Nabi ﷺ : *من قال لا اله الا الله خالصا مخلصا* :

*لَا إِلَهَ إِلَّا* . Ertinya: *'Barang siapa berkata*

*الله* di dalam keadaan suci ia daripada sifat munafik dan syirik – lagi ikhlas – kerana Allah daripada umpama riak, 'ajab atau sesuatu tujuan yang lain daripada menghendaki wajah Allah – nescaya masuk syurga ia, yakni beserta orang yang dahulu atau yang awal-awal masuk syurga'.

Boleh difaham juga dengan makna '**masuk syurga**' di dalam hadis ini, masuk syurga yang bersegera di dalam dunia ini, iaitu syurga makrifat yang laduniyyah dengan benar-benar mentauhidkan Allah pada if'al-Nya, pada sifat-Nya

dan pada zat-Nya dengan tahqiq yang bangsa ذوقي

شهودي dan كشفي .

Bersabda Nabi ﷺ : *من كان اول كلامه لا اله الا الله واخر*

*كلامه لا اله الا الله وعلى الف سيئة ان عاش الف سنة لا يساله*

*الله عن ذنب واحد* . Ertinya: *'Barang siapa adalah awal kalamnya – yakni ketika ia mula-mula*

*bertutur kata* *لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ* , dan akhir kalamnya –

ketika akan mati - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, kepada hal mengerja  
ia seribu kejahatan – yakni daripada dosa-dosa  
kecil – jika hidup ia seribu tahun sekali pun tiada  
ditanya akan dia oleh Allah Ta’ala daripada suatu  
dosa jua pun’.

Hadis ini sekadar hendak menunjukkan fadilat لَا

إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu. Bukanlah maksudnya untuk  
membuka jalan bagi kita membuat seribu dosa-  
dosa kecil. Dosa-dosa kecil mengikut Imam Al-  
Ghazali<sup>78</sup>, apabila dibuat berulang-ulang kali  
terus menerus dengan tiada bertaubat, menjadi  
dosa besar kerana ia menghimatkan hati. Dosa  
kecil apabila dipandang kecil dan enteng bertukar  
menjadi dosa besar pula. Demikian juga dosa  
kecil apabila dibuat oleh orang alim, menjadi dosa  
besar kerana orang alim itu menjadi ikutan orang  
ramai.

Bersabda Nabi ﷺ: من قال لا اله الا الله من غير عجب طار

بها طائر تحت العرش يسبح مع المسبحين الى يوم القامة

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ. Ertinya: ‘Barang siapa berkata

---

<sup>78</sup> Lihat Kitab Ihya Ulimuddin Al-Ghazali di dalam bahagian  
‘Kitab Al-Taubah’.

*إِلَّا اللَّهُ*, tanpa ‘ajab, yakni tanpa merasa tercengang atau bangga atau kagum terhadap barang yang dilihatnya atau didengarnya daripada amalan itu, terbanglah dengan kalimat *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* yang diucapnya itu seekor burung yang di bawah ‘arasy: mengucap tasbih burung itu beserta segala malaikat yang bertasbih, sampai hari kiamat dan disuratkan baginya akan pahalanya bagi orang yang berkatanya’.

Bagi orang-orang yang sudah dipengaruhi oleh mentaliti moden, yakni cara berfikir yang berdasarkan syak dan bersifat kedajalan apa yang tersebut di dalam Hadis ini mungkin kedengaran seperti suatu dongeng: *Bagaimana boleh ada burung di bawah ‘arasy yang terbang dengan amal manusia dan burung itu bertasbih pula .....*!

Memang ada demikian di dalam hadis-hadis bahawa ada di antara amalan-amalan anak Adam itu yang dijadikan oleh Allah Ta’ala di dalam rupa burung, di dalam rupa manusia yang amat lawa dan sebagainya, jika amalan-amalan itu amalan yang soleh. Di sebaliknya, jika amalan-amalan itu amalan-amalan yang jahat atau sifat-sifatnya sifat-sifat yang jahat dan jelek, maka di dalam alam rohani atau di dalam alam barzakh atau di dalam alam akhirat nanti akan datang di dalam rupa manusia yang amat hodoh dan hitam legam, atau di dalam rupa buruk, anjing, babi, ular yang besar dan sebagainya.

Di dalam sebuah hadis Muslim, riwayat daripada An-Nawas bin Sam'an, Nabi ﷺ ada menerangkan betapa pada hari kiamat kelak **Surah Al-Baqarah** dan **Al-Imran** akan datang seperti dua tompok awan atau dua buah naungan yang hitam yang terdapat cahaya benderang antara kedua-duanya. Atau kedua-dua Surah itu akan datang di dalam rupa seumpama dua kelompok burung yang bersaf-saf, memberi naungan kepada orang-orang yang membacanya.

Ada tersebut di dalam setengah-setengah hadis bahawa Allah Ta'ala menjadikan malaikat daripada sesuatu amalan soleh anak Adam. Misalnya, di dalam sebuah hadis ada dinyatakan bahawa barang siapa membaca Ayat Al-Kursi selepas ia berwuduk maka Allah mengangkatnya empat puluh darjat dan menjadikan daripada tiap-tiap huruf yang di bacanya suatu malaikat yang beristighfar untuknya hingga hari kiamat.<sup>79</sup>

Di dalam suatu pengalaman rohaniahnya, ketika ia sakit dan kelihatan pada zahirnya seakan-akan mati atau tiada khabarkan diri, Syeikh Muhyiddin ibni Al-Arabi Al-Hatimi ربه ﷺ melihat Surah Yaseen yang sedang dibaca oleh ayahnya datang kepadanya di dalam rupa seorang muda yang sangat lawa.

---

<sup>79</sup> نزهة المجالس ms 48.

Dan lagi bersabda Rasulullah ﷺ **الاله الا الله تدفع عن**

**لَا ،** Ertinya: **قائلها تسعة وتسعين بابا من البلاء أدناهم الهم**

**لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** itu menolak daripada orang yang berkata akan dia sembilan puluh sembilan pintu daripada bala, sekurang-kurangnya dukacita’.

Firman Allah Ta’ala di dalam Hadis Kursi: **الاله**

**الاله كلامي وانا هو من قلها دخل حصني ومن دخل حصني**

**لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** Ertinya: **امن من عقابي** itu kalam-Ku dan Aku ia – yakni Akulah yang diisbatkan di dalam kalimah tauhid itu – barang siapa berkata akan dia masuk ia di dalam kota-Ku dan barang siapa masuk di dalam kota-Ku aman ia daripada seksa-Ku.

Kesemua hadis tentang **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** dan fadilat-fadilatnya yang di atas itu dipetik daripada Kitab **الباب الحديث** Iman As-Sayuthi.

Diriwayatkan, apabila seseorang hamba Allah berkata: **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** keluar malaikat daripada mulutnya. Maka naik ia ke langit hingga sujud ia



kepada Allah Ta'ala di bawah tiang 'arasy, dan didengar baginya suara seperti dengung lebah. Maka dikatakan kepadanya: *'Diam olehmu'*. Maka berkata ia *'Demi ketinggian Tuan hamba dan kebesaran Tuan hamba, tiadalah hamba diam hingga Tuan hamba ampunkan bagi orang yang mengatannya'*. Maka firman Allah Ta'ala: *'Sanya telah-Ku ampunkan dia'*. Maka diamlah malaikat itu. Kemudian dijadikan dia oleh Allah Ta'ala mempunyai tujuh puluh lidah. Diminta ampun dengan dia bagi orang yang berkata **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**<sup>80</sup>

Saidina Anas رضي الله عنه meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Nabi bersabda, maksudnya: *'Apabila berkata oleh hamba: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ menebuk ia akan segala atap langit hingga jadi ia pada suratan amalnya seperti bulan dan sekalian amalnya kelilingnya seumpama segala bintang'*. Dan tersebut di dalam hadis: *'Barang siapa mengucapkan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, ditanamkan baginya suatu pohon tamar di dalam syurga daripada yakut yang merah, tempat tumbuhannya daripada kasturi yang putih. Rasanya terlebih manis daripada madu dan*

---

<sup>80</sup> تنبيه الغافلين للامام ابي الليث السمرقندي، دار احياء الكتب العربية،  
tiada tarikh, ms 150

terlebih putih daripada air beku dan terlebih baik baunya daripada kasturi'.<sup>81</sup>

Bersaba Nabi ﷺ, maksudnya: 'Jibril telah mengkhobar kepada daku bahawasanya لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu menjinakkan bagi orang Muslim tatkala matinya dan di dalam kuburnya dan pada ketika keluar daripada kuburnya'.<sup>82</sup> Maksud '**menjinak**' itu ialah: 'Menyebabkan hatinya menjadi jinak dengan hadrat Allah Ta'ala, tiada ia merasa jauh dari Allah Ta'ala dan tiada ia terhijab dengan hijab yang tebal, dan hatinya boleh merasa khusyuk'.

Anas bin Malik رضى الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah ditanya orang: 'Ya Rasulullah, adakah sesuatu harga untuk mendapatkan syurga?' Sabdanya: 'Ya, لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

اللَّهُ'.<sup>83</sup>

---

<sup>81</sup> البهجة المرضية Halaman 18-19.

<sup>82</sup> البهجة المرضية Halaman 17

<sup>83</sup> تنبيه الغافلين , ms 149.

Abu Hurairah رضي الله عنه bertanya kepada Rasulullah صلى الله عليه وسلم, katanya: *‘Siapakah orang yang terdahulu sekali mendapat syafaat Tuan hamba?’* Sabdanya: *‘Orang yang berkata لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ khalas, yakni suci daripada riak dan suma’ah dan nifak, daripada dirinya sendiri.’*<sup>84</sup>

Bersabda Nabi صلى الله عليه وسلم: *‘Talqinkan orang mati kamu: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ kerana bahawasanya ia meruntuhkan dosa-dosa’.* Para sahabat bertanya: *‘Maka jika ia berkata akan dia pada masa hidupnya?’* Sabdanya: *‘Bahkan ia lebih meruntuhkan lagi!’*<sup>85</sup>

### **Bertahlil Dengan Madda**

Tersebut di dalam hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

---

<sup>84</sup> تنبيه الغافلين , ms 149.

<sup>85</sup> تنبيه الغافلين , ms 150

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَمَدَّهَا هُدِمَتْ لَهُ أَرْبَعَةُ آفَافٍ ذَنْبٍ مِنَ  
 الْكِبَائِرِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ شَيْءٌ مِنَ  
 الْكِبَائِرِ؟ قَالَ: يُعْفَرُ لِأَهْلِهِ وَلِجِيرَانِهِ <sup>86</sup>

Ertinya: ‘Barang siapa berkata لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan memanjangkannya, diruntuhkan baginya empat ribu dosa daripada dosa-dosa besar’. Para sahabat bertanya: ‘Ya Rasulullah, jikalau tiada baginya sesuatu daripada dosa besar’. Ujarnya: ‘Maka diampun bagi ahlinya dan jiran tetangganya’. Yakni yang Muslimin.

Bersabda Nabi ﷺ:

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَمَدَّ بِهَا صَوْتَهُ أَسْكَنَهُ اللَّهُ دَارَ الْجَلَالِ دَارًا  
 سَمَّى بِهَا نَفْسَهُ فَقَالَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ وَرَزَقَهُ اللَّهُ النَّظْمَ إِلَى  
 وَجْهِهِ الْكَرِيمِ

<sup>86</sup> Diriwayat oleh As-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Binti Al-

Qadari di dalam , تنقيح القول الحثيث بشرح لباب الحدي، Mathba'at Darul Al-Thaba'ah Al-Mesiriyah, Sinqapurah, tiada tarikh, ms 8-9.

Ertinya: ‘Barang siapa berkata **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** dan memanjangkannya dengan suaranya nescaya Allah menjadikan tempat kediamannya di dalam syurga, Darul Jalal, yang Allah Ta’ala menamakannya sendiri. Maka berkata ia, Tuhan yang empunya sifat keAgungan dan kemuliaan dan Allah merezekikannya melihat wajah Allah Yang Maha Mulia’. Demikian tersebut di dalam Kitab

87 **نزهة المجالس**

Berkata setengah-setengah sahabat **رضي الله عنه**:

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مِنْ قَلْبِهِ خَالِصًا وَمَدَّهَا بِالتَّعْظِيمِ كَفَرَ اللَّهُ عَنْهُ  
أَرْبَعَةَ آلَافٍ مِنَ الْكَبَائِرِ. قِيلَ: إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ أَرْبَعَةُ آلَافِ ذُنُوبٍ؟  
88 قَالَ: يُغْفَرُ مِنْ ذُنُوبِ أَهْلِهِ وَجِوَارِهِ

---

87 **نزهة المجالس** ms 18, lafaz hadis itu disalin sebagaimana yang termazkur di dalam **نزهة المجالس** kalimah demi kalimah.

88 **تنبيه الغافلين**, ms 15. Juga lihat **نزهة المجالس**, ms 18 dengan lafaz yang agak berbeza, dan **الجواهر السنينة** oleh Syeikh Daud

Ertinya: *'Barang siapa yang berkata لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ daripada hatinya dengan khalas, yakni dengan suci murni daripada riak, suma'ah dan 'ajab, dan memanjangkannya dengan takzim, yakni dengan mengAgung-Agungkan Allah Ta'ala, nescaya Allah menghapuskan daripadanya empat ribu daripada dosa-dosa besar'. Orang bertanya: 'Jikalau tiada baginya empat ribu dosa-dosa?' Ujarnya: 'Diampuni daripada dosa-dosa ahlinya dan jiran tetangganya'. Yakni yang Mukmin.*

Menurut Al-Imam An-Nawawi رحمته الله bahawa tadabbur pada zikir itu adalah dituntut, seperti juga ianya dituntut pada membaca Quran kerana bersekutu kedua-duanya pada makna yang dimaksudkan. Tadabbur ertinya *memikirkan tentang makna dan natijah-natijah atau hujung jatuh daripada makna itu*. Oleh itu, kata Al-Imam An-Nawawi, di sisi mazhab yang sahih lagi terpilih, adalah mustahab, yakni disukai. Orang yang berzikir itu menyebut لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dengan *madda*,

kerana di dalam memanjangkan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu terbuka peluang untuk mentadabburkan maknanya. Dan akwal ulama salaf dan para

---

Al-Petani Darul Ihya Al-Kitab Al-Arabiyah, Mesir, tiada tarikh, halaman 24.

imam dari kalangan ulama khalaf sudah termasyhur di dalam soal ini. **وَأَلَّهَ أَعْلَمُ**.<sup>89</sup>

Berkata Al-'Alamat ibni 'Alan pula di dalam شرح

الاذكار , iaitu syarah atas perkataan Al-Imam An-Nawawi yang di atas itu, bahawa yang dikehendaki dengan *madda* pada zikir **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** itu ialah pada

tempat yang boleh dimaddakan, seperti alif pada لا di dalam memanjangkannya. Tiadalah dilebihkan daripada kadar lima alif iaitu sepuluh harakat kerana inilah yang terbanyak barang yang nyata daripada Rasulullah ﷺ pada qiraat. Diharuskan

pendek pada **إِلا**. Ada pun **الله** maka tiada harus lebih panjang daripada kadar satu alif, yakni dua harakat. Demikian juga tiada harus memanjang

lafaz **الجلالة (الله)** lebih daripada kadar satu alif apabila disebut dengan *wasal*. Ada pun jikalau

---

<sup>89</sup> Kitab الاذكار Imam An-Nawawi, شركة مكتبة ومطبعة مصطفى

البابى الحلبي واولاده بمصر، ms 13, 1955m/1375h

diwakaf setakat **الله** maka haruslah membunyikannya dengan panjang atau sederhana atau pendek, dan memanjangkannya lebih utama, tetapi sekadar tiga alif iaitu enam harakat.

Wajiblah disebut perkataan **اله** itu dengan *hamzah al-khataq*, yakni dengan terang bunyi *hamzahnya*, jangan dibunyikannya **الله** seperti yang banyak terdapat pada sebahagian orang-orang awam.

Dan tiada harus wakaf atas kalimah **اله** seperti

dikata **لااله** kerana ia membawa waham kepada kufur, yakni menepikan adanya Tuhan. Kata setengah-setengah ulama: '*Sebahagian daripada kalimat taibah, yakni لا اله الا الله itu kufur*', yakni

jika berhenti menyebutnya setakat **لااله**. Dan sebahagiannya iman, iaitu dengan

menyebutkannya dengan lafaz isbat **الا لله**. Maka hendaklah ditilik bahawa pada nafi yang dimaksudkan ialah nafi apa-apa yang selain daripada Allah. Daripada sekalian alam dan ehwal

dan pada isbat **الا لله** itu terdapat syuhud atau penyaksian terhadap Tuhan yang sebenar-benarnya.



Oleh yang demikian, kata Ibnu ‘Alan, kalimah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ yang mulia itu menghimpunkan antara تخلية dan تحلية. Maksud تخلية ialah mengosongkan hati daripada tuhan-tuhan yang palsu atau segala apa yang selain Allah dan maksud تحلية ialah menghiaskan hati dengan berpandangan dengan hadrat Allah. Maka takdirnya, makna لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu ialah لا اله موجود او معبود او مطلوب او مشهود الا الله, menurut kadar maqam atau mertabat rohaniah orang yang berzikir itu dan sesuai dengan hal orang yang berfikir. Memanjangkan zikir dengan suara yang tinggi sehingga mengganggu orang yang sedang sembahyang atau sedang tidur adalah dilarang. Demikian hasil maksud perkataan Al-‘Alamat ibni ‘Alan رحمته الله.<sup>90</sup>

Berkata As-Syeikh Wan Muhammad Ali bin Wan Abdul Rahman كوتن فول di dalam kitabnya زهرة

---

<sup>90</sup> Syarah Al-Alamat ibni ‘Alan, pada pinggir bawah Kitab الاذكار Nawawi ms 13.

المريد: 'Bersalahan-salahan ulama pada yang dikehendaki dengan madda itu. Maka kata setengah daripada masyekh bahawa dipanjangkan لا اليف itu dengan kadar tujuh alif dan iaitu empat belas harakat, yakni gerak anak jari kerana tiap-tiap satu alif dua harakat, dan dipanjangkan alif lafaz الجلالة itu dengan kadar tiga alif iaitu enam harakat'.<sup>91</sup>

Al-'Alamat As-Syeikh Daud Al-Petani Rahmatullahi'alaih menyebut suatu riwayat daripada Ibni Abi Jumrat رضي الله عنه yang bermaksud:

'Bahawasanya hamba apabila mengucap لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan dimaddakan لا اله empat belas harakat dan pada الله dimadda akan enam harakat adalah ia tiap-tiap tiga itu kafarat bagi empat ribu dosa daripada dosa yang besar'.<sup>92</sup>

---

<sup>91</sup> الجوهر الموهون , halaman 30 dan زهرة المرید في عقائد التوحيد , halaman 19.

<sup>92</sup> الجواهر السننية , halaman 24.

Maka mafhum daripada segala hadis dan akwal di atas itu bahawa disukai kita bertahlil dengan *madda*, terutamanya pada tahlil yang sepuluh kali, sesudah menyeru Allah Ta'ala dengan asma'-Nya yang husna, atau pada permulaan tahlil yang dibuat lebih daripada kadar sepuluh kali. Kerana memang permulaan tahlil itu pada lazimnya dengan rentak dan tempoh yang perlahan-lahan dan lanjut, kemudian maka baharulah beransur-ansur cepat dan pendek, sehingga pada akhirnya boleh menjadi serentak dengan denyut jantung dan dengan bantuan kekuatan dari Allah Ta'ala melalui alam malaikat.<sup>93</sup> Jikalau kita terus mulai tahlil dengan pantas dan cepat maka kita akan segera penat dan kehilangan tenaga.

Jikalau kita berzikir di dalam jemaah maka tahlil kita itu, sebagaimana juga tasbih dan tahmid dan takbir, kita hendaklah seirama dan serentak dengan zikir imam jemaah. Jikalau tidak, maka akan terjadi kacau bilau di dalam irama dan rentak zikir, payah kita hendak mengalami hudhur hati dan mendapat rahmat daripada zikir secara berjemaah itu. Turunnya sakinah di dalam majlis zikir itu ialah dengan padunya irama dan rentak zikir. Berkacau-bilaunya irama dan rentak

---

<sup>93</sup> Akan tetapi sekiranya imam merasa keberatan hendak bertahlil dengan *madda* walau pun sebanyak tiga kali kerana takut mengambil masa yang lama, atau para makmum tidak reda, maka bolehlah diamalkan secara perseorangan sahaja pada bila-bila masa yang sesuai, seumpama pada waktu dinihari, dengan tiada mengganggu orang yang sedang tidur atau yang sedang sembahyang.

zikir itu menunjukkan pada bersalah-salahan hati orang yang berzikir. Wallahu'alam.

Berzikir lebih cepat dan pantas daripada zikir imam jemaah adalah di antara tanda-tanda jahat adab, kerana imam adalah pemimpin kita yang membawa jalan untuk kita ikut menuju kepada tempat minuman rohaniah kita itu.

Setiap lafaz zikir yang kita ucapkan hendaklah betul sebutannya atau tajwidnya, sebagaimana yang diperingatkan oleh Al-'Alamat bin 'Alan dan para masyeikh umumnya, radiallahu'anhum ajma'in, agar tiada sumbang bunyinya dan tiada cedera atau berubah maknanya.

Mustahab di panjangkan **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** itu pada hak orang mukmin. Ada pun pada hak orang kafir yang hendak masuk Islam maka yang afdalnya ia tiada memanjangkan bunyinya supaya segera ia berpindah dari kufur kepada Islam.<sup>94</sup>

### لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ **Zikir Yang Paling Utama**

Al-Muttalib bin Hintab meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: **افضل ما قلت انا والنبيون من**

---

<sup>94</sup> الجوهر الموهوب, halaman 29 dan زهرة المرید في عقائد التوحيد, halaman 19.

قَبْلِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ<sup>95</sup> Ertinya: ‘Yang paling utama yang diucapkan olehku dan para nabi sebelumku ialah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.’

Jabir meriwayatkan bahawa junjungan Rasulullah ﷺ bersabda: ‘افضل الذكر لا اله الا الله وافضل الدعاء الحمد لله<sup>96</sup> Ertinya: ‘Zikir yang paling utama ialah لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan doa yang paling utama ialah الحمد لله.’

Abu Said Al-Khudri رَضِيَ اللهُ عَنْهُ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: ‘Berkata Nabi Musa عَلَيْهِ السَّلَامُ “Ya Rabb, ajarkan hamba sesuatu untuk hamba menyebut dan mengingat Tuan hamba dengannya dan untuk hamba menyeru Tuan hamba dengannya”. Firman Allah Ta’ala: “Hai Musa,

---

<sup>95</sup> تنبيه الغافلين, ms 149.

<sup>96</sup> Dikeluarkan oleh At-Tarmizi, An-Nasai, Ibnu Majah, Ibnu Hiban di dalam Sahihnya dan Al-Hakim di dalam Al-Mustadaraknya. Menurut As-Sayuthi di dalam الجامع الصغير , hadis ini hadis sahih.

kata olehmu **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**.” Berkata Nabi Musa: “Semua hamba Tuan berkata demikian”. Firman Allah: “Kata olehmu **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**”. Berkata Nabi Musa: “Tiada Tuhan melainkan Tuan hamba. Hanya sanya hamba menghendaki suatu amalan yang Tuan hamba berikan khusus untuk hamba”. Firman Allah Ta’ala: “Hai Musa, kalaulah tujuh petala langit dan sekalian penghuninya selain Ku dan tujuh petala bumi dan sekalian penghuninya selain Ku diletakkan pada suatu daun neraca dan **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** diletakkan pada daun neraca yang suatu lagi, nescaya lebih berat lagi **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**”. Demikian hadis yang dikeluarkan oleh An-Nasai di dalam Sunannya dan Al-Baghwi di dalam شرح السنة لسنة.

وعن علي كرم الله وجهه (قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الطُّرُقِ أَقْرَبُ إِلَى اللَّهِ وَأَسْهَلُهَا عَلَى عِبَادِ اللَّهِ وَأَفْضَلُهَا عِنْدَ اللَّهِ تَعَالَى؟ فَقَالَ: يَا عَلِيُّ عَلَيْكَ بِمُدَاوَمَةِ ذِكْرِ اللَّهِ، فَقَالَ عَلِيُّ كُلُّ النَّاسِ يَذْكُرُونَ اللَّهَ، فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا عَلِيُّ لَا تَقُومُ السَّاعَةَ حَتَّى لَا يَبْقَى عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ مَنْ يَقُولُ اللَّهَ، فَقَالَ لَهُ عَلِيُّ كَيْفَ

أَذْكُرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ لَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَمَضَ عَيْنَيْكَ  
 وَاسْمَعِ مِنِّي ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ قُلْ مِثْلَهَا وَأَنَا أَسْمَعُ، فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ  
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مُغَمَّضًا عَيْنَيْهِ، ثُمَّ قَالَهَا عَلِيٌّ  
 كَذَلِكَ

Diriwayatkan daripada Ali Karamullahi wajah:

‘Aku bertanya kepada Rasulullah ﷺ pada sekali peristiwa: ‘Ya Rasulullah, manakah jalan yang paling hampir kepada Allah dan paling mudah atas hamba-hamba Allah dan paling utama di sisi Allah Ta’ala? Maka ujar junjungan: ‘Hai Ali, hendaklah engkau mengkali zikir Allah’. Ali bertanya lagi: ‘Semua manusia menyebut Allah’. Jawab junjungan ﷺ: ‘Tiada akan berdiri kiamat sehingga tiada tinggal lagi atas muka bumi ini orang yang mengata **الله**. Maka Ali pun bertanya kepada junjungan: ‘Bagaimanakah kaifiyat hamba berzikir Ya Rasulullah?’ Maka jawab Rasulullah ﷺ: ‘Pejamkan kedua matamu dan dengarlah daripadaku tiga kali, kemudian katakanlah seumpamanya sambil aku mendengar’. Maka mengucap junjungan **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ﷻ** tiga kali dalam

keadaan memejamkan kedua matanya. Kemudian Ali pun mengucap seperti yang demikian itu.

Kemudian Ali mentalkinkan zikir ini kepada Al-Hasan Al-Basri. Al-Hasan Al-Basri mentalkinkannya kepada Habib Al-'Ajmi. Habib Al-'Ajmi mentalkinkannya kepada Daud Al-Tha'i. Daud Al-Tha'i mentalkinkannya kepada Makruf Al-Kurkhi, Makruf mentalkinnya kepada As-Sari As-Saqthi, kemudian As-Sari mentalkinnya pula kepada Al-Junid Al-Baghdadi, kemudian Al-Junid mentalkinkannya kepada murid-muridnya sampai berpindah kepada sekalian para masyeikh yang murabbi.<sup>97</sup>

Berkata setengah-setengah ariffin billah: 'Yang membuka kalbu itu kata لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan yang membukakan roh itu kata اللَّهُ اللَّهُ dan yang membukakan *sir* itu هُوَ , dan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu makanan kalbu dan اللَّهُ اللَّهُ makanan roh dan هُوَ itu makanan *sir*'.<sup>98</sup>

---

<sup>97</sup> Lihat ايقاظ الهمم في شرح الحكم oleh Ibni 'Ajibah, ms 102-103

<sup>98</sup> Terjemah dan Syarah Hukum Ibni 'Ata' Allah yang dibangsakan kepada Tuan Haji Abdul Malik bin Abdullah 'Tok Pulau Manis', Terengganu, keluaran Sulaiman Mar'I, Singapura, tiada tarikh, halaman 36.



Menurut para masyeikh zikir **الله الله** dan **هو هو** itu untuk mereka yang sudah mengatasi hawa nafsunya, sudah suci dari syirik yang halus-halus lagi tersembunyi dan tiada seyogia sekali-kali diamalkan oleh orang yang masih kuat pengaruh hawa nafsu dan syaitan.<sup>99</sup>

Walaupun orang-orang arifin ada mengamalkan zikir-zikir dengan kalimah mufrad **الله الله** dan **هو هو** dan seumpamanya, namun mereka tiada menafikan bahawa zikir yang paling utama untuk semua peringkat manusia, dari yang serendah-rendahnya sampai kepada yang setinggi-tingginya, ialah zikir **لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ**, sebagaimana yang telah diajarkan oleh Allah Ta'ala kepada Nabi ﷺ dan segala anbiyya sebelumnya.

### **Kenapa Zikir **لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ** Paling Utama**

**لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ** itu menjadi zikir yang afdal kerana di dalamnya terkandung makna yang tiada terdapat

---

<sup>99</sup> Lihat misalnya pesanan Al-Khatib Al-Sya'rani di dalam kitabnya **المنح السنية على الوصية، مصطفى الباني واولاده بمصر** . 1939 m/1357 h, ms 16.

di dalam mana-mana zikir yang lain. Dengan mengenal makna itu terhasillah bagi orang yang mukalaf semua barang yang diwajib atasnya mengenal pada hak Allah Ta'ala. Di dalam makna

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ itu terkandung isbat **Al-Wahiyah** yakni

ketuhanan bagi Allah Ta'ala dan terkandung nafi terhadap selain Allah. Tersyarat di dalam makna *Al-Wahiyah* itu sekalian barang yang wajib atas mukalaf mengenalnya: daripada barang yang **wajib**, barang yang **mustahil** dan barang yang **harus** pada hak Allah Ta'ala, kerana *Al-Wahiyah* terdiri daripada dua makna. Pertama terkaya Allah Ta'ala daripada segala sesuatu yang selain-Nya, dan kedua *iftikhar* yakni berhajat segala sesuatu yang selain Allah kepada Allah Ta'ala.

Dengan ini maka jadilah makna kalimah tauhid itu: *Tiada yang terkaya daripada sesuatu yang selainnya melainkan Allah.* Maka wajib bagi Allah Ta'ala itu **wujud**, **qidam** dan **baqa**, kerana jikalau tiada wajib bagi-Nya Ta'ala sifat-sifat ini nescaya jadilah Ia berhajat kepada *muhadis*, yakni yang baharu, kerana menafikan sifat-sifat itu melazimkan Allah Ta'ala bersifat baharu, sedangkan tiap-tiap barang yang baharu itu berhajat kepada *muhadis* yakni penciptanya. Demikianlah, wajib bagi Allah Ta'ala itu suci daripada segala kekurangan. Maka termasuklah di dalam suci daripada segala kekurangan itu wajibnya bersifat dengan sifat-sifat **sami'**, **basar** dan **kalam**. Demikian secara ringkas keterangan

di dalam *مجالس الرومي* sebagaimana yang tersebut

di dalam *درةالناصحين*.<sup>100</sup>

Sesungguhnya Allah Ta'ala tiadalah menjadikan zikir *kalimah tauhid* atau *kalimah taibah* ini untuk umum, yakni untuk semua peringkat hamba-Nya daripada yang setinggi-tinggi makam kepada yang serendah-rendah martabatnya melainkan kerana zikir ini zikir yang paling utama dan paling merata manfaatnya. Berzikir dengannya lebih utama daripada zikir dengan kalimah **الله الله الله** dan

**هو هو هو** di sisi para *ariffin billah* kerana ia menghimpunkan antara nafi dengan isbat dan mendatangkan tambahan ilmu dan makrifat. Inilah zikir yang dianggap oleh ulama sebagai zikir yang paling kuat yang mempunyai nur yang paling terang. Kekuatan yang tertinggi dengannya keselamatan di dunia dan di akhirat, sedangkan setiap orang menuntut keselamatan. Tiadalah pernah turun ke atas muka bumi kalimah yang lebih agung daripada *kalimah taibah* ini. Dengannyalah tegak tujuh petala langit dan bumi, gunung-ganang, bukit bukau, pohoh-pohonan, di

---

<sup>100</sup> *درةالناصحين. في الوعظ والارشاد* Talif Othman bin Hasan bin Ahmad As-Syakir Al-Khubri, Darul Kitab A-Arabi, Beirut, Lebanon, tiada tarikh ms 162

daratan dan lautan. Sesungguhnya ialah **كلمة**  
**الانخلاص**, ialah **كلمة الاسلام**, ialah **كلمة القرب**, ialah  
**الكلمة العليا**, ialah **كلمة النجاة** dan ialah **كلمة التقوى**,  
yang kalau diletak di dalam daun neraca dan  
diletak pula tujuh petala langit dan tujuh petala  
bumi di dalam daun neraca yang suatu lagi,  
nescaya benar-benar lebih berat kalimah **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**  
ini.<sup>101</sup> Ialah kalimah yang ibarat pedang yang  
amat tajam memancung nafsu dan syaitan,  
membezakan antara **haq** dan **khaliq**, di antara  
**wujud mutlak** dan **wujud mukhayad**, dan ialah  
anak kunci syurga.

### ASRAR لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Tersebut di dalam Kitab **نزهة المجالس**<sup>102</sup> bahawa  
bagi **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** itu beberapa **asrar**, yakni beberapa

---

<sup>101</sup> Lihat **حزينة الاسرار** ms 187.

<sup>102</sup> **نزهة المجالس**, ms 18-19.

rahsia, kesemua hurufnya adalah حروف جوفية iaitu huruf yang berongga, mengisyaratkan bahawa kalimah ini hendaklah diucapkan dengan rongga yang khalas, iaitu hati, dan adalah segala hurufnya tiada bertitik, isyarat kepada bahawasanya seyogianya bagi orang yang melafaz akan dia mensucikan hatinya daripada apa-apa yang disembah selain Allah.

Adalah hurufnya dua belas, seperti bilangan bulan-bulan di dalam setahun. Kalimahnya empat seperti bilangan bulan-bulan haram di dalam setahun. Hurufnya *Al-Jalalah* ( اللهُ ) itu huruf tunggal, tersendiri, sedangkan kalimah yang tiga lagi itu yakni ( لا اله الا ) tersusun menurut tertibnya seperti bulan-bulan haram, iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab yang tunggal, tersendiri, merupakan bulan-bulan yang afdal. Maka barang siapa berkata لا اله الا اللهُ dengan hati yang ikhlas nescaya terhapus daripadanya dosa-dosa setahun. Malam dan siang pula terdiri daripada dua puluh empat jam. Maka لا اله الا اللهُ dengan *Muhammad Rasulullah* terdiri daripada dua puluh empat huruf, tiap-tiap suatu huruf mengkafarat dosa satu jam. Kalimah لا اله الا اللهُ

الله Muhammad Rasulullah itu tujuh sedangkan pintu-pintu neraka jahanam juga tujuh. Maka tiap-tiap kalimah itu menutup akan tiap-tiap pintu neraka jahanam itu daripada orang yang mengucapnya.

Berkata Al-Imam Fakharuddin Al-Razi bahawasanya segala maksiat itu tidak ada melainkan daripada tujuh anggota, iaitu dua telinga, dua mata, dua tangan, dua kaki, lidah, perut dan faraj. Maka tiap-tiap satu kalimah daripadanya mengkafarat akan maksiat suatu anggota.<sup>103</sup> Maka yang demikian adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya. Walhamdulillah Rabbil'alamin.

Berkata setengah ulama muhaqiqin, bagi orang muhtadi, yakni orang yang pada peringkat permulaan di dalam perjalanan menuju Allah

Ta'ala, لا إله إلا الله itu ialah لا الماكبود الا الله, ertinya

tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah. Bagi orang mutawasitha, yakni orang yang pada peringkat pertengahan di dalam perjalanan

menuju Allah, لا إله إلا الله itu ialah لا maksud الا الله,

ertinya tiada yang dikhasadkan atau dituju oleh hati melainkan Allah. Dan bagi orang yang muntaha, yakni orang yang telah 'sampai' pada

---

<sup>103</sup> الجوهر الموهوب , halaman 19.

matlamat rohaniah yang ditujunya, adalah لا

maujud **الْاَلَلَه**, ertinya tiada yang maujud melainkan Allah. Maknanya ialah bahawa tiada yang maujud dengan sebenar-benarnya melainkan Al-Haq Ta'ala jua, ada pun yang selain Allah itu batil. Wujudnya tiada hakiki, hanya ibarat bayang-bayang jua nisbah pada wujud Al-Haq Ta'ala yang mutlak itu. Inilah suatu lagi sebab kenapa zikir **لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ** itu paling utama untuk semua peringkat manusia, daripada nabi yang mursal dan wali yang muqarab yang karam di dalam lautan Ahadiah, sampailah kepada si Muslim yang awam yang bergelumang dengan dosa dan tebal hijab-hijab yang menutup hatinya.

Dengarlah sebuah lagi sabda Nabi ﷺ tentang kelebihan kalimah taibah itu,

اِذْ قَالَ الْعَبْدُ لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ حَرَجَ مِنْ فَمِهِ عَمُودٌ مِنْ نُورٍ فَيَقِفُ بَيْنَ

يَدَيِ اللهُ تَعَالَى فَيَقُولُ اللهُ تَعَالَى لِلنُّورِ: اَذْهَبْ اِلَى عَرْشِي

فَيَقُولُ: لَا وَعِزَّتِكَ. لَا اَذْهَبْ حَتَّى تَغْفِرَ لِقَائِي. فَيَقُولُ اللهُ

تَعَالَى وَعِزَّتِي وَجَلَالِي، إِنِّي لَمْ أُجْرِكَ عَلَى لِسَانِهِ إِلَّا وَقَدْ غَفَرْتُ  
لَهُ وَهَذِهِ الْكَلِمَةُ تُقَابِلُ بِالنَّظَرِ إِلَى وَجْهِ اللَّهِ تَعَالَى. <sup>104</sup>

Ertinya: 'Apabila seorang hamba Allah berkata لَا  
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, yakni dengan ikhlas hatinya, keluarlah  
daripada mulutnya sebatang tonggak, yakni tiang  
besar daripada nur'. Maka wukufilah tonggak itu  
di hadapan hadrat Allah Ta'ala. Maka berfirman  
Allah Ta'ala kepada nur itu: 'Pergilah kamu ke  
'arasy-Ku'. Maka kata nur itu: 'Tidak, demi  
kemuliaan Tuan hamba, hamba tidak akan pergi  
sehingga Tuan hamba mengampuni orang yang  
mengucapkan hamba'. Maka berfirman Allah

---

<sup>104</sup> Disebut oleh As-Safuri di dalam نزهة المجالس, Juzu 2 ms

525. Di dalam Kitab شمس المعارف الكبرى karangan Al-Imam  
Abu Abas Al-Buni disebut bahawa *tonggak nur* itu pergi ke  
bawah arasy dan bertasbih sampai hari kiamat. Lihat شمس

المعارف الكبرى, Maktabat wa Mathba'at Sulaiman Mar'ai,  
Singapura, 1962m/1382h, ms 422, cetakan Mesir: Mathba'at  
Al-Husiniyat Al-Masriyah 1347, Juzu' 4, ms 24. Juga lihat  
درة الناصحين ms 160, dengan tambahan 'Muhammad  
Rasulullah' pada tahlil itu dan dengan lafaz-lafaz yang agak  
berbeza.



Ta'ala: *'Demi kemuliaan dan keagungan-Ku, sesungguhnya tiada Ku lakukan dikau atas lidahnya melainkan telah Ku ampuni akan dia'.*

Berkata Syeikh As-Safuri, yang meriwayatkan hadis ini: *'Kalimah ini, yakni kalimah taibah ini, hendaklah diucap dengan khasad hendak memandang kepada wajah Allah Ta'ala'.* Seperti

kata Syeikh As-Sanusi Rahmatullah di dalam **ام**

**البراهين** <sup>105</sup> bahawasanya seyogialah atas orang

yang berakal memperbanyakkan menyebut **لَا إِلَهَ إِلَّا**

**اللَّهُ** dengan menghadirkan hatinya akan barang

yang melengkapinya daripada segala **عقائد الايمان**

hingga bercampur maknanya dengan daging dan darah, supaya melihat ia beberapa asrar dan ajaib yang tak terpermanai banyaknya yang terkandung di dalam kalimah ini.

---

<sup>105</sup> Lihat matan **ام البراهين** dengan syarahnya oleh Al-Imam Syed Muhammad bin Muhammad bin Yusuf As-Sanusi Al-Husni Al-Maliki Al-Maghribi Al-Talmisani (wafat Tahun 1489m/895h) dan Hashihnya oleh As-Syeikh Muhammad Al-Dasuki atau mana-mana terjemahan dan huraianannya di dalam kitab jawi yang muktabar.

## **Sekadar Manakah Sekurang-Kurang Tahlil Yang Dituntut Untuk Sehari Semalam?**

Menurut As-Syeikh Al-Bijuri Rahmatullahi 'alaih, sekurang-kurang membanyakkan dia pada ulama fuqaha ialah tiga ratus kali di dalam sehari semalam dan ulama Suffiyah dua belas ribu, dan dikehendaki dengan dia di sini menghabiskan sekalian waktu dan ahwal sehingga '*bercampur dengan daging dan darah*'.<sup>106</sup>

Bagi kebanyakan kita yang hidup di dalam 'zaman kekeruhan' atau 'zaman dajal' yang penuh dengan pelbagai fitnah dan fasad ini, sedangkan hati kebanyakan kita pula keras membatu dan iman kita terlalu daif, maka nampaknya kadar tiga ratus untuk sehari semalam itu terlalu sedikit dan perlu ditambah lagi. Maka oleh sebab itulah

setengah-setengah **ارباب القلوب**, yakni ahli rohaniah, mengarahkan para murid mereka supaya bertahlil kira-kira seribu selepas sembahyang Subuh, atau sekurang-kurangnya kira-kira lima enam ratus, di samping aurad yang biasa dibaca selepas sembahyang, untuk menghadapi fitnah hidup sampai menjelang waktu 'Asar. Kemudian selepas sembahyang 'Asar maka

---

<sup>106</sup> الجوهر الموهوب , halaman 19, زهرة المرید halaman 29 dan

عقيدة الناجين في علم اصول الدين karangan Tuan Minal, Maktabat wa Makthba'ah Al-Maarof, Pulau Pinang. Tiada tarikh, halaman 122.

dituntut bertahlil pula seribu atau sekurang-kurangnya kira-kira lima enam ratus jika suntuk waktu. Ini sebagai bekalan untuk menghadapi masa menjelang senjakala sampai waktu 'Isya. Kemudian sesudah sembahyang 'Isya maka dituntut bertahlil pula sebanyak seribu atau kira-kira kadar lima enam ratus jika kesuntukan waktu, sebagai bekalan untuk menghadapi sepanjang malam sampai menjelang fajar. Selain daripada apa yang diatur bagi Jumaat, maka untuk orang perseorangan digalakkan pula memperbanyak zikir pada sebarang waktu. Lebih-lebih lagi sebelum tidur malam dan ketika dinihari iaitu sesudah mengerjakan sembahyang tahajud.

Selain daripada itu telah masyhurlah di dalam setengah-setengah **اثار** bahawa: **من قال لا إله إلا الله**

**سبعين الف مرة كانت فداءه من النار** yakni 'Barang siapa

– orang Islam – yang berkata **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** tujuh puluh ribu kali, adalah tahlilnya itu menjadi tebusannya daripada api neraka'. Dan telah masyhur juga

kisah As-Syeikh Abu Yazid Al-Qurthabi **رحمته الله** yang

mendapati **اثار** ini sahih di dalam hubungan dengan amalannya dengan pengalaman orang

muda ahli Al-Kasyaf yang ditemuinya di dalam suatu majlis.<sup>107</sup>

### **Pahala Tahlil**

Berkata As-Samarqandi: ‘*Apabila berkata seseorang لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ sedangkan hatinya pada dunia, disurat baginya sepuluh kebajikan, dan jika ada hatinya pada akhirat maka baginya tujuh ratus kebajikan, dan jika ada hatinya serta Allah Ta’ala maka baginya penuh barang yang antara Masyriq dan Maghrib itu kebajikan.*’<sup>108</sup>

### **Adakah Perlu Tahlil Beserta Dengan Lafaz ‘Muhammad Rasulullah’?**

Zikir لا اله الا الله محمد رسول الله memang warid daripada hadis dan ada fadilat-fadilatnya

---

<sup>107</sup> Lihat kisahnya di dalam Al-Imam Al-Yafi’ie, شركة مكتبة

مطبعة مصطفى البابي الحلبي واولاده بمصر , 1955m/1374h, ms 335

dan كفاية المحتاج karangan As-Syeikh Daud Al-Petani, Percetakan Al-Haliah Sendirian Bhd, Kota Baru, Kelantan, tanpa tarikh, halaman 3.

<sup>108</sup> زهرة المرید , halaman 31

sebagaimana yang tersebut di dalam Kitab **لباب**

**الحديث** Al-Imam As-Sayuthi, **خزينة الاسرار**, As-Syed

Nazali dan lain-lain lagi. Tetapi untuk orang-orang yang marid atau para salikin, sebagaimana kata Al-Imam As-Sya'rani dan Al-Quthubi Al-Kamil wa Al-Qhaus Al-Wasil Abu Al-Barkat Saidi Ahmad Al-Dardir Radiallahu'anhuma, yang afdal ialah

zikir **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** sahaja tanpa tambahan lafaz,

sehingga terhasil jami'at beserta Allah Ta'ala dengan hati mereka. Apabila telah terhasil jam'iat, yakni hati mereka telah tertumpu sepenuhnya pada Allah Ta'ala dan berpandangan dengan Allah Ta'ala di dalam perhampiran di sisi hadrat-Nya Yang Maha Suci maka '*Muhammad Rasulullah*' itu menjadi perkara yang sudah nyata. '*Muhammad Rasulullah*' itu *ikrar*, sedangkan *ikrar*, kata Al-Imam As-Sya'rani, memadalah sekali di dalam seumur hidup, sedangkan maksud daripada mengulang-ulang kalimah tauhid itu ialah untuk banyak-banyak menggilap hati agar terbuka segala hijab nafsu.<sup>109</sup>

Dan lagi lafaz kalimah tauhid tanpa tambahan itu lebih ringan untuk dibawa di dalam zikir yang panjang dan lebih mudah untuk dipalu atas

---

<sup>109</sup> المنح السنية على الوصية المتبوية oleh Al-Arif Billahi As-Sya'rani, ms 19.

jantung hati dan dibawa serentak dengan denyut jantung, Wallahu'alam.

Maka seperti kata Saidi Ahmad Al-Dardir ﷺ zikir

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ terpisah daripada 'Muhammad Rasulullah' lebih cepat kesannya atas orang mubtadi berdasarkan tahqiq. Apabila hendak menyudahi tahlil maka baharulah dikhatam dengan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ.<sup>110</sup>

### **Mengkhatam Dengan Tahlil Yang Jamak**

Disukai kita mengkhatam atau menutup tahlil kita itu dengan lafaz tahlil yang jamak:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ  
فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللَّهِ

Ertinya: 'Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad itu pesuruh Allah', pada tiap-tiap kelipan mata dan hembusan nafas, sebanyak-

---

<sup>110</sup> شرح الخريدة البهية oleh Saidi Ahmad Al-Dardir pada pinggir

مطبعة حاشية على شرح الخريدة البهية oleh Saidi Ahmad As-Sawi,

مصطفى البايي الحلبي واولاده بالقاهرة 1947m/1360m, ms 92

banyak bilangan barang yang diliputi oleh ilmu Allah.

Tahlil yang jamak ini berasal daripada Al-Arif

Billah Al-Imam As-Syed Ahmad bin Al-Idris رحمته الله.

Ia menerimanya di dalam suatu pengalaman rohaniahnya di dalam mana ia berjumpa dengan

Nabi ﷺ beserta dengan Nabi Al-Khidir عليه السلام.

Tahlil yang jamak ini ditalkinkan kepadanya mula-mulanya oleh Nabi Al-Khidir عليه السلام atas suruhan

daripada Nabi kita ﷺ bersekali dengan talkin selawat dan istighfar yang jamak. Kemudian Nabi

ﷺ sendiri mentalkinkannya kepada As-Syed

Ahmad رحمته الله. Di dalam pengalaman itu Nabi ﷺ

menyatakan kepadanya bahawa ia telah dikurniakan anak-anak kunci langit dan bumi, iaitu tahlil yang khusus itu, beserta dengan solat yang 'adhimah dan istighfar yang kabir. Barang siapa mengucap tiap-tiap suatu daripadanya sekali, maka ganjarannya adalah kadar dunia dan akhirat dan barang yang di dalam keduanya. Berlipat-lipat kali ganda banyaknya, seperti yang

diriwayatkan kisah di dalam Kitab *مجموعه شريفة*

yang mengandungi *اوراد الطريقة الاحمدية الادريسية*

yang diterbitkan oleh Abdul Majid Ahmad Hanafi, Mesir, halaman 142 dan 143.

Tahlil yang jamak itu bolehlah diucap sebanyak tiga kali atau beberapa kali. Kemudian disudahi aurad kita dengan tahlil yang jamak seperti yang tersebut di dalam bilangan 13 di dalam susunan aurad yang lebih panjang berasaskan Al-Aurad Al-Madaniah itu.

Kemudian diiringi dengan doa. Telah warid di dalam hadis<sup>111</sup> bahawa orang yang terus keluar daripada tempat sembahyang tanpa berdoa itu adalah orang yang rugi dan malaikat berkata kepadanya: 'Hai si anu! Terkaya engkau daripada Allah Ta'ala. Apakah engkau tiada sesuatu hajat di sisi Allah?'

Akhirnya bacaan:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
إِلَهًا وَاحِدًا وَرَبًّا شَاهِدًا لَا مَعْبُودَ سِوَاهُ  
وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ.

---

<sup>111</sup> Riwayat Anas bin Malik رضي الله عنه, lihat الجواهر الموهوب, halaman

101, dan تنقيح القول الحديث بشرح لباب الحديث ms 31



Itu berasal daripada Kitab النورين في اصلاح

الدارين.<sup>112</sup> Berkata As-Syeikh Abdul Rahman Al-Safuri Rahmah Allah Ta'ala: 'Ku lihat di dalam Kitab النورين في اصلاح الدارين : Barang siapa berkata selepas tiap-tiap sembahyang fardu,

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
إِلَهًا وَاحِدًا وَرَبًّا شَاهِدًا لَا مَعْبُودَ سِوَاهُ  
وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

nescaya dijadikan Allah baginya Titian Siratal Mustaqim itu empat hasta, yakni selebar empat hasta jua'.<sup>113</sup> . Maka seyogia jangan ditinggalkan dia.

Demikianlah syarah aurad yang panjang yang berasaskan Al-Aurad Madaniah, Wallahu aqlam.

---

<sup>112</sup> وشاح و نهة المجالس ms 303, البهجة المرضية, halaman 80 dan

الافراح, halaman 56.

<sup>113</sup> Di dalam kitab-kitab Jawi ini diterjemahkan: 'Panjang empat hasta jua dan lebarnya empat hasta'.

نسأله التوفيق والهداية والعناية والسعادة في الدارين. آمين،

أمين، أمين، بجاه سيد الرسلين

**Beberapa Adab Zikir Bagi Mereka Yang  
Menyertai Majlis Zikir  
(Khususnya Majlis Tahliil)**

Di antara adabnya ialah:

- (1) Yang seelok-eloknya dan yang lebih sempurna, hendaklah berzikir di dalam keadaan suci daripada hadas besar dan hadas kecil dan dengan pakaian yang bersih, seperti untuk sembahyang.
- (2) Duduklah sewaktu berzikir itu di dalam cara kedudukan yang paling selesa, sebaik-baiknya dan yang afdalnya menghadap ke kiblat, meski pun boleh juga duduk beramai-ramai di dalam lingkungan (atau halkat).
- (3) Hendaklah mensifatkan pekerjaan berzikir itu sebagai suatu pekerjaan ibadah, dan bukan sebagai permainan atau temasya atau perintang waktu. Maka mestilah dilakukan dia dengan ijral dan takzim terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala, yakni dengan memperbesar dan mengagung-agungkan Dia dan disertai dengan rasa takut terhadap-Nya.

Oleh itu janganlah sekali-kali bergurau senda, tersenyum-senyum atau gelak ketawa sewaktu berzikir dan jangan pula menganggapnya sebagai majlis membuat hingar semata-mata.

- (4) Berzikirlah dengan tajwid yang betul, yakni dengan bunyi sebutan huruf yang betul makrajnya dan panjang pendeknya. Jangan pula membunyikan lafaz zikir itu sekerat-sekerat, seumpama: **ه الا الله** (...Ha illa 'Llah),

**لا اله الا الله** (...Ha illa 'Llah) atau **لا اله الا الله!** atau **لا اله الا الله!**

(La ilaha il...! La ilaha il...!) atau **ه ال! ه ال!** (Ha-il! Ha-il!) dan lain-lain lagi bunyi yang sumbang.

- (5) Sewaktu tahlil, jangan terlalu kerap mensilang-selikan lafaz tahlil itu dengan

teriakan: **الله!**, **الله!**, bahkan tiada perlu berbuat demikian agar tiada terganggu kelicinan rentak zikir dan tiada terganggu huzur hati.

- (6) Jangan berjalan pergi mari atau berpindah-pindah tempat tanpa sebarang hajat atau sebab yang mendesak sewaktu orang sedang berzikir, kerana ini boleh mengganggu majlis.

- (7) Kalau terasa mengantuk maka lawanlah mengantuk itu dengan mengeraskan suara dan jangan membiarkan diri tertidur di dalam majlis zikir.
- (8) Jangan cuba berlagak seperti 'Pengawas Zikir'<sup>114</sup> dengan memandang ke kanan ke kiri menjaga orang lain berzikir dan mengejutkan orang lain yang tertidur seumpama dengan mengetuk-ngetuk dan menampar-nampar lantai, merentap-rentap buah tasbih ke lantai, melontar buah tasbih, menumbuk-numbuk paha, menggoncang-goncang badan dan sebagainya. Ini bukan tugas kita, tugas kita ialah menyibukkan diri dengan zikir Allah dan berusaha mengkhususkan atau menghadirkan hati supaya sampai kepada maksud zikir. Serahkan sahaja tugas mengawasi ahli-ahli jemaah itu kepada imam jemaah atau kepada syeikh yang menjadi pengawas ahli-ahli jemaah. Membuat hingar menepuk-nepuk lantai dan sebagainya dengan tiada keruan dan dengan sewenang-wenang itu mengganggu majlis zikir, yakni mengganggu orang lain yang tidak tertidur, bahkan boleh menyakitkan hati. Nampaknya apabila syaitan tiada dapat menghalang setengah-setengah orang itu daripada zikir Allah dengan menidurkannya maka didorongkannya untuk berlagak sebagai 'Pengawas' atau penggerak orang yang

---

<sup>114</sup> 'Self-appointed **dhikr** supervisor'

tertidur dan dilekakannya dengan pekerjaan itu sehingga ia tiada sampai kepada maksud zikir Allah.

- (9) Hendaklah berzikir dengan suara yang keras atau nyaring, jangan sekadar mengganguk-ganguk atau menghoyang-hoyangkan badan tanpa berbunyi suara, supaya cepat terasa kesan zikir Allah.
- (10) Jangan sekali-kali berzikir mengikut irama atau tempoh yang menyalahi irama atau tempoh zikir imam dan kebanyakan ahli jemaah. Kalau tidak nescaya akan menjadi kacau-bilau dan kurang berkat atau ketiadaan berkat, dan jangan berzikir lebih cepat atau laju daripada rentak zikir imam, kerana ini daripada kekurangan adab dan mengharu-birukan majlis.
- (11) Walaupun semasa berzikir itu boleh dihoyangkan badan ke kanan ke kiri untuk menghasilkan *taujud* (yakni untuk menolong mendatangkan hadir hati serta pengalaman-pengalaman rohaniah) namun pandangan mata hendaklah tertumpu ke hadapan, iaitu kira-kira ke tempat sujud dan hati hendaklah menuju kepada Al-Haq Ta'ala. Jangan berpaling ke kiri ke kanan melihat kawan-kawan serta memekik-mekikkan suara ke telinga kawan-kawan yang sebelah menyebelah kerana yang demikian tiada menolong diri sendiri untuk mengalami huzur hati dan mengganggu kawan-kawan

bahkan boleh menyakiti hati mereka, sedangkan menyakiti hati orang mukmin itu adalah haram dan dosa besar, dan ditakuti tiada imbuhan pahala zikir ini dengan dosa menyakitkan hati orang.

Untuk huraian tentang adab zikir secara yang lebih tafsil silakan rujuk kepada kitab-kitab yang lebih besar seperti Kitab *سير السالكين* oleh Syeikh Abdul Samad Palembang. Wallahu aqlam Wabillahi At-Taufik wal Hidayah wal Inayah.

**Masalah: Apakah Berzikir Dengan Jahar Itu Makruh Lagi Bida'ah**

**Jawab:** Berzikir dengan jahar yakni dengan mengeraskan atau menyaringkan suara itu tidak makruh dan tidak pula bida'ah. Bahkan terdapat nasnya di dalam beberapa buah hadis yang menunjukkan mustahabnya, yakni disukai dari segi syarak berzikir dengan jahar. Di dalam

Kitabnya *الحاوي للفتاوي* juzu' pertama, Al-Imam Jalaluddin Abdul Rahman As-Sayuthi Rahmatullah 'Alaih ada menghimpun dua puluh

lima buah hadis yang menunjukkan peri mustahabnya berzikir dengan jahar.<sup>115</sup>

Memang ada hadis-hadis yang menyatakan bahawa zikir yang *khafi*, yakni yang perlahan atau sembunyi itu afdal. Tetapi hadis-hadis ini tiadalah bercanggah dengan hadis-hadis tentang peri afdalnya berzikir dengan jahar. Sebagaimana yang diterangkan oleh Al-Imam An-Nawawi dan Al-Imam As-Sayuthi Rahmatullah ‘Alaihumma, zikir yang *khafi* itu afdal apabila ditakuti riyak atau mengganggu orang yang sedang tidur, dan afdal bagi orang yang hatinya sudah lembut dan suci murni, yang sudah boleh tetap di dalam mensyahadah dengan Allah Ta’ala. Ada pun bagi orang yang hatinya masih keras kejur, masih menjadi sarang waswas dan kkuatir atau lintasan-lintasan yang cemar dan masih mudah mengantuk dan terlelap, maka para masyeikh (ahli-ahli rohaniah) mengatakan bahawa mereka itu lebih seyogia berzikir dengan nyaring dan suara yang keras kerana zikir yang sedemikian akan lebih cepat berkesan bagi melembutkan hati dan menolak segala waswas dan kkuatir yang cemar dan lebih segera menyingkatkan perjalanan

---

<sup>115</sup> Lihat الحاوي للفتاوي Lil Imam Al-‘Alamat Jalaluddin Abdul

الناشر: جماعة من طلاب العلم al-juzu’ al-awal Rahman As-Sayuthi,

سنة ١٣٥٢هـ بمساعدة ادارة المنينزية لصاحبها ومديرها محمد منير الدمعقي،

ص ٣٨٩-٣٩٤.

menuju Allah Ta'ala. Mereka sudah mendapati dari pengalaman mereka sendiri bahawasanya itu mujarab lagi sah.

Al-Hasil: Zikir yang *khafi* itu afdal dan zikir yang jahar itu pula afdal menurut keadaan syakhsiah-syakhsiah dan ehwal yang berbeda. Ada pun bagi kaum perempuan maka mereka disuruh menundukkan atau memperlahankan suara untuk mengelakkan fitnah agar tiada tergoda orang-orang lelaki yang di dalam hatinya ada penyakit. Lagi pun ada para ulama yang menghukum bahawa suara perempuan itu aurad.

Wallahu 'aqlam Wabillahi At-Taufik wal Hidayah.

### **Beberapa Ayat Quran Yang Juga Boleh Dibawa Sebagai Wirid Selepas Tiap Sembahyang Fardu**

Di antaranya ialah:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ  
عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ (١٢٨) فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ  
حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ  
الْعَظِيمِ (١٢٩)



(Surah At-Taubah Ayat 128-129)

**Ertinya:**

*‘Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, amat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat kasihan belas lagi mengasihani terhadap orang-orang mukmin.*

*Jika mereka berpaling (dari keimanan) maka katakanlah: “Cukuplah Allah bagiku, tidak ada Tuhan selain Dia. Hanya kepada-Nya aku bertawakal dan Dialah Tuhan yang empunya ‘arasy yang agung.”*

Tersebut di dalam hadis bahawa barang siapa mengamalkan membacanya maka tiada ia mati pada hari itu. Pada suatu riwayat dikatakan: *Ia tiada akan dibunuh dan tiada akan ditetak dengan besi dan barang siapa membacanya pada malam hari maka demikian juga manfaatnya.* Hadis ini disebut oleh Abu Al-Husin bin Ali Al-Qurthubi di

dalam *كنز الاسرار*. Berkata Al-Imam Abu Abdullah

As-Sanusi mualaf *ام البراهين* di dalam Kitab Mujarabatnya bahawa apabila sampai hadis ini kepada setengah-setengah orang solih maka ia

pun mengamalkannya pada masa sakitnya dan aku sangka adalah umurnya tujuh puluh tahun, maka sentiasa ia membaca ayat ini hingga umurnya seratus tiga puluh tahun, dan tatkala menghendaki Allah Ta'ala akan wafatnya maka ia melihat Rasulullah ﷺ di dalam mimpinya, maka sabdanya: *'Hai si anu, sampai umurmu berapa tahun kamu mahu menggelakkan maut?'* Maka ia pun meninggalkan membaca ayat itu pada malam itu. Maka mati ia. Semoga Allah mencucuri rahmat atasnya dan atas kita dan sekalian muslimin semuanya. Berkata Al-Imam As-Sanusi: *'Sesungguhnya kebanyakan daripada zikir itu terhenti atas sifat sidiq dan hadir hati. Maka terhasil rahmat pada zikir ini dan sekalian zikir yang lain...'*<sup>116</sup>

Di antara surah-surah yang sunat dibaca selepas sembahyang fardu ialah *Surah Al-Insyarah*. Di antara khasiatnya, barang siapa membacanya secara mantap maka dipermudah oleh Allah akan urusannya dan diberi rezeki kepadanya dengan jalan-jalan yang tiada terduga olehnya. Berkata setengah mereka itu: *'Membacanya memudahkan rezeki, melapangkan dada, menghilangkankan*

---

<sup>116</sup> فتح الملك Al-Imam As-Sanusi, pada pinggir Kitab

مطبعة البايي oleh As-Syeikh Ahmad Al-Dayarbi As-Syafie,

الحلبي واولاده بمصر، 1343h, mn 12-15

kesukaran pada segala urusan, memperbaiki hal orang yang pemalas supaya menjadi taat...<sup>117</sup>

Diriwayatkan oleh Saidina Ali عليه السلام bahawa barang

siapa membaca **إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ** selepas 'Isya tujuh kali nescaya di'afiatkan Allah daripada setiap bala dan mendoa baginya tujuh puluh ribu malaikat supaya ia dimasukkan ke syurga dan barang siapa membacanya pada setiap lepas sembahyang fardu nescaya dikurniakan Allah akan dia cahaya di dalam kuburnya dan cahaya di neraca timbangan amalannya dan cahaya di Sirath Mustaqim. Demikian diriwayatkan oleh As-

Safuri di dalam **نزهة المجالس**.<sup>118</sup>

### **Sepuluh Kalimah Selepas Tiap-Tiap Sembahyang Fardu**

Di dalam sebuah hadis diriwayatkan bahawa Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda bahawa bagi *mawaqaf*, tempat berhimpun di Padang Mahsyar, seribu perkara yang menakutkan yang terdekat daripadanya ialah maut, dan bagi maut itu sembilan puluh sembilan

---

<sup>117</sup> فتح الملك المجيد , ms 25.

<sup>118</sup> نزهة المجالس ms 208

*jazbah*. Maka seribu tetak dengan pedang itu lebih ringan daripada suatu *jazbah* atau tarikan maut itu. Maka barang siapa menghendaki supaya diamankan Allah akan dia daripada segala perkara yang menakutkan itu maka hendaklah ia mengamalkan membaca sepuluh kalimah setiap selepas sembahyang, iaitu:

١. اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَعَدَدْتُ لِكُلِّ هَوْلٍ (لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ)
٢. وَلِكُلِّ هَمٍّ وَغَمٍّ (مَا شَاءَ اَللّٰهُ)
٣. وَلِكُلِّ نِعْمَةٍ (اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ)
٤. وَلِكُلِّ رَخَاءٍ وَشِدَّةٍ (اَلشُّكْرُ لِلّٰهِ)
٥. وَلِكُلِّ اَعْجُوْبَةٍ (سُبْحَانَ اَللّٰهِ)
٦. وَلِكُلِّ ذَنْبٍ (اَسْتَغْفِرُ اَللّٰهُ)
٧. وَلِكُلِّ مُصِيبَةٍ (اِنَّ اَللّٰهُ وَاِنَّا اِلَيْهِ رَاٰجِعُوْنَ)
٨. وَلِكُلِّ ضَيْقٍ (حَسْبِىْ اَللّٰهُ)
٩. وُلِكُلِّ قَضَاءٍ وَقَدْرِ (تَوَكَّلْتُ عَلَى اَللّٰهِ)
١٠. وَلِكُلِّ طَاعَةٍ وَمَعْصِيَةٍ (لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ)

## أَعْلَى الْعَظِيمِ

Demikianlah diriwayatkan di dalam Kitab **نزّه**

المجالس<sup>119</sup>.

### Beberapa Faedah

#### **Faedah Pertama**

Ini suatu selawat yang jamak lagi amat besar fadilatnya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَلَسْنَا بِقِيٍّ لِلْخَلْقِ نُورُهُ وَرَحْمَةٌ  
لِلْعَالَمِينَ ظُهُورُهُ عَدَدَ مَنْ مَضَى مِنْ خَلْقِكَ وَمَنْ بَقِيَ وَمَنْ سَعَدَ  
مِنْهُمْ وَمَنْ شَقِيَ صَلَاةً تَسْتَعْرِقُ الْعَدَّ وَتُحِيطُ بِالْحَدِّ صَلَاةً  
لَا غَايَةَ لَهَا وَلَا مُنْتَهَى وَلَا أَنْقِضَاءَ صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِكَ وَعَلَى إِلِهِ  
وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا مِثْلَ ذَلِكَ صَلَاةً تُنَجِّينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ  
الْأَهْوَالِ وَالْأَفَاتِ وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ وَتُطَهِّرُنَا بِهَا

---

119 ms 79. نزّه المجالس

مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَلِّغُنَا  
 بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ  
 وَصَلَّى صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمَ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي  
 تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ وَتَنْفَرِحُ بِهِ الْكُرْبُ وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَالِجُ وَتُنَالُ بِهِ  
 الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ  
 وَعَلَى إِلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى إِلِهِ صَلَاةً تَعْدِلُ جَمِيعَ  
 صَلَوَاتِ أَهْلِ مَحَبَّتِكَ وَسَلِّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى إِلِهِ سَلَامًا  
 يَعْدِلُ سَلَامَهُمْ.

Tersebut di dalam Kitab doa الفوز العظيم, dinukil  
 daripada bahawasanya تنبيه الانام وشفاء الاسقام  
 barang siapa selawat di atas ini sekali baca maka  
 baginya pahala orang yang membaca selawat **دلائل**  
 الخيرات tujuh puluh kali.

## Faedah Kedua

Kifayah sembahyang sunat **kufarat al-baula** (yakni kufarat bagi najis kencing): Telah warid di

dalam hadis bahawa Nabi ﷺ bersabda: ‘تنزهوا من’

البول فإِنَّ عامة القبر منه: Ertinya: ‘*Sucikan olehmu daripada kencing (yakni istibra’ daripada kencing itu) kerana bahawasanya kebanyakan azab kubur itu dari kerana tiada bersuci daripada najis kencing*’.

Maka barang siapa mengharapkan pengampunan Allah Ta’ala daripada najis kencing yang mengena badannya atau pakaiannya secara disedari atau tiada, dari kerana kencingnya menitis atau ia terkena kencing kanak-kanak secara tak disedari dan di luar pemastiannya dan ikhtiarnya menyucikan dia, seyogialah ia mengerjakan sembahyang **kufarat al-baula** ini. Kifayahnya seperti berikut: Iaitu dua rakaat, dikerjakan selepas Sembahyang Dhuha, dibaca pada rakaat pertama *Al-Fatihah* sekali dan *Surah Al-Kauthar* tujuh kali. Pada rakaat kedua dibaca *Al-Fatihah* sekali dan *Surah Al-Ikhlās* tujuh kali. Maka barang siapa mengerjakan sembahyang ini dengan niat **kufarat al-baula** nescaya diampuni Allah barang yang mengena badannya dan pakaiannya daripada najis kencing.

Demikian tersebut di dalam Khazinatul Al-Asrar, halaman 40.

### **Faedah Ketiga**

Kifayah sembahyang bagi meringankan sakaratul maut.

Iaitu dua rakaat, dikerjakan antara Maghrib dan 'Isya, dibaca pada tiap-tiap rakaat Al-Fatihah sekali dan Surah Al-Ikhlas tiga kali. Diriwayatkan bahawasanya barang siapa mengerjakan salat ini nescaya diringankan Allah atasnya sakaratul maut, yakni sakit ketika menghadapi maut. Demikian tersebut di dalam Khazinatul Al-Asrar, halam 40.

Wallah Al-Muwaffak

**Khatimah: نَسَأَلُ اَللّٰهَ حَسَنَهَا**

Mengamalkan aurad selepas sembahyang adalah termasuk di dalam perbuatan mendirikan sembahyang (اقامة الصلاة). Seperti kata As-Syeikh Ibni 'Ata Allah Al-Iskandari di dalam *Kitab Al-Hukumnya*:

لَا يَسْتَحَقُّ الْوَرْدَ إِلَّا جَهْلًا



Yakni:

*'Tiadalah yang meremeh-remehkan wirid melainkan orang yang amat jahil'. Kerana seperti kata Syeikh itu: 'Wirid ialah barang yang dituntut Allah daripadamu'.*

Maka seyogianya jangan ditinggalkan wirid. Rasulullah ﷺ pernah mensifatkan perbuatan orang yang meninggalkan wirid dengan tiada sebarang keuzuran atau musyqah itu sebagai **عمل**

**المنافقين**, yakni *'pekerjaan orang-orang munafik'.*

Apabila kita tertinggal wirid oleh sesuatu hajat atau halangan, maka seyogialah diganti pada masa-masa yang terluang, supaya tiada menjadi teradat bagi kita meninggal-ninggalkan wirid, dan janganlah pula kita memandang remeh pada mengqada'nya. Semoga kita termasuk ke dalam

**الذاكرين الله كثيرا والذاكرات** yakni *'Orang-orang lelaki dan orang-orang perempuan yang banyak menyebut dan mengingat Allah'.* Demikianlah hasil nasihat al-ulama Syamsuddin Muhammad

bin Al-Jizari Rahmatullah di dalam **الحصن الحصين** dan Al-Arif Billah Al-Imam An-Nawawi

Rahmatullah di dalam **الاذكار** dan juga ulama yang lain.

Di dalam syarah al-aurad yang telah dihuraikan tiadalah dapat kita memberikan secara terperinci akan khasiat-khasiat ayat-ayat Quran dan zikir-zikir yang dibaca. Barang siapa hendak memperdalamnya silalah muthla'ah kitab-kitab seperti berikut:

1. **منافع القرآن** Al-Imam At-Tamimi.
2. **خواص العرآن** Al-Imam Abi Hamad Al-Ghazali
3. **الدر النظيم في خواص القرآن العظيم** Al-Imam Abi Muhammad Abdullah bin As'ad Al-Yafie Al-Yameni summa Al-Makki
4. **الفوائد في الصلوات والعوائد** Al-'Alamat Syahabuddin Ahmad bin Abdul Latif Asy-Syarji Al-Yemeni
5. **الاتقان في علوم القرآن** Al-Imam Jalaluddin As-Sayuthi
6. **فتح الملك المحيد** As-Syeikh Ahmad Al-Dayarbi As-Syafie

7. خزينة الاسرار Al-Imam As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazali
8. مجربات Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Yusuf As-Sanusi Al-Husni Al-Maliki Al-Maghribi Al-Talmasani.

Dan lain-lain kitab yang seumpamanya, yang dianggap muhtabar di kalangan para ulama ahli As-Sunah Wal Jamaah.

Sekianlah yang terdaya ditulis oleh al-fakir yang amat daif lagi amat banyak taksir dan dosa – pada hal di dalam keadaan hatinya masygul – Muhammad bin Muhammad Ali bin Ahmad bin Ibrahim bin Mahmud bin Yusuf bin Sulaiman bin

مفأالله عنه وغفرله ولاصوله. Mikong Wan Nik Al-Petani.

ولاصحاب الحقوق عليه الجميح المسلمين والمسلمات

والمؤمنين والمؤمنات بجاه سيدنا محمد خير البريات

Mulai menulis Kitab ini pada Bulan Rabi'isani Tahun 1399 Hijrah dan selesai menulisnya pada Bulan Jama'adil Saniah Tahun 1399 Hijrah, iaitu pada malam Isnin. Kemudian diperbuat beberapa perbaikan dan tambahan pada Tahun 1400 Hijrah dan pada Bulan Rejab dan Sya'aban pada Tahun 1401 Hijrah.

Wallahulhamdu Wal Manatu Wabillah At-Taufik  
Walhidayah Wal'aniah.

Kepada Rabb Ta'ala hamba pohonkan berbanyak-banyak maaf dan ampun atas segala kecacatan dan kekurangan dan setiap kegelinciran qalam dan atas setiap khuatir yang terbetik di dalam hati ketika menulisnya yang menjejaskan muraqabah dan musyahadah dengan Rabb Ta'ala dan atas kekurangan murni pada niat dan taksir amal dan ehwal. Semoga Tuan hamba sudi memaafkan dan mengampuni hamba, Ya Rabb. Dan tidak menjadikan isi Kitab ini hujah atas diri hamba bahkan hujah untuk hamba dan jadikanlah barang yang ditulis itu bermanfaat bagiku dan sekalian pembacanya dan orang yang mengajinya. Dan sampaikanlah pahala penulisannya kepada roh Saidilmursalin junjungan Nabi Muhammad ﷺ, hamba dan kekasih tuan yang mulia.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى اله وصحبه وسلم بعدد كل  
حرف جري به القلم وكلما ذكره الذاكرون وغفل عن ذكره  
الغافلون والحمد لله رب العالمين في المبدأ والختام  
وحسبنا الله ونعم الوكيل نعم المولى ونعم النصير ولا حول  
ولا شوة الا بالله العلي العظيم.

ولله العظمة والكمال وحده

## LAMPIRAN

### Lampiran Pertama

#### Perhimpunan Beberapa Doa Yang Elok Untuk Diamal

1. Doa الجوامع الكوامل, yakni yang meliputi pelbagai hajat yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ kepada Saiditina Aisyah Radiallahuanha:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ. وَأَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ. وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ. وَأَسْأَلُكَ

مِنْ خَيْرٍ مَا سَأَلْتُكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . وَمَا قَضَيْتَ مِنْ أَمْرٍ فَأَجْعَلْ عَاقِبَتَهُ  
رُشْدًا.

Ya Tuhanku, bahawasanya hamba memohon kepada Tuan daripada kebajikan sekaliannya yang bersegeranya dan yang bertanggungnya, barang yang ku ketahui daripadanya dan barang yang tiada ku ketahui. Dan hamba berlindung dengan Tuan daripada kejahatan sekaliannya yang bersegeranya dan yang bertanggungnya, barang yang ku ketahui daripadanya dan barang yang tiada ku ketahui. Dan hamba memohon kepada Tuan akan syurga dan barang yang menghampirkan kepadanya daripada perkataan dan amal dan niat dan iktikhad. Dan hamba berlindung dengan Tuan daripada api neraka dan barang yang menghampirkan kepadanya daripada perkataan dan amal dan niat dan iktikhad. Dan hamba memohon kepada Tuan daripada kebajikan barang yang memohon kepada Tuan daripadanya oleh hamba Tuan dan pesuruh Tuan, penghulu kami Muhammad ﷺ. Dan barang yang Tuan qadakan daripada sesuatu pekerjaan (bagi hamba) maka jadikan kesudahannya pertunjuk.

2. Ini suatu lagi doa الجوامع الكوامل:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مَوْجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعِزَائِمِ مَغْفِرَتِكَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ وَالْفُوزَ بِالْحَنَّةِ  
وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ

Ya Allah, bahwasanya hamba memohon kepada Tuan akan sebab-sebab yang mendatangkan rahmat Tuan dan segala keazaman yang kuat yang membawa kepada pengampunan Tuan dan selamat sejahtera daripada setiap dosa dan kedapatan daripada tiap-tiap kebajikan dan kemenangan dengan syurga dan kelepasan daripada api neraka.

3. Ini doa memohon kemaafan, 'afiah dan pemeliharaan yang berkekalan (Sevogia banyak-banyak berdoa dengannya)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ فِي  
الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Ya Allah, sesungguhnya hamba memohon kepada Tuan kemaafan dan 'afiah dan pemeliharaan (atau kesembuhan) yang berkekalan dalam agama dan dunia dan akhirat.

4. Ini doa memohon kesempurnaan nikmat dengan sempurnanya taubat:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ تَمَامَ النِّعْمَةِ بِتَمَامِ التَّوْبَةِ وَدَوَامَ الْعَافِيَةِ  
بِدَوَامِ الْعِصْمَةِ وَأَدَاءِ الشُّكْرِ بِحُسْنِ الْعِبَادَةِ

Ya Allah, sesungguhnya hamba memohon kepada Tuan kesempurnaan nikmat dengan sempurnanya taubat berkekalan 'afiah dengan kekalnya pemeliharaan (daripada dosa), dan penyempurnaan syukur dengan eloknya ibadat.

5. Ini doa memohon sifat takwa dan penyucian diri:

اللَّهُمَّ اتِّ نَفْسِي تَقْوَاهَا وَزَكَّيْهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّيْتَهَا أَنْتَ  
وَلِيَّتُهَا وَمَوْلَاهَا

Ya Allah, datangkanlah kepada diri hamba akan sifat takwanya, dan sucikanlah akan



dia. Tuanlah sebaik-baik yang menyucikannya, Tuanlah penjaganya dan pelindungnya.

6. Ini doa memohon dimudahkan segala urusan atau pekerjaan:

اللَّهُمَّ يَسِّرْ لَنَا أُمُورَنَا مَعَ الرَّاحَةِ لِقُلُوبِنَا وَأَبْدَانِنَا وَالسَّلَامَةِ  
وَالْعَافِيَةِ فِي دِينِنَا وَدُنْيَانَا وَأُخْرَتِنَا

Ya Allah, permudahkanlah bagi kami segala urusan kami (lebih-lebih lagi urusan perjalanan rohaniah menuju kepada Tuan hamba) beserta kerehatan bagi hati dan badan kami dan sejahtera dan 'afiah pada agama, dunia dan akhirat kami.

7. Ini doa memohon penyucian daripada segala sifat yang mencelakakan:

اللَّهُمَّ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُلْيَا طَهِّرْ قُلُوبَنَا مِنْ  
كُلِّ وَصْفٍ يُبَاعِدُنَا عَنْ مُشَاهَدَتِكَ وَمَحَبَّتِكَ وَأَمِثْنَا عَلَى  
السَّنَةِ وَالْجَمَاعَةِ وَالشُّوقِ إِلَى لِقَائِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ

Ya Allah, demi segala nama Tuan yang paling elok dan segala sifat Tuan yang paling luhur, sucikanlah hati kami daripada tiap-tiap yang menjauhkan kami daripada berpandangan dengan hadrat Tuan dan memperoleh kasih Tuan. Dan matikan kami dalam keadaan mengikut sunah (yakni perjalanan hidup) junjungan ﷺ dan dalam kalangan Ahli Sunah wal Jamaah dan dalam keadaan rindu untuk bertemu dengan Tuan. Wahai Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan!

8. Ini doa memohon kasih sekasih-kasihnya kepada Allah Ta'ala, takut setakut-takutnya terhadap Allah dan rindu serindu-rindunya. Dan bahawa dijadikan sejuk mata hati di dalam beribadat jua:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ حُبَّكَ أَحَبَّ الْأَشْيَاءِ إِلَيْنَا وَاجْعَلْ خَشْيَتَكَ  
 أَخْوَفَ الْأَشْيَاءِ عِنْدَنَا وَاقْطَعْ عَنَّا حَاجَاتِ الدُّنْيَا  
 بِالشُّوقِ إِلَى لِقَائِكَ وَإِذَا أَقْرَزْتُ أَعْيُنُ أَهْلِ الدُّنْيَا مِنْ  
 دُنْيَاهُمْ فَأَقْرِرْ أَعْيُنَنَا مِنْ عِبَادَتِكَ

Ya Allah, jadikanlah kasih kami terhadap Tuan sekasih-kasih perkara kepada kami, dan jadikanlah takut kami terhadap Tuan

setakut-takutnya di sisi kami, dan putuskanlah daripada kami segala hajat pergantungan terhadap dunia dengan rindu kami kepada bertemu dengan Tuan, dan apabila Tuan menjadikan sejuk mata hati ahli dunia dengan mengucap keseronokan nikmat dunia mereka, maka sejuukkanlah mata hati kami di dalam beribadat kepada Tuan jua.

9. Ini suatu lagi doa الجوامع الكوامل:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ جَوَامِعَ الْخَيْرِ وَفَوَاتِحَهُ وَخَوَاتِمَهُ  
وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ جَوَامِعِ الشَّرِّ وَفَوَاتِحِهِ وَخَوَاتِمَهُ

Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kepada Tuan hamba perhimpunan segala kebajikan dan segala pembukaannya dan segala penutupnya dan kami berlindung dengan Tuan hamba daripada perhimpunan segala kejahatan dan segala pembukaannya dan segala penutupnya.

10. Ini doa memohon sihat, suci peribadi, sifat amanah, elok perangai dan reda dengan qada' Allah:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الصِّحَّةَ وَالْعِفَّةَ وَالْأَمَانَةَ وَحُسْنَ الْخُلُقِ  
وَالرِّضَا بِالْقَدْرِ

Ya Allah, bahawasanya hamba memohon kepada Tuan kesihatan (tubuh badan), suci peribadi (dengan terkawal nafsu perut dan nafsu kelamin), sifat amanah (dengan terpelihara daripada dosa-dosa besar dan daripada dosa-dosa kecil) dan reda dengan qada'.

11. Ini doa tolak bala:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ جُهِدِ الْبَلَاءِ وَدَرَكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ  
الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

Ya Allah, sesungguhnya hamba memohon perlindungan dengan Tuan daripada kekerasan bala dan ditimpa kecelakaan dan keburukan qada' dan bergembira ria segala seteru.

12. Ini doa memohon perlindungan daripada kehidupan dunia yang menghalang kebajikan di akhirat:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ دُنْيَا تَمْنَعُ خَيْرَ الْآخِرَةِ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ  
 حَيَاةٍ تَمْنَعُ خَيْرَ الْمَمَاتِ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ أَمَلٍ يَمْنَعُ  
 خَيْرَ الْعَمَلِ

Ya Allah, bahawasanya kami berlindung dengan Tuan dengan dunia yang mencegah kebajikan akhirat, dan kami berlindung dengan Tuan daripada kehidupan yang mencegah kebajikan mati, dan kami berlindung dengan Tuan daripada angan-angan yang mencegah kebaikan amal.

13. Ini doa memohon perlindungan daripada pelbagai penyakit yang jelek-jelek:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُدَامِ وَالْجُنُونِ وَمِنْ  
 سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Ya Allah, sesungguhnya kami berlindung dengan Tuan daripada penyakit sopak dan kusta dan gila dan daripada segala penyakit yang jelek-jelek.

14. Ini doa memohon perlindungan daripada kesesatan selepas memperoleh pertunjuk:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الضَّلَالِ بَعْدَ الْهُدَى

Ya Allah, bahawasanya kami berlindung dengan Tuan daripada kesesatan sesudah mendapat pertunjuk.

15. Ini suatu istighfar yang amat elok:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَغْفِرُكَ مِنْ كُلِّ لَذَّةٍ بَغَيْرِ ذِكْرِكَ، وَمِنْ كُلِّ رَاحَةٍ بَغَيْرِ خِدْمَتِكَ، وَمِنْ كُلِّ سُرُورٍ بَغَيْرِ قُرْبِكَ، وَمِنْ كُلِّ فَرْحٍ بَغَيْرِ مُجَالَسَتِكَ، وَمِنْ كُلِّ شُغْلٍ بَغَيْرِ مُعَامَلَتِكَ.

Ya Allah, bahawasanya hamba memohon ampun kepada Tuan daripada setiap kelazatan yang hamba kecap tanpa menyebut serta mengingat akan Tuan, dan daripada setiap istirahat dengan tiada berkhidmat kepada Tuan, dan daripada setiap kesukaan tanpa mengalami perhampiran dengan Tuan, dan daripada setiap kegembiraan dengan tiada bersekedudukan (mendampingi) Tuan, dan daripada setiap kesibukan atau kerja yang tanpa tujuan beramal bakti untuk Tuan.

16. Ini suatu munajat yang elok:

إِلٰهِي خَلَقْتَنِي وَلَمْ أَكْ شَيْئًا

ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَزْتَكَبْتُ الْمَعَاصِي وَأَنَا مُقِرٌّ بِذُنُوبِي

يَا رَبِّ اغْفِرْ لِي إِنْ غَفَرْتَنِي يَا رَبِّ فَلَا يَنْقُصُ مِنْ مُلْكِكَ  
شَيْءٌ

وَإِنْ عَذَّبْتَنِي يَا رَبِّ مَلَايِزِيدُ فِي سُلْطَانِكَ شَيْءٌ

يَا رَبِّ تَجِدْ مَنْ تُعَذِّبُهُ غَيْرِي وَأَنَا لَا أَجِدُ مَنْ يَغْفِرُ لِي  
ذُنُوبِي غَيْرَكَ

يَا غَفُورُ يَا رَحِيمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ وَيَا أَرْحَمَ  
الرَّحِمِينَ

Ya Ilahi, Tuan hamba jadikan hamba pada hal hamba tiadalah sesuatu apa, hamba telah menzalimi diri hamba sendiri, dan hamba telah berbuat maksiat dan hamba masih berkekalan dengan dosa-dosa hamba.

Ya Rabbi, ampunilah hamba. Sekiranya Tuan hamba mengampuni hamba, Ya Rabbi, maka tiadalah akan luak sesuatu apa pun daripada kerajaan Tuan hamba, dan sekiranya Tuan hamba mengazabkan, Ya Rabbi, maka tiadalah akan bertambah suatu apa pun pada kekuasaan Tuan hamba.

Hai Tuhanku, Tuan hamba boleh sahaja mendapati seseorang yang lain untuk Tuan hamba azabkan dia selain hamba.

Sedangkan hamba, tiadalah hamba dapati sesiapa pun yang boleh mengampuni dosa-dosa hamba selain Tuan jua.

Wahai Tuhan yang amat pengampun, wahai Tuhan yang amat mengasihani, wahai Tuhan yang mempunyai keagungan dan kemuliaan, wahai Tuhan yang lebih mengasihani daripada segala yang mengasihani !



## Daftar Sumber-Sumber Pilihan

### Kitab-Kitab Arab

Selain daripada Al-Quran Al-Karim, kitab-kitab tafsir yang muktabar dan kitab-kitab hadis, maka di antara sumber-sumber yang telah diambil manfaat ialah:

- 1) **الاتقان في علوم القرآن** oleh Al-Imam Jalalludin Abdul Rahman As-Sayuthi: **شركة مكتبة ومطبعة مصطفى البابي الحلبي واولاده بمصر** 1951m/1370h.
- 2) **احياء علوم الدين** oleh Al-Imam Abu Hamad Al-Ghazali **شركة مكتبة ومطبعة مصطفى البابي الحلبي** 1939m/1358h.

- 3) الاذكار المنتخبة من كلام سيد الابرار صلى الله عليه  
 شركة مكتبة oleh Al-Imam An-Nawawi وسلم  
 ومطبعة مصطفى الباوي الحلبي واولاده بمصر  
 1955m/1375h.
- 4) ام البراهين oleh Al-Imam Saidi Muhammad bin  
 Yusuf As-Sanusi Al-Husni Al-Maliki Al-  
 Maghribi.
- 5) تاج العروس الحاوي لتهذيب النفوس oleh Saidi Ibni  
 'Ata Allah Al-Iskandari, pada pinggir  
 kitabnya التنوير في اسقاط التدبير: شركة مكتبة  
 ومطبعة مصطفى الباوي الحلبي واولاده بمصر  
 1948m/1367h.
- 6) تنبيه الغافلين oleh Al-Imam Al-Laith As-  
 Samarqandi: Darul Kitab Al-Arabiah Mesir,  
 tanpa tarikh.
- 7) تنقيح القول الحثيث بشرح لباب الحديث oleh As-  
 Syeikh Muhammad Nuri Al-Bantani Al-

- Qadiri: مطبعه دار الطباعة المصرية Sinqapura, tanpa tarikh.
8. جامع كرامات الاولياء oleh As-Syeikh Yusuf bin Ismail An-Nabahani: Dar Sadar, Beirut, tanpa tarikh.
- 9) الحاوي للفتاوي oleh Al-Imam Jalaluddin Abdul Rahman As-Sayuthi Juzu 2, ادارة الطباعة 1352h, المنيرية، بمصر
- 10) الحصن الحصين من كلام سيد المرسلين oleh Al-Alamat Syamsuddin Muhammad bin Al-Jazari, pada pinggir Kitab خزينة الاسرار .
- 11) خزينة الاسرار جلية الاذكار oleh As-Syed Muhammad Haqqi An-Nazali: مكاتب سليمان مرعى Singapura, tanpa tarikh.

- 12) **درة الناصحين في الوعظ والارشاد** oleh As-Syeikh Othman bin Husin Asy-Syakar Al-Khubri: Darul Kitab Al-Arabi, Beirut, Lebanon, tanpa tarikh.
- 13) **سبل السلام** oleh As-Syed Muhammad bin Ismail Al-Kelantani summa As-Sana'ani: مكتبة و مطبعة سليمان مرعى Singapura, 1960m/1379h.
- 14) **الطب النبوي** oleh Ibn Al-Qaiyyum Al-Juziah: دار الحياء الكتب العربية بالقاهرة 1377h.
- 15) **فتح الملك المجيد** oleh As-Syeikh Ahmad Al-Dayarbi Asy-Syafie: مطبعة مصطفى البابي الحلبي واولاده بمصر 1342h.
- 16) **مشكوة الانوار** oleh Al-Imam Abu Hamad Al-Ghazali: (Tahqiq Abi Al-'Ala' 'Afifi), Mesir, 1969m/1383h.

- 17) المنح السنية علي الوصية المتبولية oleh Al-Quthubi  
Asy-Sya'arani: شركة مكتبة شمطبعة مصطفى البابي  
1939m/1357h. الحلبي واولاده بمصر
- 18) مجربات oleh Al-Imam Muhammad bin  
Muhammad bin Yusuf As-Sanusi, pada  
pinggir Kitab فتح الملك المجيد.
- 19) نزهة المجالس ومنتخب النفائس oleh Asy-Syeikh  
Abdul Rahman As-Safuri Asy-Syafie: مطبعة  
1379h. عبدالحميد المدحفي بمصر
- 20) نصائح العباد oleh Al-Alamat Asy-Syeikh  
Muhammad Nawawi Al-Jawi: مطبعة سليمان  
مرعى Singapura, tanpa tarikh.

### Kitab-Kitab Melayu (Jawi)

- 1) البهجة المرضية في الفوائد الاخروية oleh Asy-Syeikh Muhammad bin Ismail Daud Al-Patani, دار الطباعة المصرية, Singapura, tanpa tarikh.
- 2) التحفة المرضية في مملوعة الادعية السنية والخطب المنبرية.oleh Syeikh Hasan bin Muhammad Nur Patani, المطبعة العامرة الشرقية, Bandar Jeddah, 1351h.
- 3) ترجمة دان شرح حكم ابن عطا الله, yang dibangsakan kepada Tok Pulau Manis, Terengganu, keluaran سليمان مرعى, Singapura, tanpa tarikh.
- 4) جمع الفوائد وجواهر القلائد oleh Syeikh Daud Al-Patani, مكتبة سليمان مرعى, Singapura, tanpa tarikh.

- 5) **دار الجواهر السنية** oleh Syeikh Daud Al-Patani, **دار احياء الكتب العربية بمصر** tanpa tarikh.
- 6) **الجوهر الموهوب ومنبهات القلوب** oleh Syeikh Wan Ali bin Wan Abdul Rahman Kotan, Kelantan, **مطبعة دار المعارف** Pulau Pinang, tanpa tarikh.
- 7) **زهرة المرید في عقائد التوحيد** oleh Syeikh Wan Muhammad Ali bin Wan Abdul Rahman Kotan, Kelantan, **مطبعة الكمالية** , Kota Baharu, Kelantan, 1355h.
- 8) **عمدة المحتاجين** oleh Syeikh Abdul Rauf Fansuri, mikro filem 223 dan 370 dan mikrofiche 7 dalam Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- 9) **هداية السالكين** oleh Syeikh Abdul Samad Al-Pelembani, **مطبعة مصطفى الباي الحلبي واولاده**

بمصر 1341h (juba naskah Cap Batu terbitan Darul Maaruf, Pulau Pinang, tanpa tarikh).

- 10) وشاح الافراح واصباح الفلاح oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud Al-Patani, مكتبة  
Haji Muhammad Ali bin Haji  
Muhammad Rawa, Achin Street, Pulau  
Pinang, 1959m/1378h.